


Jilid II
Bil. 1



Hari Isnin
7hb April, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar [Ruangan 13]

PEMASYURAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 13]

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 41]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 41]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 42]

Ucapan Takziah kepada keluarga Allahyarham Y.B. Datuk Haji Abu Bakar Titinggan [Ruangan 44]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 43]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 44]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 87]

Jawatankuasa Pemilih—Perlantikan Ahli-ahli [Ruangan 88]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 89]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 130]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K, J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K, A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S.O.K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD DIN BIN JAAFAR (Dilantik)
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Isnin, 7hb April, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan :

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar.

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA
 TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
 YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 17hb April, 1980 yang lalu, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Pernyataan Rasmi Parlimen.

**TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA
 SERI PADUKA BAGINDA
 YANG DI-PERTUAN AGONG**

Bismillahir-rahmanir-rahim.

Segala puji kepada Allah subhanahu wa ta'ala, selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad salla'llahu 'alaihi wa-sallam dan sahabat-sahabat serta keluarganya.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat:

Beta bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta melafazkan Titah Ucapan, sempena upacara pembukaan rasmi Penggal Kedua Parlimen Kelima pada hari ini. Beta amat sukacita berpeluang menyampaikan titah ucapan buat pertama kalinya sejak memegang jawatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Majlis bersidang pada hari ini dalam jangka waktu yang bersejarah kerana kita baru melangkah masuk abad 15 Hijrah dan juga dekad kelapan puluhan. Tahun ini adalah merupakan tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan Malaysia Keempat akan dilancarkan pada tahun hadapan. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pula telah sampai ke peringkat pertengahan. Tahun 1980 jelas menjadi tarikh yang mempunyai makna yang besar dalam perkembangan negara kita Malaysia.

Kita telah mencapai kejayaan yang pesat, hasil usaha Kerajaan dengan sokongan dan penyertaan rakyat, dalam mengeksploitasi punca-punca kekayaan negara. Memandangkan kepada cabaran tahun-tahun lapan puluhan, Kerajaan akan terus berusaha dengan lebih gigih lagi. Beta menyeru rakyat sekalian supaya melipatgandakan usaha mereka demi menjamin kejayaan yang berterusan. Hanya dengan minat dan ketekunan bekerja serta kesyukuran terhadap pemberian Tuhan sahaja baharulah dapat kita mencapai kebahagiaan yang dicita-cita.

Beta sukacita menyatakan bahawa, walaupun ekonomi dunia mengalami pertumbuhan yang lembab, ekonomi Malaysia terus berada dalam keadaan kukuh pada tahun 1979. Namun demikian, prospek ekonomi Malaysia pada tahun ini mungkin kurang memuaskan memandangkan ekonomi dunia akan mengalami pertumbuhan yang perlahan. Inflasi yang melanda seluruh dunia akan dirasai kesannya di negara kita. Walaupun demikian, melalui langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan serta kerjasama rakyat, inflasi di negara ini tidaklah akan menjadi buruk seperti di lain-lain tempat.

Dalam usaha membendung inflasi, tidak ada sesuatu yang lebih berkesan daripada sikap rakyat. Rakyat harus berjaga-jaga supaya tidak dikuasai oleh psikologi inflasi yang akan menyebabkan pembelian yang berlebihan, menyorok barang dan pengurangan pengeluaran. Pendapatan yang meningkat tidak bermakna, jikalau sara hidup meningkat lebih daripadanya. Sementara Kerajaan bertindak dengan berbagai cara termasuk pemberian subsidi, keupayaan Kerajaan adalah terhad. Oleh itu, rakyat haruslah membantu dengan mengurangkan perbelanjaan dan menambahkan hasil usaha mereka. Beta menyeru rakyat supaya mengamalkan sikap berjimat cermat dan berusaha meninggikan daya pengeluaran masing-masing sebagai sumbangan bagi mengurangkan kesan inflasi.

Beta bersyukur kerana kestabilan politik negara memudahkan Kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Pada keseluruhannya, sambutan rakyat terhadap usaha Kerajaan telah menjamin pembangunan yang lebih pesat. Adalah mustahak rakyat menanam semangat rajin bekerja dan membanggakan hasil usaha sendiri. Hasil sumbangan mereka itu akan menaikkan taraf hidup sendiri, dan merupakan sumbangan besar bagi meningkatkan pengeluaran negara. Dalam menjalankan setiap usaha, kita harus menumpukan perhatian bukan hanya semata-mata kepada upahan tetapi juga sumbangan kepada agama, bangsa dan tanahair.

Dalam hubungan ini, Beta ingin mengingatkan segolongan rakyat Beta yang beragama Islam bahawa keutuhan agama tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara. Kejatuhan beberapa negara Islam adalah disebabkan perpecahan, kelemahan dan kemunduran mereka. Dan dengan kejatuhan ini agama Islam bukan sahaja terancam tetapi biasa dihapuskan. Oleh itu, janganlah hendaknya ada yang cuba menghalang kemajuan, jika kita benar-benar ingin agama Islam kekal dan berkembang maju. Yang harus kita usahakan ialah bahawa dalam mengejar

kemewahan kita jangan pula lupakan nilai-nilai rohaniah dan kewajipan kita sebagai orang Islam. Beta berharap segala perbezaan pendapat di kalangan rakyat Beta yang beragama Islam dapat dihapuskan dan berganding bahu untuk ketahanan negara.

Tinjauan ke atas rancangan-rancangan kita yang telah dilaksanakan, sama ada dalam sektor awam atau sektor swasta, adalah perlu untuk mengesan segala kekurangan dan masalah yang timbul. Dengan tindakan itu, Kerajaan akan dapat mengambil langkah-langkah bagi mengatasinya. Selaras dengan usaha Kerajaan, Beta menyeru supaya sektor swasta juga meneliti dan memahami tanggungjawab dan peranan masing-masing agar dapat memberi sumbangan yang lebih berkesan, bagi menyahut cabaran tahun-tahun yang akan datang.

Peredaran zaman tidak dapat tidak akan membawa perubahan. Walaupun tidak semua perubahan itu baik, tetapi kita harus menerima mana yang baik daripadanya. Dalam penggunaan teknik baru yang jelas memberi hasil yang lebih, rakyat harus menyediakan diri untuk menerimanya. Hanya dengan kesanggupan ini sahaja barulah dapat kita maju ke hadapan dan bersaing dengan negara-negara lain dalam mencapai kemajuan dan memelihara ketahanan dan kebebasan kita.

Kita harus berasa bangga kerana kita mempunyai pengetahuan, kecekapan dan keupayaan tersendiri untuk meninggikan lagi pengeluaran negara dan taraf hidup rakyat. Walaupun negara kita kecil tetapi kita berjaya menjadi pengeluar bijih timah, getah, kelapa sawit dan lada hitam yang utama di dunia. Dengan sifat-sifat yang sama, maka tidak ada sebab kita tidak boleh berjaya dalam bidang-bidang lain.

Punca kemajuan dan kejayaan seseorang itu ialah "self-discipline". Rakyat yang berdisiplin ialah rakyat yang tahu tentang tugas, tanggungjawab dan kewajipan mereka terhadap agama, diri sendiri, keluarga dan negara. Dengan adanya disiplin maka cita-cita kita sebagaimana yang termaktub dalam Rukunegara akan tercapai. Disiplin juga adalah punca kekuatan. Satu masyarakat yang berdisiplin akan mengujudkan semangat cintakan negara. Beta menyeru rakyat sekalian supaya sentiasa mengikuti dan benar-benar memahami perkembangan-perkembangan dalam negara ini dan memelihara nama baik negara, di dalam dan di luar negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Beta sukacita kerana usaha-usaha Kerajaan menarik pelaburan dari dalam dan luar negeri telah berhasil. Dengan adanya berbagai bahan mentah termasuk minyak dan gas yang juga menjadi sumber tenaga, perindustrian negara tidak lagi harus dihadkan kepada pengganti-pengganti impot dan perusahaan kecil sahaja. Masa sudah tiba untuk memasuki ke bidang industri berat bukan sahaja untuk keperluan negara kita tetapi juga untuk ekspot. Dengan ini, Beta harap kawasan kurang maju dapat dibangun dan pengangguran dikurangkan. Rakyat harus menyambut baik dan bersedia menerima perindustrian yang lebih pesat ini demi kepentingan mereka dan negara.

Kita juga telah berjaya di dalam meningkatkan lagi kemajuan di bidang penyelidikan, pengeluaran dan pemasaran bagi menjamin masa hadapan perusahaan barangan utama kita. Selain daripada penubuhan lebih banyak lagi pejabat perdagangan di luar negeri, satu strategi baru akan digubal supaya kerjasama dengan syarikat perdagangan asing dapat diadakan bagi memesatkan lagi pemasaran barang-barang buatan Malaysia. Sebuah Pusat Perdagangan Ekspot telahpun ditubuhkan untuk memberi khidmat yang lebih meluas kepada pengusaha-pengusaha dan pengeksport-pengeksport tempatan.

Untuk memastikan pembangunan sosio-ekonomi serta corak dan kadar pertumbuhan ekonomi dilaksanakan dengan teratur, satu sistem pengangkutan dan perhubungan yang sempurna adalah perlu. Penyediaan infrastruktur bagi perkembangan perindustrian dan memesatkan lagi pembangunan sumber-sumber pertanian di kawasan-kawasan kurang maju adalah menjadi matlamat kita. Untuk mempercepatkan pembinaan jalanraya, termasuk Lebuhraya Utara-Selatan dan Timur-Barat, Kerajaan Beta akan menubuhkan sebuah Perbadanan Lebuhraya. Perlaksanaan projek-projek membina dan menaikkan taraf jalan-jalan luar bandar juga akan terus diperhebatkan lagi. Tindakan untuk memperbesar dan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan di lapangan-lapangan terbang, pelabuhan-pelabuhan dan khidmat keretapi akan diteruskan. Usaha-usaha untuk memperluas serta meninggikan lagi mutu perkhidmatan telekom dan pos akan dilipatgandakan.

Kerajaan Beta akan terus menggiatkan usaha-usaha ke arah meninggikan lagi taraf hidup kaum tani dan nelayan. Untuk mencapai matlamat ini, langkah-langkah akan diambil bagi menentukan bahawa sektor pertanian boleh memberikan pendapatan yang menasabah dan lebih tinggi daripada paras taraf kemiskinan. Pengeluaran bahan makanan akan ditingkatkan melalui penciptaan dan penggunaan cara baru dan galakan oleh Kerajaan. Perhatian juga akan ditumpukan kepada usaha untuk memulihkan tanah-tanah terbiar, khususnya tanah sawah.

Kerajaan Beta juga akan memainkan peranan yang penting bagi menentukan kedudukan ekonomi dan sosial rakyat dari semua golongan, terutamanya rakyat luarbandar, yang bergantung kepada tanah untuk memperolehi pendapatan yang memuaskan dan taraf hidup yang baik. Melalui usaha-usaha pembukaan tanah secara besar-besaran, Kerajaan Beta berjaya menempatkan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan baru dan juga mengujudkan banyak peluang pekerjaan dan juga pelaburan. Melalui agensi-agensi pembangunan wilayah, Kerajaan Beta telah berjaya menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan untuk mengurangkan kemiskinan di antara penduduk-penduduk wilayah-wilayah.

Berbagai rupa perkhidmatan kebajikan masyarakat akan terus dilaksanakan bagi menolong rakyat yang ketinggalan dan yang menjadi korban pergolakan sosial. Penyertaan rakyat dalam kerja-kerja kebajikan harus diperhebatkan lagi menerusi pertubuhan-pertubuhan sukarela. Dalam hubungan ini, Kerajaan Beta mengucapkan terimakasih kepada semua badan sukarela yang bekerja bertungkus lumus menolong rakyat di dalam masa kecemasan.

Dalam bidang pelajaran, Kerajaan Beta telahpun mengemukakan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Laporan ini merupakan satu tahap penting dalam sejarah sistem pendidikan sejak merdeka. Perakuan-perakuan dalam laporan tersebut sedang dikaji untuk dilaksanakan. Kerajaan Beta juga akan terus berusaha untuk meningkat dan mengembangkan universiti-universiti dan lain-lain institusi pelajaran tinggi tempatan yang ada. Apabila projek-projek tersebut siap kelak, pengambilan pelajar-pelajar ke universiti-universiti dan institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan akan dapat ditambah dengan lebih banyak lagi.

Kerajaan Beta memandang berat akan keadaan perumahan di negara ini dan akan terus mengambil tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah mengadakan rumah-rumah lebih banyak lagi, khususnya rumah-rumah awam kos-rendah. Sebuah Majlis Perundingan Kebangsaan Mengenai Perumahan telah ditubuhkan untuk mencari jalan dan menggubal pendekatan dan strategi baru bagi melaksanakan rancangan perumahan dengan lebih berkesan lagi. Kerajaan

Beta juga akan terus mencari jalan untuk mengatasi masalah setinggian yang ketara di kawasan-kawasan bandar-bandar yang besar. Satu badan penyelaras telah ditubuhkan bagi memastikan supaya rancangan-rancangan untuk setinggian yang diusahakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dapat berjalan dengan baik.

Adalah menjadi dasar Kerajaan Beta supaya kemudahan bekalan air yang bersih dapat dinikmati oleh seluruh rakyat. Satu kajian menyeluruh mengenai sumber air bagi memenuhi keperluan dua dekad akan datang sedang dijalankan, meliputi keperluan penggunaan orang-ramai, pertanian dan kuasa haidro. Kajian mengenai bekalan air luarbandar akan dijalankan dalam tahun ini. Berdasarkan kajian-kajian ini, suatu pelan induk mengenai pembangunan bekalan air akan dapat dilahirkan.

Pembekalan letrik ke seluruh negara, termasuk kawasan luarbandar, akan diperluaskan melalui penggunaan kuasa minyak, gas cecair, air dan lain-lain sumber tenaga.

Untuk meninggikan taraf kesihatan rakyat, terutama sekali mereka di luarbandar, Kerajaan Beta akan menumpukan segala usaha untuk menyegerakan pelaksanaan projek-projek kesihatan di bawah berbagai program seperti perkhidmatan kesihatan awam, perkhidmatan perubatan umum, perkhidmatan pergigian dan lain-lain. Berbagai kegiatan yang dijalankan dalam bidang pelajaran kesihatan, fikiran dan sikap individu terhadap kesihatan diri, kesihatan keluarga dan kesihatan awam, akan mendorong rakyat ke arah satu taraf kesihatan yang memuaskan.

Kerajaan Beta sedar bahawa pembaharuan pentadbiran dan perancangan tenaga manusia adalah dua perkara yang amat mustahak dalam pembangunan negara kita. Sistem pentadbiran yang lebih kukuh akan dibentuk bagi menentukan tenaga pelaksanaan dapat diguna secara yang lebih efisien. Kerajaan Beta juga akan terus menumpukan perhatian terhadap memperbaiki lagi keadaan kerja dan taraf hidup pekerja. Usaha-usaha mengadakan undang-undang tertentu dan penguatkuasaannya akan ditumpukan untuk mencapai tujuan ini, termasuk mengujudkan suasana kerja yang lebih sihat.

Belia merupakan sumber tenaga yang penting untuk menjamin kemajuan negara. Kerajaan Beta memberi perhatian yang berat kepada usaha-usaha menambah penglibatan belia dalam pembangunan negara, khususnya dalam aktiviti-aktiviti ekonomi. Beta menyeru supaya mereka bersedia menyambut peluang-peluang pekerjaan, tanpa terlalu memilih. Adalah mustahak belia melengkapkan diri untuk memainkan peranan dalam pembangunan supaya tenaga mereka dapat digembelungkan dalam aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Dalam bidang sukan, Beta sukacita melihat kerjasama yang erat di antara Kerajaan dengan badan-badan sukan dalam mengadakan lebih banyak kemudahan-kemudahan sukan dan juga latihan yang teratur, saintifik dan intensif. Usaha-usaha tersebut, dengan sokongan pihak swasta, akan menghasilkan pemain-pemain serta pasukan-pasukan sukan negara yang lebih bermutu.

Beta sangat sukacita melihat umat Islam khasnya belia-belia Islam di dalam negara ini menunjukkan minat yang tinggi terhadap pembangunan Islam sebagai nilai hidup dalam masyarakat. Ini jelas kerana terdapat banyak pergerakan dakwah. Kerajaan Beta telah memberikan sokongan serta perhatian yang besar kepada badan-badan dakwah yang berusaha bagi meninggikan syiar Islamiah yang sebenar. Dalam pada itu, Beta ingin mengingatkan bahawa terdapat segolongan kecil yang telah terpesong dalam bidang menyebarkan syiar Islam kerana kekurangan pengetahuan, pengertian dan pengalaman mengenai apa yang sebenarnya disuruh

oleh ugama. Ada pula yang berpendapat bahawa ugama Islam tidak toleran, lalu mereka melakukan perbuatan yang negatif yang memburukkan imej Islam dan menyekat perkembangannya. Golongan inilah yang menimbulkan masalah dalam masyarakat Islam di mana-mana juga. Oleh itu, adalah penting bagi mereka yang ingin bergiat dalam bidang dakwah melengkapkan pengetahuan mereka dengan tafsiran Islam yang sebenar terlebih dahulu.

Di dalam negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia, peranan rakyat semakin bertambah. Perhubungan antara Kerajaan dengan rakyat hendaklah diperkukuhkan. Dalam hubungan ini perlulah perkembangan media massa diselaraskan dengan perkembangan dan kemajuan masyarakat. Mereka hendaklah memainkan peranan yang lebih membina lagi bertanggungjawab selaras dengan kehendak dan cita-cita negara.

Kejayaan Kerajaan membendung ancaman dan tindakan pengganas komunis serta memelihara undang-undang dan ketenteraman awam telah menambahkan keyakinan rakyat terhadap keselamatan nyawa, harta-benda dan negara. Rakyat haruslah sedar betapa berharganya keamanan dan keharmonian hidup bermasyarakat. Mereka hendaklah bersikap sederhana dan menunjukkan kesabaran di dalam menghadapi ketegangan dan konflik. Apabila rakyat bersatupadu, negara akan dapat menumpukan segala tanggungjawab dan tindakannya bagi mencapai kebahagiaan hidup. Walaupun demikian, kita perlu berusaha lagi bagi mengukuhkan perpaduan. Rakyat mestilah menghapuskan sifat perkauman dan berpuak-puak, semangat kedaerahan dan lain-lain unsur pecah-belah yang menghalang perpaduan dan kemajuan.

Dengan keredaan Allah subhanahu wa ta'ala dan semangat yang gigih serta gerakan yang berlipatganda oleh Pasukan Keselamatan, serta sokongan rakyat dan kerjasama negara-negara jiran, keadaan keselamatan adalah lebih terkawal. Ancaman daripada komunis dalam negeri masih ada tetapi kegiatannya dapat dikawal. Beta mengucapkan syabas serta tahniah dan mengucap terima kasih kepada Pasukan Keselamatan Beta yang tidak kenal penat lelah dalam menentang komunis dan memelihara keamanan negara.

Pada masa ini bahaya dadah pula sudah menjadi masalah kepada keselamatan dan ketahanan negara. Kebanyakan daripada mereka yang terlibat adalah anak-anak muda kita. Oleh itu, kerjasama dari semua agensi yang berkenaan, badan-badan sukarela dan swasta, serta setiap lapisan masyarakat adalah perlu untuk memerangi gejala ini. Kerajaan memandang berat di atas perkara ini, dan sedang berusaha sedaya upaya untuk menghapuskannya, dengan pertolongan dan kerjasama negara-negara asing serta di peringkat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Pembanjiran pendatang haram dari Vietnam telah menyulitkan keadaan negara. Dengan usaha yang gigih oleh Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam serta kerjasama badan-badan sukarela, masalah ini telah dapat dibendung. Beta mengucap terima kasih kepada Pasukan Petugas dan badan sukarela, dan juga kepada United Nations High Commissioner For Refugees serta negara-negara yang telah sanggup menerima pendatang haram bermastautin di negara mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Keadaan keselamatan negara yang terkawal serta kestabilan politik telah memudahkan Kerajaan mengeratkan hubungan antarabangsa. Berdasarkan Perisytiharan Kuala Lumpur sejak awal dekad tujuh puluhan lagi, Malaysia menentukan pendiriannya mengenai pergolakan-pergolakan serantau dan antarabangsa. Kerajaan Beta telah menyarankan supaya Asia Tenggara dijadikan suatu kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (Zone of Peace, Freedom and

Neutrality). Perkembangan politik yang berlaku di sekitar Asia Tenggara pada masa ini dengan sendirinya mengesahkan kebenaran perjuangan Malaysia. Kerajaan Beta bersama-sama dengan negara ASEAN yang lain akan terus memperjuangkan matlamat ZOPFAN demi mencapai kestabilan dan keamanan serantau.

Walau bagaimanapun, pergolakan politik di Asia Tenggara dan Asia Tengah di masa yang lampau ini amat membimbangkan. Serangan ke atas Kampuchea dan Afghanistan merupakan pencabulan kedaulatan yang tidak boleh dipandang ringan. Kerajaan Beta mendesak supaya pihak-pihak yang berkenaan menarik balik angkatan tentera dan mengundur diri untuk memberi hak kepada negara-negara tersebut menentukan nasib mereka sendiri.

Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian yang istimewa kepada hubungan dengan negara-negara Islam, berteraskan hubungan yang sedia ada untuk meningkatkan kerjasama. Beta berpuashati dengan kejayaan serta kemajuan yang dicapai oleh Pertubuhan Persidangan Islam dan yakin Pertubuhan tersebut akan kekal sebagai satu badan penting dalam menggalakkan semangat bersatu dan kerjasama di antara negara-negara Islam.

Pergolakan-pergolakan yang berlaku di beberapa kawasan dunia kerana kegagalan negara-negara tersebut mengatasi masalah-masalah ekonomi, sosial dan politik rakyatnya telah mengakibatkan keadaan kucar-kacir. Kita hendaklah mengambil pengajaran dan panduan daripada peristiwa-peristiwa tersebut. Andainya kita tidak benar-benar berwaspada, kita juga mungkin terjerumus ke dalam bahaya yang sama.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Kita telah mencapai banyak kejayaan di dalam semua lapangan. Kita juga sedar bahawa tahun-tahun lapan puluhan akan membawa berbagai cabaran dan masalah. Usaha-usaha terus dipergiatkan lagi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Inflasi akan diawasi. Kekayaan negara akan diagihkan dengan saksama kepada semua rakyat, terutama yang tidak berada. Kemampuan pertahanan negara akan diperkukuhkan. Kita mempunyai kekuatan dan tenaga yang cukup untuk memelihara segala kemajuan yang telah dicapai. Usaha-usaha ke arah menggembeling pembangunan untuk perpaduan rakyat hendaklah seiring dengan ketahanan negara. Semangat saling bantu-membantu antara satu sama lain hendaklah diperhebatkan lagi. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing; bukit sama didaki, lurah sama dituruni.

Segala rancangan dan dasar kita adalah untuk kepentingan dan kebaikan ugama, bangsa dan negara yang kita kasihi. Kejayaan yang telah kita capai hendaklah dijadikan sebagai perangsang untuk bergiat melancar dan memesatkan lagi perjuangan kita demi memperolehi kejayaan yang lebih cemerlang di masa hadapan. Segala usaha Kerajaan dalam semua bidang memerlukan penyertaan rakyat yang sama bersemangat dan bersedia bekerja untuk mencapainya. Segala usaha tidak seharusnya tinggal sebagai usaha Kerajaan sahaja. Maju mundurnya negara ini bergantung kepada penyertaan sepenuhnya oleh rakyat. Pada hakikatnya, pembinaan negara adalah hasil keazaman, kebulatan tekad dan usaha bersama rakyat dengan Kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Sebagai penutup, Beta menyeru rakyat sekelian supaya menyokong penuh atas segala usaha Kerajaan Beta di bawah pimpinan Dato Hussein Onn, Perdana Menteri Beta yang dikasihi, untuk mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu dan sebuah negara yang kukuh, aman

dan makmur di bawah satu Kerajaan yang bersih. Beta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada segenap lapisan rakyat kerana sumbangan mereka dalam mencapai matlamat-matlamat negara. Kerajaan adalah menghargai perkhidmatan jujur dan dedikasi yang telah ditunjukkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan, yang telah memeras pemikiran dan tenaga demi kemajuan negara. Perkhidmatan anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang sentiasa rela berkorban nyawa demi mempertahankan kedaulatan negara, sentiasa disanjung tinggi. Kerajaan tidak sekali-kali akan mengabaikan soal-soal kebajikan para anggota Pasukan Keselamatan serta tanggungan mereka.

Akhir kata, Beta berdoa kehadiran Allah subhanahu wa ta'ala semuga dianugerahkan taufik dan hidayah kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat sekalian dalam menjalankan tugas, tanggungjawab dan kewajipan yang diamanahkan.

The English translation is as follows :

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful. Praise be to Allah, Lord of the Universe and may the Blessings and Peace of Allah be upon our Prophet Muhammad, His companions and His family.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat:

I offer my humble gratitude to Allah, Lord of the Universe, for His Grace and Blessings which enable me to deliver this Address on the occasion of the official opening of the Second Session of the Fifth Parliament today. It is a pleasure to be given the opportunity to deliver my first speech since holding office.

Honourable Members:

This session today takes place during a period that is historically significant because we are entering the 15th century of the Hijrah and also the decade of the eighties. This year is also the last year of the implementation of the Third Malaysia Plan. The Fourth Malaysia Plan will be launched next year. The implementation of the New Economic Policy has also reached the half-way mark. Clearly, the year 1980 is very meaningful in terms of the development of our country, Malaysia.

We have achieved rapid success as a result of the Government's efforts, together with the support and participation of the people in exploiting the wealth of our country. In view of the challenges of the eighties, the Government will continue to work with a greater degree of perseverance. I therefore call upon the people to redouble their efforts to ensure that success is sustained. It is only through interest and dedication to work, and gratitude to God's gifts, that we would be able to attain the ideal we long for.

I am happy to state that even though the world economy has experienced a very slow rate of growth, the Malaysian economy continues to be strong in 1979. Despite that, the prospect of our Malaysian economy this year may be less satisfactory considering the slow rate of world economic growth. The effect of inflation that has hit the whole world will be felt in our country. Nevertheless, through measures that will be taken by the Government, together with the co-operation of the people, inflation in this country will not be as severe as that experienced by other countries.

In the effort to combat inflation, there is nothing more potent than the attitude of the people. The people must be aware of the influence of an inflation psychology which would cause excessive buying, hoarding and a reduction in productivity. An increase in income is meaningless if the cost of living rises above that of income. While the Government acts in various ways including the giving of subsidies, its capacity is limited. It is therefore incumbent upon the people to assist the Government by reducing spending and increasing their productive capacity. I call upon the people to be thrifty and more productive as a means of minimising the effects of inflation.

I am thankful to Allah for the nation's political stability which facilitates the Government's implementation of the development programmes for the well-being of the people. On the whole, the people's response towards the Government's efforts has assured the country a more rapid pace of development. It is therefore vital that the people instil in themselves a diligent spirit and take pride in the fruits of their labour. Their efforts will raise their standard of living, and

contribute largely towards increasing the nation's wealth. In all that we do we should be concerned not only with what we earn but also with our contribution towards our faiths, our people and our country.

In this regard, I would like to remind my people of the Islamic faith that the sanctity of religion cannot be divorced from progress of the nation. The fall of several Islamic nations is due to their disunity, weakness and backwardness. With this collapse, Islam is not only threatened; but it also faces the prospect of annihilation. And so let there be no attempt to obstruct progress if we truly wish Islam to spread and be permanent. What we should do is that in our quest for the comforts of life we should not neglect spiritual values and our responsibilities as Muslims. It is my earnest hope that my people of the Islamic faith would set aside their differences and together work for our national resilience.

A review of the programmes that have been implemented, whether in the public or private sector, is essential to enable us to identify the shortcomings and problems that arise. By doing so, the Government would be better able to take appropriate measures to overcome such problems. Consonant with the Government's efforts, I would like to call upon the private sector to examine and appreciate their respective responsibilities and roles so that they will be able to contribute more effectively towards meeting the challenges and demands of the coming years.

The passage of time will inevitably bring in its wake a host of changes. While certainly not all changes are good we should however accept those that are beneficial to us. In the use of new techniques that are clearly more productive, the people must be ready to accept them. It is only through this willingness that we will be able to make headway and compete with other countries in the pursuit of progress and at the same time preserve our resilience and freedom.

We should take great pride in ourselves because we possess the knowledge, efficiency and unique capabilities to enhance the nation's production and uplift the standard of living of the people. Although our country is small, we have succeeded in becoming the world's leading producer of tin, rubber, palm-oil and pepper. With these same attributes, there is no reason why we should not succeed in other fields.

The basis of an individual's success and progress is self-discipline. A disciplined citizenry is one which knows its role, responsibilities and duties towards religion, the family and the nation. With discipline, our aspirations, as enshrined in the Rukunegara, will be achieved. Discipline is also a source of strength. A disciplined society will breed a spirit of love for the nation. I call upon my people to constantly follow and understand the developments in our country so as to preserve the honour of our nation, both within and outside the country.

Honourable Members:

I am gratified to note that the Government's efforts to attract local and foreign investments have been successful. With the various raw materials that we possess, including oil and gas which are also sources of energy, our industrialisation efforts should no longer be confined only to import—substitution and small-scale industries. The time has come for us to go into heavy industries not only to serve the nation's needs but also for export. With this, I hope that our less developed regions will be further improved and unemployment reduced. The people should accept and be ready for a more intensive industrialisation in the interest not only of themselves but also of the nation.

We are also successful in achieving further progress in the fields of research, production and marketing to ensure the future of our primary commodity industries. Besides establishing more trading offices overseas, a new strategy will be formulated so that co-operation with foreign trading companies could be instituted to promote the marketing of Malaysian manufactured goods. An Export Trade Centre had already been established to provide a wider scope of services for local entrepreneurs and exporters.

To ensure that our socio-economic development, and also the pattern and rate of our economic growth are carried out in an orderly fashion, a more efficient system of transport and communication is imperative. The building of appropriate infrastructure for industrial development and the speeding up of the development of agricultural resources in the less developed regions are of prime concern to us. In order to accelerate the building of roads including the North-South and East-West Highways, my Government will set up a Highway Authority. The implementation of the construction projects and the raising of the quality of rural roads will be further intensified. Measures will continue to be taken to widen and improve the facilities at the airports, the seaports and the railways. Efforts towards expanding and raising the standard of services of the postal and telecommunication services will be multiplied.

My Government will continue to put more effort towards uplifting the standard of living of the farmers and fishermen. To achieve this objective, measures will be taken to ensure that the agricultural sector will be able to provide a satisfactory income above the poverty level. Food production will be increased through the formulation and use of new techniques, along with appropriate incentives from the Government. Attention will also be focused on efforts to rehabilitate neglected land, especially padi-fields.

My Government will play a major role in improving the socio-economic conditions of the people in all walks of life, particularly the rural people who depend on land to attain a satisfactory income and a good standard of living. Through the opening of new land on a massive-scale, my Government has succeeded in resettling people in new areas and also in creating more job opportunities and investments. Through regional development agencies, my Government has successfully implemented development activities to reduce poverty between the people of different regions.

Various social welfare services would continue to be implemented to assist the underprivileged and those subjected to social changes. The people's participation in social work should be further intensified through voluntary organisations. In this respect, my Government wishes to thank all voluntary organisations for their hard work and toil in assisting the people in emergency situations.

In the field of education, my Government has brought out the Cabinet Committee Report on the implementation of the National Education Policy. The report marks a significant stage in the history of our education system since independence. The recommendations in the report are presently being closely studied for their implementation. My Government will also continue to raise and develop the existing local universities and other institutions of higher learning. When such projects are completed the student intake into local universities and other institutions of higher learning would be greatly increased.

My Government views with concern the housing situation in this country. It will continue to take appropriate measures to overcome this problem by building more houses, particularly the low-cost ones. A National Consultative Council On Housing has been established to find

ways and means to plan new approaches and strategies to implement the housing programme more effectively. My Government will also continue to search for avenues to overcome the squatter problem which is very evident in the major towns. A co-ordinating body has already been established to ensure that the plans for the squatters, that are carried out by the various state governments, are functioning smoothly.

It is my Government's aim to ascertain that clean water supply is enjoyed by all the people. A comprehensive study on water resources for the next two decades is in progress. It covers the needs of the public, agriculture and hydro-electric power. Water supply to the rural areas is under study this year. Based on the findings of these studies, a master plan on water supply will be formulated.

Electricity supply to all parts of the country, including the rural areas, will be further intensified through the use of petroleum, liquified gas, water and other sources of energy.

To raise the standard of health of the people, especially those in the rural areas, my Government will concentrate all its efforts to accelerate the implementation of health projects under various programmes, such as public health, medical, dental and other services. Various activities concerned with health education, mental and individual attitudes towards personal hygiene, family and public health, will encourage the people towards attaining better standards of health.

My Government realises that the modernisation of administrative machinery and manpower planning are two factors that are imperative for our national development. A more vigorous system of administration will be established to ensure that the use of manpower would be more efficient. My Government will continue to pay attention to the working conditions and standard of living of the workers. Efforts towards promulgating specific laws and its enforcement will be made in order to achieve this aim, including a more healthy working atmosphere.

Youths are an important source of manpower to guarantee national development. My Government pays special attention on the greater involvement of the youths in the nation's development, particularly in economic activities. I therefore call upon them to be prepared to accept job opportunities without being too choosy. It is important that youths adequately equip themselves to play their role in development so that their energy can be channelled towards useful activities. In the field of sports, I am gratified to note that there is close rapport between the Government and various sports organisations in providing sporting facilities and training which are systematic, scientific and intensive. These efforts, coupled with the support from the private sector, will produce national players and teams of high calibre.

I am also gratified to see that the Muslim community, particularly the Muslim youths in this country, show great interest in the development of Islam as a way of life. This is evident from the existence of many missionary movements. My Government has rendered support and lavished attention to these missionary bodies in their efforts to propagate the true Islamic faith. However I would like to draw attention to a small group which has deviated in their missionary work because of their lack of knowledge, understanding and experience with regard to the true teachings of the religion. There are also those who believe that Islam is intolerant and so they engage in negative activities which tarnish the image of Islam and obstruct its spread. This is the group that creates problems for Muslim societies anywhere. It is imperative therefore that those who wish to be active in missionary work should adequately equip themselves with the necessary knowledge in the proper interpretation of Islamic teachings.

In a rapidly developing country like Malaysia, the role of the people increases constantly. Communication between the Government and the people must be strengthened. In this respect, it is essential that the development of the mass media be in harmony with the development and the progress of society. They should play a more constructive and responsible role in accordance with the needs and aspirations of the nation.

The success of the Government in curbing the threats and activities of the communist terrorists, and simultaneously preserving law and order and public peace has greatly enhanced the people's confidence in the security of life, property and the country. The people should appreciate the value of peace and harmony in society. They must be moderate and patient in the face of tension and conflict. Once the people are united, the nation will be better able to attend to its responsibilities and actions towards achieving the ideal for all. It is imperative therefore that we strive to strengthen unity. The people should set aside their sense of communalism, clanishness, and parochialism and such other divisive predispositions which are nothing but impediments to unity and progress.

By the Grace of Allah, the Lord of the Universe and a resolute spirit, coupled with the consolidated effort of the Security Forces, and in addition, the support of the people as well as co-operation from our neighbours, our security is much more assured. The threat from the communists in the country is still prevalent but their activities are well under control. I wish to congratulate and express my deepest appreciation to my Security Forces who worked tirelessly in combating the communists and in preserving the national peace.

At present, dadah has become a problem to the security and resilience of the nation. A majority of those involved are our youths. Hence, co-operation from all agencies concerned, both voluntary and private, together with people from all walks of life is vital to combat the scourge. The Government views this matter with utmost concern and is trying its best to eradicate it with the help and co-operation of foreign countries and the United Nations.

The influx of the illegal immigrants from Vietnam has placed our nation in a difficult situation. With the resolute efforts of the Vietnamese Illegal Immigrants' Task Force and the co-operation from voluntary bodies, this problem has been rendered controllable. I wish therefore to express my deepest gratitude to the Task Force, the voluntary bodies, the United Nations High Commissioner For Refugees as well as to the countries who have agreed to resettle the illegal immigrants in their respective countries.

Honourable Members:

The satisfactory state of our national security coupled with a high degree of political stability have been instrumental in enabling the Government to forge closer international relations. On the basis of the Kuala Lumpur Declaration since the early seventies, Malaysia has been able to make her stand clear with regard to various regional and international crisis. My Government has proposed that South-east Asia be made a Zone of Peace, Freedom and Neutrality. The political development taking place in and around South-east Asia at present reaffirms the cogency of our stand. Together with other ASEAN member countries my Government will continue to strive for the objectives of ZOPFAN in order to achieve regional stability and peace.

Political upheavals in South-east Asia and Central Asia should be viewed with grave concern. The attack on Kampuchea and Afghanistan is a violation of their sovereignty which cannot be viewed lightly. My Government urges the parties concerned to cease and desist in

their military adventures and withdraw their forces completely from the occupied lands so as to allow the people of these lands the right to self-determination.

My Government will continue to pay special attention to the relationship with Islamic countries based on existing arrangement with a view to promote further co-operation. I am satisfied with the success and progress achieved by the Islamic Conference Organisation and I am convinced that this Organisation will remain as an important body for the purpose of promoting a unifying and co-operative spirit among Islamic nations.

The upheavals which are occurring in various parts of the world due to the failure of countries concerned in overcoming the economic, social and political problems of their people have caused much instability. We must learn and take heed of such events. If we are not vigilant, we might suffer the same fate.

Honourable Members:

We have achieved numerous successes in various fields. We also realise that the eighties hold many challenges and problems. Efforts will be further intensified to increase the nation's economic growth. Inflation will be monitored. The nation's wealth will be evenly distributed to all the people, especially the have-nots. Our national defence will be further strengthened. We have sufficient strength and resources to sustain the pace of progress that has been achieved thus far. Efforts towards mustering development for the people's unity must be buttressed by national resilience. The spirit of co-operation with one another must be enhanced. "United we stand, divided we fall!"

All our policies and programmes are directed towards fulfilling the needs and well-being of our religion, our nation, and our beloved country. The success that we have attained thus far should motivate us to launch and intensify our quest to attain a more glorious success in the future. The Government's effort in all fields needs the keen participation of the people moved by a willingness to work to achieve success. No task should be regarded as the responsibility of the Government alone. The progress or backwardness of this country rests largely on the full participation of the people. It is a fact that nation-building is but the sum total of the resoluteness and tenacity of the people working hand in hand with the Government.

Honourable Members:

In closing, I call upon all my people to give their fullest support to all the efforts of my Government under the able leadership of my beloved Prime Minister, Dato Hussein Onn to forge a society that is united, strong, peaceful and prosperous governed by a clean Government. I would like to express my heartfelt thanks to my people from all walks of life for their contribution towards achieving the nation's objective. The Government holds in high esteem the high sense of honesty and dedication shown by Government officers and personnel who have toiled untiringly in the quest for our nation's progress and prosperity. The services of the Security Forces who are ever willing to risk their lives in the defence of our nation's integrity are held in high regard by all. My Government will never neglect the welfare of the members of the Security Forces and their families.

Finally, I pray to Allah, Lord of the Universe that He may bestow His Blessings and Guidance on the Honourable Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in discharging the tasks and responsibilities entrusted upon them.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dilantik itu dapat memberikan sumbangannya yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya serta berkhidmat dengan cemerlangnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1980;
2. Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980;
3. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1980;
4. Akta Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) 1980;
5. Akta Galakan Pelaburan (Pindaan) 1980;
6. Akta Perbekalan Tambahan (1979) 1980;
7. Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 1980;
8. Akta Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) 1980;
9. Akta Pinjaman (Tempatan), Pinjaman Luarnegeri dan Lanjutan Kredit (Pindaan) 1980;
10. Akta Timbangtara (Pindaan) 1980;
11. Akta Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan) 1980;
12. Akta Racun (Pindaan) 1980;
13. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980;
14. Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) 1980;
15. Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) (Pindaan) 1980;
16. Akta Taman Negara 1980; dan
17. Akta Pencen 1980.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“4hb April, 1980.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978);
2. Rang Undang-undang Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Perakaunan);
3. Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Jururawat (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan);
10. Rang Undang-undang Dagangan Komoditi;

11. Rang Undang-undang Penghitungan Semula Pencen;
12. Rang Undang-undang Elektrik (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan); dan
14. Rang Undang-undang Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan).

URUSAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpottfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978);
2. Rang Undang-undang Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Perakaunan);
3. Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Jururawat (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan);
10. Rang Undang-undang Dagangan Komoditi;
11. Rang Undang-undang Penghitungan Semula Pencen;
12. Rang Undang-undang Elektrik (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan); dan
14. Rang Undang-undang Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM Y.B. DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan sedih saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang bekas ahli berikutan dengan kematian Allahyarham Datuk Haji Abu Bakar Titingan pada 20hb Januari, 1980, yang lalu. Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama-sama saya bertaffakur selama seminit sebagai menghormati Allahyarham Datuk Haji Abu Bakar Titingan dan bagi orang-orang yang beragama Islam diminta hadiahkan Fatihah seberapa yang ikhlas ke atas roh Allahyarham itu.

(Majlis bertaffakur selama satu minit dan yang beragama Islam membacakan Fatihah).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

GURU-GURU BAHASA INGGERIS DARI LUAR NEGERI

1. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada guru-guru Bahasa Inggeris yang diambil dari luar negeri akan mengajar selama dua tahun lagi selepas tempoh perkhidmatan kontrak mereka itu luput.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ialah tidak. Tempoh perkhidmatan bagi tiap-tiap kumpulan guru-guru bahasa Inggeris yang diambil melalui The Centre for British Teachers Ltd. adalah untuk selama 3 tahun. Mengikut perjanjian antara Kerajaan dengan pihak The Centre for British Teachers Ltd. itu seramai 200 orang guru akan berkhidmat mengikut kumpulan dari tahun 1980 hingga tahun 1984.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jumlah guru-guru yang akan didatangkan ke mari seramai 200 orang itu, adakah Kementerian ini sedar bahawa kebanyakan rakyat khususnya di luar bandar bencikan Inggeris?

Dengan perasaan ini tidakkah ini akan menjelaskan penerimaan pelajaran kepada anak-anak kita apabila kita sogokkan guru-guru Inggeris ini?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar rakyat di luar bandar bencikan Inggeris. Saya tidak begitu pasti sama ada Inggeris yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahasa Inggeris ataupun bangsa Inggeris, tetapi di dalam kedua-dua bidang ini saya tidak dapat pasti ataupun sedar bahawa ada perasaan benci.

RUNDINGAN PERDANA MENTERI DENGAN DUTA-DUTA

2. Dato' Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau pernah mengadakan rundingan dengan Duta-duta Malaysia di Seberang Laut sebelum beliau mengadakan lawatan rasmi ke sesebuah negara.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada kebiasaannya dibuat atas undangan pemimpin-pemimpin negara-negara yang berkenaan. Persediaan lawatan bermula setelah masa dan tarikh yang sesuai bagi kedua belah pihak dipersetujui. Semua ini dilakukan melalui saluran-saluran diplomatik kedua-dua belah pihak. Duta Besar kita serta kakitangan Kedutaan akan menguruskan dari berbagai aspek berkenaan lawatan itu hinggalah selesai. Seperti biasa Kementerian Luar Negeri akan menyatakan laporan penuh atas berbagai aspek yang meliputi hubungan dua-hala dengan negara-negara yang dilawati daripada Duta Besar kita di negara itu. Laporan-laporan juga didapati dari lain-lain Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. Wisma Putra pula akan mengadakan mesyuarat antara Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan untuk membincangkan laporan itu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar Negeri, pegawai-pegawai Wisma Putra dan juga pegawai-pegawai dari badan-badan Kerajaan yang berkaitan. Semua ini adalah untuk melengkapkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan sepenuhnya dengan

maklumat-maklumat berkenaan negara yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan lawati itu.

INTAN MENUBUHKAN CAWANGAN/ LATIHAN KAKITANGAN AWAM

3. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Institiut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah menubuhkan cawangannya di setiap negeri di Malaysia; jika ya, nyatakan negeri-negeri yang berkenaan serta tarikh cawangan-cawangan itu ditubuhkan; dan
- (b) kesan-kesan yang diperolehi khususnya dalam melatih kakitangan awam yang berdedikasi, jujur dan ikhlas dalam menjalankan tugas-tugas rasmi mereka.

Menteri Tak Berpoffolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat itu ingin saya nyatakan bahawa Institiut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebelum diwujudkan pada bulan September, 1972 dikenali sebagai Pusat Latihan Pegawai-pegawai Kerajaan. Semenjak tahun-tahun lima-puluhan lagi Pusat Latihan Pegawai-pegawai Kerajaan tersebut telah mempunyai cawangan-cawangan di semua negeri di Semenanjung Malaysia melainkan Perlis. Tarikh penubuhan tiap-tiap cawangan tersebut, yang sekarang dikenali sebagai Cawangan INTAN, adalah seperti berikut:

Pulau Pinang	1954
Perak	1957
Negeri Sembilan	1957
Johor	1968
Pahang	1969
Kelantan	1970
Kedah	1973
Melaka	1973
Trengganu	1978

Oleh kerana kekurangan peserta-peserta kursus maka keputusan telah diambil untuk menutup Cawangan INTAN di Melaka pada bulan Mei, 1979. Peserta-peserta dari Melaka sekarang menerima latihan di Cawangan INTAN yang berhampiran iaitu di Seremban, Negeri Sembilan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat 4 kampung baru akan dibina iaitu satu Kampus Utama di Bukit Kiara, Kuala Lumpur dan tiga Kampus Wilayah di Sungai Petani, Kedah, Kemaman, Trengganu; dan Kluang, Johor. Kampus-kampus ini dijangka akan siap menjelang tahun 1983. Dalam tahun 1983 nanti INTAN akan mempunyai satu Kampus Utama di Bukit Kiara, Kuala Lumpur dan empat Kampus Wilayah seperti berikut:

Kampus Wilayah Utara di Sungai Petani,
Kedah
 „ „ Tengah di Jalan Ilmu,
Kuala Lumpur
 „ „ Timur di Kemaman,
Trengganu
 „ „ Selatan di Kluang, Johor

Dengan penubuhan Kampus-kampus Wilayah nanti Cawangan-cawangan INTAN yang ada sekarang di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia akan ditutup. Ini ialah supaya membolehkan INTAN menggunakan tenaga pengajarnya dengan lebih efisien dan berkesan serta mengadakan kursus-kursus yang bermutu tinggi di peringkat Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian kedua dari soalan Ahli Yang Berhormat itu suka saya terangkan bahawa latihan-latihan yang dijalankan oleh INTAN boleh dilihat dari tiga aspek yang penting, iaitu aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Saya sukacita memaklumkan di sini bahawa kejayaan INTAN dalam memberi pengetahuan dan kemahiran tertentu kepada pegawai-pegawai Kerajaan adalah tinggi. Kursus-kursus yang telah berjaya dijalankan termasuk teknik-teknik moden pengurusan pejabat, personnel, tadbiran, tanah, pembangunan luarbandar dan bandar, pembangunan ekonomi dan pertanian dan juga penggunaan komputer.

Membentuk sikap dedikasi di kalangan kakitangan Kerajaan adalah penting. Usaha ini bukanlah satu perkara yang mudah dan tidak dapat diwujudkan dengan cara berkursus sahaja. Namun begitu INTAN mengusahakan berbagai aktiviti latihan dan pengalaman untuk menjadikan Pegawai-pegawai Kerajaan bersikap dedikasi, jujur, ikhlas dan berdisiplin.

Di antara aktiviti-aktiviti latihan yang bercorak baru ialah:

- (1) Kursus bercorak rohaniah seperti kursus ugama dan etika;
- (2) Syarahan dan perbincangan mendalam berkenaan dengan Etika Perkhidmatan Awam Cemerlang;
- (3) Kursus-kursus untuk meninggikan akhlak, jasmani dan daya pimpinan di pusat-pusat latihan tertentu dalam negara seperti Pusat Latihan Angkatan Darat, Maktab Polis di Raja di Kuala Kubu Baru dan Sekolah Latihan Semangat di Dungun;
- (4) Penempatan peserta-peserta kursus di kampung-kampung pendalaman untuk mengetahui dan mengalami secara dekat kehidupan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar;
- (5) Mengadakan dailog dan pemimpin-pemimpin politik untuk mengetahui berbagai aspek dasar dan pelaksanaan pembangunan negara.

Tuan Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas penerangan Yang Berhormat Menteri tadi. Satu sahaja saya hendak pastikan, adakah satu daripada kursus yang dimestikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan ini supaya mempunyai akhlak yang tinggi dan berbudi bahasa kepada orang-orang yang melawat ke pejabat-pejabat? Apa yang menjadi pelik kepada saya iaitu setengah-setengah pegawai Kerajaan kita, bukan semuanya, langsung tidak berbudi bahasa.

Baru-baru ini saya melawat satu dua jabatan, tidak usahlah saya sebutkan jabatan daripada Kementerian yang mana. Bila saya sampai di sana pegawai kanannya sendiri bahkan pegawai kerananya mempersilakan saya duduk bahkan pegawai kanannya diam sahaja, dia sendiri tidak ada mengatakan suruh kita dudukkah, atau apa hal. Inilah saya tujukan kepada Yang Berhormat Menteri adakah berkenaan dengan berbudi bahasa ini dimestikan supaya pegawai-pegawai kita ditekankan dalam masalah berbudi bahasa dan bertiket kepada orang ramai supaya Kerajaan ini adalah Kerajaan rakyat yang berjiwa rakyat dan khidmat cemerlang telah diisytiharkan oleh Kerajaan baru-baru ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, memang satu daripada perkara yang ditekankan dalam kursus atau latihan ialah supaya pegawai-pegawai kita dapat menyesuaikan diri dalam keadaan masyarakat dan menjalankan tugas dengan berbudi bahasa tetapi mungkin dapat juga satu dua pegawai yang tidak dapat boleh dikatakan kerana peribadinya sendiri mungkin, tetapi sekiranya terdapat keadaan begini, maka pihak Kerajaan ingin mengetahui supaya perkara itu dapat diperbaiki.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Walaupun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, bagi pihak INTAN akan membuat latihan dan kursus kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan akan menubuhkan cawangan di seluruh tanahair. Adakah Kerajaan dapat mengakui bahawa dengan lepasan daripada pusat-pusat latihan ini tidak berkesan bahkan ada kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran Kerajaan? Kita nampak ada Pegawai Daerah lebih banyak kerja luar daripada kerja dalam. Dengan keadaan ini adakah Jabatan Perdana Menteri akan memikirkan supaya diadakan sebuah Suruhanjaya menyiasat buat laporan bagi mengatasi masalah ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju kalau Ahli Yang Berhormat itu kata setelah berkursus pegawai itu tiada improvement. Mestilah setelah berkursus pegawai itu mempunyai perubahan dari segi menjalankan tugas. Sekali lagi barangkali kalau ada terdapat satu dua pegawai yang kurang cekap, mungkin ini dari segi personality seseorang itu. Apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat itu pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengadakannya lagi kerana sistem yang ada pada hari ini pun sudah mencukupi.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya amat menjunjung tinggi tujuan Jabatan Perdana Menteri hendak mengadakan kampus bagi INTAN buat masa akan datang. Bagaimanapun saya merasa hairan sedikit sebab mengikut penerangan Menteri yang berkenaan seluruh pegawai Kerajaan sahaja yang diterima mengikuti latihan di INTAN sekarang. Pada pendapat saya, negara maju yang sedang meneroka dan membangun sebagai negara kita ini

bukan sahaja pegawai-pegawai Kerajaan, kita harus mengambil ahli-ahli perusahaan, ataupun ahli-ahli perniagaan kita yang mahir juga ahli-ahli politik kita yang tua ataupun yang berpengalaman sama diadakan mengikuti latihan di INTAN. Di sana bercampur-lah di antara pegawai Kerajaan dengan ahli-ahli perusahaan, ahli-ahli perniagaan juga ahli-ahli politik negara kita. Bukan sahaja Kerajaan dapat meninggikan taraf pentadbiran dalam negeri kita tetapi rasa saya dapat memahami satu persatu dalam cara pembangunan, perusahaan dan politik negara kita yang seimbang. Sebab itu saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah Yang Berhormat Menteri bercadang latihan INTAN akan dibuat sebagaimana yang saya sebutkan demikian?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, latihan di INTAN kita adakan khas untuk pegawai-pegawai Kerajaan. Latihan bagi mereka yang di dalam bidang swasta ataupun orang-orang politik barangkali mereka mempunyai tempat-tempat yang berasingan yang tertentu di mana latihan-latihan khas bagi mereka ini diadakan juga di negara kita ini. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah seminar di mana pemimpin-pemimpin politik dan juga pegawai-pegawai Kerajaan boleh duduk bersama tolong memikirkan sesuatu masalah mengenai pembangunan negara. Saya rasa perkara ini mungkin di masa depan kita akan dapat kaji.

RELA—JUMLAH ANGGOTA/TUGAS

4. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan ahli-ahli RELA yang terdapat sekarang dan sama ada Kerajaan bercadang menambahkan keahliannya ke 500,000 orang; dan
- (b) sama ada RELA ditubuhkan di sepanjang sempadan dan pantai untuk mencegah kemasukan anasir-anasir subversif pendatang-pendatang haram dan sebagainya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, jumlah anggota RELA di seluruh negara pada hari ini ialah 289,924.

Ini bermakna jumlah ini mengandungi juga bilangan relawati, ahli-ahli wanitanya. Memang Kerajaan berhasrat untuk menambahkan lagi anggota RELA ini kepada 500,000. Hanya edahnya dijangka tidak dapat diisi sehingga penghujung tahun 1981, terpaksa kita buat beransur-ansur kerana program melatih itu adalah satu program yang besar.

Pada ketika ini terdapat unit RELA di seluruh negara iaitu tiap-tiap satu unit itu dianggotai oleh 10 orang dan tujuannya ialah untuk membantu Kerajaan, membantu Pasukan Keselamatan sama-sama menjaga keselamatan negara, keselamatan kampung dan ketenteraman awam dan bertindak sebagai mata dan telinga Kerajaan dan tugasnya termasuklah mengawal sempadan dan pantai sehingga ini sebanyak 1,673 unit telah diletakkan di sempadan dan 521 unit yang bertugas di kawasan pantai.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Adakah Kementerian ini sedar bahawa Pasukan RELA ini masih kurang pegawai-pegawainya untuk mengelolakan RELA yang akan ditubuhkan itu? Kedua, adakah Kerajaan bercadang di satu ketika kelak bahawa anggota-anggota RELA yang layak ini patut diserapkan kepada Pasukan Polis atau Angkatan Tentera sebab mereka ada mempunyai pelajaran asas dalam bidang ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan bahawa RELA ini bukanlah tujuannya dimaksudkan untuk diserapkan dalam angkatan tentera kita ataupun pasukan polis, kerana ini adalah terbuka pada mereka yang mempunyai kelulusan yang tertentu di dalam jawatan-jawatan, tetapi kalau sekiranya anggota RELA ini mempunyai kelulusan yang tertentu tentulah pada waktu mereka meminta jawatan itu pertimbangan diberi kerana pengalamannya di dalam RELA tetapi tidak adalah rancangan daripada pihak Kerajaan mengaturkan supaya RELA ini diserapkan di dalam angkatan bersenjata ataupun ke dalam Polis.

Soalan kurang pegawai itu memang nyata dan terang dan ini adalah satu masalah mengapa yang kita tidak dapat mempercepatkan kerja membesarkan bilangan unit RELA. Pada masa ini saya tidak hendak

mengeluarkan rancangan yang ada di dalam kepala saya sekarang bagaimana untuk hendak mengatasi problem ini tetapi rancangan itu sekarang sedang digubal. Kalau saya memberikan gambaran ini iaitu supaya dapat diletakkan RELA ini di bawah jagaan, umpamanya, di kampung kalau ada police station dekat kampung itu diawasi oleh anggota polis di kampung itu. Jadi dengan cara ini dapatlah kita mempertingkatkan lagi mutu kewibawaan pegawai-pegawai RELA di peringkat serendah-rendahnya.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa perkhidmatan RELA di Sabah tidak begitu aktif, kerana tidak terdapat aktiviti-aktiviti seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia? Kalau sedar apakah langkah atau apa yang patut Kementerian ini membantu perkara yang saya maksudkan itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bilangan anggota RELA di Sabah tidak kurang daripada 29,000. Ini adalah satu aktiviti yang tinggi kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Sarawak hanya 16,000. Saya rasa tidak kurang aktiviti RELA di sana, tetapi kalau tidak ketara, itu bukanlah dikatakan aktiviti yang kurang.

KILANG MENGELUARKAN BARANG BERMUTU RENDAH

5. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah kilang yang telah digantung dan ditarik balik lesennya dalam tahun 1979 atas kesalahan mengeluarkan barang-barang yang bermutu rendah (sub-standard); dan
- (b) bilangan serbuan dan pemeriksaan menjejut yang telah dibuat ke atas kilang-kilang untuk memastikan dan mengesahkan kualiti barang-barang yang dihasilkan oleh kilang-kilang tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

(a) Tidak ada.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak ada serbuan dan pemeriksaan mengejut yang telah dibuat oleh Kementerian saya atas kilang-kilang untuk memastikan atau mengesahkan mutu barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tersebut.

Kementerian saya hanya mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang didapati menjalankan perniagaan yang bertentangan dengan perihal perdagangan sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Perihal Dagangan 1972. Tindakan ini akan diikuti dengan tindakan mahkamah sebagaimana telah dilakukan ke atas barang-barang yang lain.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di samping tindakan untuk memastikan dan mengesahkan kualiti barang-barang itu yang dihasilkan oleh kilang-kilang tersebut, adakah Kementerian juga sentiasa mengawal kilang-kilang lain yang dihasilkan barang-barang keperluan supaya bekalan barang perlu itu tidak dikurangkan bila-bila masa pun?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap soal itu mengenai dengan bekalan, bukan mutu. Mengenai bekalan barang-barang keperluan ada 19 jenis barang yang tertakluk dalam Akta Kawalan Bekalan (Control of Supply Act). Kementerian saya ada kuasa untuk memastikan bahawa bekalan barang-barang itu di seluruh Malaysia mencukupi. Apabila satu tempat timbul kekurangan, Kementerian saya atau pegawai di Kementerian saya boleh mengambil tindakan untuk mengarahkan kilang-kilang itu menambah pengeluaran dan juga mengedarkan barang-barang itu kepada tempat-tempat yang menghadapi kekurangan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Daripada jawapan tadi nampaknya pihak Kementerian terlampau baik tidak mengadakan pemeriksaan mengejut dan tidak ada kilang yang digantungkan lesennya. Tidakkah Kementerian

sedar pada masa sekarang ini banyak barang-barang tiruan dan barang-barang yang kurang mutunya dibuat? Maka dengan tidak ada pemeriksaan mengejut di kilang-kilang itu tidakkah bererti menggalakkan kilang-kilang itu melakukan perkara-perkara yang semacam itu, dan bolehkah saya mendapat jaminan daripada Kementerian pada masa yang akan datang pihak Kementerian ini akan sentiasa mengadakan serbuan-serbuan dan pemeriksaan mengejut untuk memastikan barang-barang pengeluaran itu baik?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa ada kilang yang mengeluarkan barang khususnya barang buatan (manufactured goods) yang mana kurang baik (sub-standard) dan kawalan ini diambil atas syarat-syarat yang dikeluarkan kepada kilang-kilang di bawah I.C.A. yang mana kita boleh mengawalkan mutu barang itu.

Kementerian saya juga menggalakkan kilang-kilang itu menggunakan tanda piawai SIRIM supaya barang-barang yang dikeluarkan akan ditanda dengan label SIRIM itu memberi satu imej yang baik kepada kilang-kilang itu. Tetapi mengenai serbuan atau pemeriksaan mengejut, ini oleh sebab kilang itu mengeluarkan barang mengikut schedule. Saya rasa tidak payah membuat serbuan mengejut dan juga kita tidak ada undang-undang yang mana pegawai boleh buat demikian. Dan apa-apa yang kita buat itu ialah dengan rundingan dan juga dengan kerjasama kilang-kilang tersebut.

L.L.N.—PERAK RIVER HYDRO

6. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada L.L.N. akan mengambil alih syarikat Perak River Hydro; jika ya, bila dan nyatakan sama ada L.L.N. akan membekalkan elektrik di seluruh kawasan luar bandar di Perak.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, suka saya menyatakan bahawa soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah kurang jelas sedikit iaitu sama ada Ahli Yang Berhormat bermaksud bilakah Kerajaan akan

mengambil alih hak milik syarikat ini daripada pihak swasta atau bermaksud bilakah syarikat ini akan dicantumkan dengan L.L.N.

Seciranya bermaksud pertama, suka saya menjelaskan bahawa Syarikat Perak River Hydro serta anak syarikatnya Kinta Electrical Distribution adalah dimiliki dengan sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. Dan sekiranya bermaksud kedua, maka suka saya menyatakan bahawa percantuman syarikat ini dengan Lembaga Letrik Negara sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan dan percantuman ini akan berlaku sebaik sahaja pertimbangan ini selesai.

Berkenaan dengan bekalan elektrik luar bandar di negeri Perak, suka saya menyatakan bahawa L.L.N. serta Syarikat Perak River Hydro melalui anak syarikatnya Kinta Electrical Distribution telah menjalankan kerja-kerja membekal elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar tersebut sejak 20 tahun yang lalu dan usaha-usaha ini sedang dan akan diteruskan.

KUALA LUMPUR/LEMBAH KELANG—BEKALAN AIR

7. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah agaknya Kuala Lumpur dan Lembah Kelang akan mempunyai bekalan air yang cukup supaya tidak timbul keperluan catuan air walaupun pada musim kering.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli yang Berhormat, kedudukan bekalan air di kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang adalah bergantung kepada keadaan kemarau. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan yang bekalan air akan mencukupi menjelang tahun 1981 apabila Ampangan Sungai Langat berjalan dengan sepenuhnya pada tahun tersebut.

Rancangan bekalan air yang baru yang sedang dilaksanakan akan dapat memenuhi pertambahan permintaan terhadap air di Lembah Kelang. Tetapi kedudukan bekalan air yang mencukupi di antara tahun 1981 hingga 1985 akan bergantung kepada keterukan (keadaan) musim kemarau. Bekalan air akan mencukupi apabila skim baru di-

siapkan pada tahun 1985 yang akan dapat membekalkan tambahan 60 juta gelen air sehari.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat di Malaysia ini hujan tidak berhenti-henti. Tuhan telah menurunkan hujan dan memakmurkan negeri tetapi hujan ada, air pula tidak ada; hujan lebat dan kalau kita pergi ke Bangsar, air tidak ada. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, ini mungkin kerana tidak ada planning yang sebenar. Perkara ini oleh kerana sudah bertahun-tahun dibangkitkan, daripada seorang Menteri ke seorang Menteri yang lain, perkara ini juga dijawab iaitu Dam di Ulu Langat belum siap, Dam Kelang Gate belum siap. Saya hendak tahu adakah atau tidak Blueprint yang sebenar-benar yang boleh ditunjukkan kepada Dewan Negara dan Dewan Rakyat dari tahun ke tahun—perangkaan-perangkaannya.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Tuhan telah menurunkan hujan kepada manusia tetapi apabila hujan ini turun bukan pula di kawasan yang mana kita ada catchment area, itu satu masalah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengkaji sumber air negara oleh satu pasukan kajian daripada Jepun bagi menjalankan atas tiga peringkat sekarang, saya harap pada tahun 1982, kita akan siapkan semua kajian-kajian ini dan masalah ini boleh diselesaikan.

ASEAN-EEC—PERJANJIAN KERJASAMA

8. Tuan Yap Peng minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil dari mesyuarat EEC dan ASEAN yang baru sahaja diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, Menteri-menteri ASEAN dan Menteri-menteri EEC di Mesyuarat mereka pada 7hb Mac telah menandatangani Perjanjian Kerjasama ASEAN-EEC. Ini adalah satu pencapaian yang penting yang merupakan sebagai satu "landmark" yang bersejarah di dalam hubungan ASEAN-EEC. ASEAN bagi kali yang pertamanya telah membuat

hubungan yang "formal" dengan sebuah pertubuhan serantau yang lain melalui satu Perjanjian yang bertujuan untuk meninggikan lagi kerjasama di antara kedua-dua rantau yang berkenaan di bidang perdagangan, ekonomi perindustrian dan pembangunan. Ingin saya nyatakan bahawa kita di negara-negara ASEAN akan mendapat faedah yang besar. Perjanjian Kerjasama ini memberi dengan izin, "most favoured nation treatment" di dalam hubungan perdagangan dengan EEC. Ia juga akan menggalakkan lagi perdagangan dua hala antara kedua-dua rantau dengan mengambil pertimbangan di atas kepentingan-kepentingan ASEAN untuk mendapat syarat-syarat perdagangan yang liberal daripada pihak EEC. Di dalam hal ini pihak EEC telah bersetuju untuk berusaha untuk menambah kemasukan barang-barang kilang, separuh kilang dan barang-barang perusahaan utama ke pasaran EEC. Pihak EEC juga telah bersetuju untuk menyambung pelaksanaan "Generalised Scheme of Preferences" (GSP) sehingga tahun 2000 dan mengambil perhatian di atas keperluan-keperluan pembangunan negara-negara ASEAN.

Saya juga ingin menambah iaitu Perjanjian ini telah memberi bidang yang luas bagi menjalankan hubungan ekonomi yang rapat di antara sektor-sektor swasta kedua-dua buah rantau melalui pelaburan yang berfaedah kepada kedua-dua belah pihak dan kerjasama di bidang sains dan teknologi. Di bidang kerjasama pembangunan pula sukacita saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat iaitu pihak EEC akan mengambil segala langkah yang boleh untuk menambahkan lagi sokongan kepada projek-projek serantau ASEAN dan ini termasuklah membiayai bersama projek-projek ASEAN untuk mempercepatkan pembangunan di negara-negara ASEAN.

Selain daripada menandatangani Perjanjian Kerjasama, Menteri-menteri ASEAN dan Menteri-menteri EEC juga telah mengadakan satu pertukaran pendapat yang manfaat di atas masalah-masalah seperti perdagangan, barangan dan kerjasama di bidang perindustrian. Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di dalam hal ini telah menimbulkan beberapa masalah yang dihadapi bersama iaitu keperluan untuk mengadakan perdagangan yang liberal dan mengurangkan sekatan-sekatan "tariff" dan "non-tariff" kepada barang-barang eksport ASEAN termasuk keperluan

bagi pihak EEC meluaskan GSP kepada barang-barang pengeluaran ASEAN yang lain terutamanya di sektor pertanian. Ini dan isu-isu lain yang berkaitan akan dibincangkan lagi oleh Komiti Kerjasama Bersama (Joint Cooperation Committee) yang telah ditubuhkan di bawah Perjanjian Kerjasama ini yang akan mengadakan mesyuarat pertamanya di Manila pada akhir tahun ini untuk menggalakkan dan mengkaji semula segala aspek kerjasama yang terkandung di dalam perjanjian.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa para Menteri-menteri telah mengambil peluang sewaktu di mesyuarat itu untuk mengadakan pertukaran pendapat yang "informal" di atas isu-isu di rantau ini yang melibatkan kepentingan ASEAN secara langsung, iaitu masalah-masalah. Kampuchea dan orang-orang pelarian yang mengancam keamanan dan kestabilan di rantau ini. Masalah Afghanistan juga telah dibincangkan. Saya ingin mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat untuk merujuk kepada Deklarasi Bersama dan Kenyataan Bersama yang dikeluarkan oleh para Menteri selepas mesyuarat mereka pada 7hb Mac 1980, yang mana salinannya boleh didapati.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, semasa mesyuarat diadakan antara Menteri-menteri Luar ASEAN dengan Menteri-menteri Luar EEC, 9 orang Menteri-menteri Luar telah berada di Kuala Lumpur, adakah Kerajaan Malaysia mengambil peluang ini untuk mengadakan perundingan secara bilateral dengan Menteri-menteri Luar itu dengan tujuan mengadakan pelaburan-pelaburan di Malaysia, sungguhpun mesyuarat itu antara ASEAN dengan EEC tetapi ini secara bilateral dengan Menteri-menteri yang datang ke negara ini?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana hujungnya itu saya tidak dapat tangkap apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator itu. Tetapi apa yang saya fahamkan iaitu tentang sama ada ataupun tidak perbincangan bilateral. Kita telah merancang pada mulanya untuk menggunakan masa dan peluang untuk mengadakan beberapa perbincangan bilateral di antara Menteri-menteri daripada negara-negara EEC yang datang dengan Menteri-menteri

dan pemimpin-pemimpin kita sendiri, tetapi oleh sebab memandangkan masa adalah terlalu singkat dalam mesyuarat yang dimaksudkan itu, jadi kita terpaksa berpuas hati dengan peluang-peluang yang ada dan kesempatan yang terbuka tatkala diadakan perjumpaan-perjumpaan secara informal yang mana kita telah menggalakkan peluang-peluang perjumpaan dan pertemuan dibuat di antara Menteri-menteri Luar dan Menteri-menteri yang lain daripada negara EEC berbincang dan bertemu dengan pemimpin-pemimpin negara kita termasuk para Menteri. Pertemuan ini juga telah disusun di antara Menteri-menteri daripada negara-negara EEC dan ASEAN dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

ANGGOTA TENTERA LAUT DI RAJA YANG DIPECAT

9. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini 37 orang anggota Tentera Laut di Raja Malaysia (TLDM) telah dipecat dengan alasan melanggar disiplin dan jika benar sila beritahu apakah sebab-sebabnya yang menyebabkan mereka dipecat itu, dan juga nyatakan jumlah anggota-anggota TLDM dan TUDM yang telah dipecat serta sebab-sebabnya.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Saya mengesahkan bahawa 37 orang laskar TLDM telah diberhentikan perkhidmatan mereka pada 1hb Mac, 1980. Sebelum saya memberikan penjelasan seterusnya berhubung dengan pemberhentian laskar-laskar ini dari TLDM saya ingin membawa kepada perhatian Ahli-ahli bahawa tiap-tiap seorang Ketua Turus Perkhidmatan adalah berkuasa untuk menamatkan perkhidmatan tiap-tiap orang laskar, askar dan askar udara di bawah perintahnya di atas salah satu sebab seperti yang terkandung dalam perenggan

49 (1) Appendix "G" kepada Perintah Angkatan Tentera Jilid 2 yang mana di antara lain termasuk:

- (a) berkemungkinan dia akan menjadi seorang askar atau askar udara yang tidak efisien, jika ia masih rekrut.
- (b) jika ada pengurangan kekuatan anggota.
- (c) perkhidmatannya tidak diperlukan lagi.
- (d) tidak layak untuk berkhidmat seterusnya.
- (e) meneruskan perkhidmatannya adalah tidak diingini demi kepentingan perkhidmatan.

37 orang laskar-laskar ini telah diberhentikan mengikut peraturan yang berkuatkuasa sekarang yang terkandung dalam perenggan 49 (1) Appendix "G" kepada Angkatan Tentera Jilid 2 di atas sebab-sebab meneruskan perkhidmatan mereka adalah tidak diingini demi kepentingan perkhidmatan.

Ketua Turus Tentera Laut dengan bidang kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 28 Akta Angkatan Tentera 1972 sebagai Pegawai Berkuasa (Competent Authority) telah diluluskan pemberhentian perkhidmatan laskar-laskar tersebut setelah penyiasatan rapi dijalankan terhadap tingkah laku mereka. Pemberhentian ini juga telah dilakukan ke atas 7 orang pegawai TUDM di bawah syarat-syarat Persaraan Angkatan Tetap (Fasal 28 Bhg. 11) Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Lain-lain pemberian) 1979. 47 orang anggota lain-lain pangkat (Airmen) telah diberhentikan di bawah Perenggan 49 (1) Perintah Angkatan Tentera Vol. 11. Saya bagi pihak Menteri Pertahanan, adalah berpuas hati bahawa pemberhentian laskar-laskar tersebut adalah demi kepentingan TLDM dan TUDM. Saya tidaklah bertujuan untuk memberikan sebab-sebab laskar-laskar ini diberhentikan perkhidmatan mereka satu persatu kerana ini adalah tidak perlu demi kepentingan umum. Adalah juga tidak menjadi amalan Kementerian Pertahanan untuk memberi sebab-sebab kepada umum terhadap pemberhentian perkhidmatan seperti ini kerana ini akan menjejaskan masa hadapan mereka sebagai orang awam dalam mendapatkan lain-lain pekerjaan. Mencukupilah sekadar menjelaskan di

sini iaitu laskar-laskar ini tidak bertanggung-jawab dan tidak boleh menerima darjah disiplin atau tatatertip ketenteraan yang tinggi—dua kualiti yang sangat diperlukan untuk anggota-anggota berkhidmat dalam Angkatan Tentera.

KELAS PERALIHAN MURID-MURID ALIRAN CINA/TAMIL

10. Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa murid-murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Sabah terpaksa melalui kelas peralihan setelah lulus Darjah VI sedangkan bahasa pengantarnya ialah Bahasa Malaysia sejak 1971.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, murid-murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Sabah terpaksa melalui kelas peralihan setelah lulus Darjah VI jika mereka dari aliran Bahasa China atau Tamil. Di Sabah terdapat 91 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China). Murid-murid dari sekolah-sekolah ini yang hendak melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah Menengah terpaksa mengikuti kelas peralihan selama setahun mengikut amalan biasa.

Murid-murid dari Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan terus masuk ke Tingkatan I dengan bahasa pengantarnya Bahasa Malaysia tanpa melalui kelas peralihan, kerana bahasa pengantar di sekolah-sekolah ini ialah Bahasa Malaysia sejak 1971 lagi.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pelajaran Malaysia mengamalkan sistem automatic promotion kepada murid-murid di sekolah rendah sedangkan medium of instruction di sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini sejak tahun 1971 telah diubah kepada Bahasa Malaysia, kadang-kadang automatic promotion ini memberi kebaikan dan juga banyak tidak baiknya. Soalannya sekarang tidakkah kita bersikap tidak begitu adil kepada murid-murid di sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang mana telah mengamalkan, soalnya Bahasa Kebangsaannya kurang, kerana kita dapati murid-murid dari sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini lebih berminat untuk menguasai Bahasa Malaysia,

kadang-kadang terdapat juga mereka memperoleh markah yang tinggi dalam Bahasa Malaysia dan ada juga murid-murid sekolah jenis kebangsaan Bahasa Malaysianya mendapat markah yang rendah. Dalam perbincangan ini, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri menimbangkan semula perkara ini.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf saya tidak begitu pasti apa tujuan, Yang Berhormat itu. Kalau hendak ditukar amalan seperti berjalan sekarang, saya fikir kalau ditukarkan amalan ini lebih tidak adil kepada mereka yang menjalani kursus sekolah rendah, misalnya bahasa aliran China di sekolah rendah. Di peringkat sekolah menengah di Sabah, semenjak tahun 1971 semuanya dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi daripada sekolah rendah, misalnya jenis kebangsaan China hendak naik ke sekolah menengah terpaksa diadakan kelas peralihan, oleh sebab kita berkehendak seseorang yang menjalani di sekolah rendah itu mendapat kemahiran yang sesuai dan lebih baik lagi. Jadi cara ini telahpun dilaksanakan di Semenanjung begitu lama dan nampaknya begitu berkesan malahan menguntungkan pelajar-pelajar yang terpaksa ditempatkan di kelas-kelas peralihan seperti yang saya sebutkan tadi.

PENCEROBOHAN TENTERA RUSSIA TERHADAP AFGHANISTAN

11. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap Malaysia mengenai pencerobohan Afghanistan oleh tentera Russia dan sama ada Malaysia akan memulaukan Sukan Olimpik yang akan diadakan di Moscow.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memandang berat terhadap pencerobohan tentera Russia ke atas Afghanistan yang merupakan pencabulan ke atas kedaulatan sebuah negara Islam dan berkecuali. Malaysia adalah di antara negara-negara yang terawal mengambil pendirian mengutuk pencerobohan tentera Soviet itu.

Delegasi Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam perbincangan tentang soal Afghanistan tersebut di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dah juga di Mesyuarat Tergempar Menteri-menteri Luar

Negeri pertubuhan Persidangan Islam (PPI) di Islamabad baru-baru ini dengan menjadi penganjur bersama (co-sponsor) resolusi-resolusi Persidangan-persidangan tersebut. Malaysia menyeru supaya tentera-tentera Soviet diundurkan dari Afghanistan tanpa syarat dan supaya rakyat Afghanistan dibenarkan memilih sendiri Kerajaan yang mereka ingini tanpa campurtangan dari luar. Seajar dengan keputusan Pertubuhan Persidangan Islam, Kerajaan telah mengambil keputusan menasihatkan supaya Majlis Sukan Olimpik Malaysia tidak menyertai Sukan Olimpik di Moscow selagi tentera-tentera Soviet belum diundurkan dari Afghanistan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah ketahui sikap Malaysia berhubung dengan pencerobohan Russia di Kerajaan Afghanistan. Keadaan ini kita menganggap bahawa Kerajaan itu adalah Kerajaan boneka Russia. Adakah Kerajaan Malaysia bercadang satu ketika kelak akan memutuskan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Afghanistan itu?

Yang kedua, dalam hubungan sukan kenapa dimasukkan sukan dengan politik? Tidakkah ini seolah-olahnya bahawa Malaysia ini mengekori Amerika bila Afghanistan boikot itu dia pun mengikut Amerika, pada hal banyak negara-negara yang maju meneruskan usahanya hendak mengadakan sukan di Moscow itu?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, keadaan sekarang dari segi hubungan ialah kita tidak mempunyai seorang duta ataupun kedutaan di sana. Sebarang hubungan dengan Afghanistan adalah pada masa yang telah sudah dan sehingga ini melalui duta kita di negeri yang lain. Jadi soal memutuskan ataupun tidak, ini belumlah timbul lagi oleh sebab ketiadaan kedutaan kita pada hari ini di sana.

Kedua, tentang hubungan sukan dengan politik. Di sini ingin saya tegaskan bahawa keputusan kita untuk tidak menyertai Sukan Olimpik di Moscow tidak ada kena mengena dengan keputusan yang telah dibuat oleh Amerika dan tidak ada kaitannya keputusan kita dengan sebarang rancangan ataupun usaha yang hendak dibuat oleh pihak

Amerika berkaitan dengan sama ada Sukan Olimpik ini ataupun penyelesaian diperlukan oleh Afghanistan. Keputusan yang telah kita ambil adakah berasas kepada keperluan dan pertimbangan kita sendiri sama ada kepentingan serantau ataupun daripada segi hubungan kita dengan sebuah negara Islam yang lain. Sebagai contoh ada suatu usaha yang sedang dijalankan yang telah dianjurkan pada mulanya oleh Amerika untuk mencari jalan memindahkan Sukan Olimpik daripada Moscow ke tempat yang lain dan Malaysia telah dijemput untuk menyertai perbincangan ini tetapi kita telah mengambil keputusan tidak menyertai perbincangan yang dianjurkan oleh pihak Amerika ini kerana keputusan kita untuk tidak menyertai Sukan Olimpik di Moscow itu tidak ada kena mengena dengan sebarang usaha yang hendak dilaksanakan oleh pihak Amerika.

FILEM-FILEM DI TELEVISYEN

12. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Penerangan menyatakan filem-filem yang ditayangkan di televisyen sekarang ini sudah ditapis oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana:

- (a) filem-filem yang ditayangkan pada malam Rabu selepas Maghrib adalah didapati tidak sesuai ditayangkan;
- (b) filem-filem ini banyak mendedahkan aurat wanita hingga separuh bogel; dan
- (c) babak cium yang melanggar agama rasmi negara ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, filem-filem yang ditayangkan oleh TV Malaysia sekarang ini sudah ditapis oleh Lembaga Penapis Filem dan setahu saya perkara-perkara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak seharusnya berlaku. Walau bagaimanapun, ketiga-ketiga pendapat Ahli Yang Berhormat itu akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan.

ASID BENZOIC—PENCEGAHAN

13. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mencegah penggunaan asid benzoic yang berlebihan dalam penyediaan makanan dan makanan dalam botol.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa tindakan untuk mencegah penggunaan asid benzoic yang berlebihan di dalam makanan-makanan. Pada tahun 1979, sejumlah 11,072 contoh-contoh makanan dari pelbagai jenis telah dianalisa di seluruh Malaysia dan di antaranya 1,020 telah didapati melanggar Peraturan-peraturan Penjualan Makanan dan Dadah 1952 termasuk contoh yang didapati melebihi had asid benzoic di dalamnya. 90 dari kes tersebut telah didakwa di mahkamah kerana terlebih asid benzoic dan didenda sejumlah \$20,975 sementara lain-lain kes masih menunggu pendakwaan atau telah diberi surat amaran.

PENDAFTAR DAN PEMERIKSA KERETA-KERETA MOTOR PAHANG—PEMERIKSAAN

14. Dato' Phua Cheng Leong minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pemeriksaan mengejut yang dijalankan oleh Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor Pahang di Kuantan baru-baru ini telah menakutkan pengguna jalanraya sungguhpun ianya berfaedah dalam menentukan kenderaan-kenderaan berada dalam keadaan baik dan selamat; jika ya, nyatakan sama ada notis atau amaran awal akan diberi terlebih dahulu pada masa hadapan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, bukanlah menjadi tujuan pemeriksaan mengejut yang dijalankan oleh Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor Pahang bagi menakutkan pengguna jalanraya. Tujuannya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah bagi menentukan bahawa kenderaan-kenderaan yang digunakan itu berada dalam keadaan baik dan selamat. Adalah tidak wajar bagi pihak Jabatan Pengangkutan Jalan memberi notis

atau amaran terlebih dahulu apabila hendak mengadakan pemeriksaan mengejut sebab jika demikian pemeriksaan itu bukanlah pemeriksaan mengejut lagi.

HARGA BESI DAN SIMEN

15. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan menaikkan lagi harga besi dan simen di dalam tahun ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan permohonan dari pengilang-pengilang batang-batang besi keluli untuk menaikkan harga pengeluaran mereka sebanyak \$78 satu tan bagi semua saiz batang-batang keluli mulai 19hb Mac, 1980. Mengenai harga simen, buat masa sekarang harga simen tidak akan berubah.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan di Dewan ini bahawa menaikkan harga besi dan harga simen telah dibuat. Selepas itu, setelah kita naikkan, bagi satu harga dalam masa tiga bulan orang berniaga ini tamak hendakkan untung dia mendesak Kerajaan supaya dinaikkan lagi. Adakah Kementerian ini terus mengikut kehendak peniaga-peniaga ini atau tidak mengikut kehendak pengguna?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kelulusan bagi menaikkan harga barang-barang khususnya barang keperluan seperti batang besi keluli atau simen dan lain-lain dibuat selepas kajian yang teliti dibuat dan bukan sahaja mengikut kehendak-kehendak para peniaga dan Kementerian saya mengkaji dari semua segi, segi kos pengeluaran, segi bahan-bahan mentah ini datang dari mana dan sebagainya dan apabila Kementerian saya puas hati dan ada setengah barang kita mesti melalui Jawatankuasa Mengkaji Kenaikan Harga (Price Review Committee) yang mana ada anggota daripada badan-badan pengguna dan selepas itu baru Kementerian saya atau Kerajaan meluluskan kenaikan harga.

OPERASI ISI PENUH MENGENAI JAWATAN KOSONG

16. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada pengambilan pekerja-pekerja Kerajaan melalui Operasi Isi Penuh telahpun selesai dan jika ya, hasil usaha ini hingga kini;
- (b) sebab-sebabnya ramai pemohon yang mempunyai segala kelayakan yang dikehendaki tidak dijemput untuk ditemuduga; dan
- (c) sama ada beliau berpuashati bahawa jentera Kerajaan tidak akan berkehendakkan Operasi Isi Penuh seperti ini pada masa hadapan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak Operasi Penuh dilancarkan, sebahagian besar jawatan-jawatan kosong telah dan sedang dibuat pengisiannya. Sebanyak 34,522 orang telah ditawarkan jawatan-jawatan kosong Kerajaan di dalam Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan semenjak bulan Mei, 1979 sehingga 29hb Februari, 1980 iaitu bagi semua Kumpulan A, B, C, D, dan termasuk Kumpulan IMG.

Kebanyakan daripada jawatan-jawatan yang masih kosong selepas Operasi Isi Penuh adalah jawatan-jawatan Polis Beruniform, dan yang lainnya, adalah jawatan-jawatan professional seperti Doktor dan sebagainya, serta jawatan-jawatan teknikal. Jawatan-jawatan itu tidak dapat diisi sepenuhnya buat masa ini kerana terdapat masalah kekurangan tempat latihan Polis dan juga masalah kekurangan calon-calon yang bersesuaian bagi mengisi jawatan professional dan teknikal.

- (b) Pemohon-pemohon kebanyakan jawatan-jawatan Kumpulan C dan D semasa Operasi Isi Penuh dahulu sangatlah ramai, sehinggakan ada Jabatan-jabatan/Kementerian-Kementerian yang menerima lebih daripada 100,000 permohonan. Bahkan terdapat dua buah Kementerian yang menerima

hampir 200,000 permohonan bagi beberapa jenis jawatan yang diiklankan.

Yang demikian tentulah tidak menasabah atau praktikal untuk memanggil semua pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan hadir untuk temuduga. Tindakan menemuduga ke semua pemohon tentulah akan mengambil masa yang amat panjang dan membazir, dan matlamat Operasi untuk mengisi semua jawatan-jawatan kosong Persekutuan di dalam suatu masa yang singkat, tentulah tidak dicapai.

Sebagaimana prosedur pengambilan yang lazim dipakai, tapisan terpaksa dilakukan terlebih dahulu. Faktor-faktor seperti kelayakan-kelayakan tambahan, pengalaman, umur dan sebagainya adalah dijadikan ukuran tapisan. Oleh itu hanya mereka-mereka yang layak selepas dibuat tapisan sahaja dipanggil untuk ditemuduga.

- (c) Kerajaan telahpun membuat keputusan supaya sistem pengambilan di bawah Operasi Isi Penuh dilanjutkan sehingga Kerajaan menghadapi Rancangan Malaysia Keempat. Tindakan sedang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk memmodernkan sistem pengambilan yang akan menggunakan komputer.

PERKHIDMATAN KERAJAAN— KECEKAPAN

17. Dr Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk meningkatkan kecekapan pejabat-pejabat Kerajaan supaya menentukan bahawa jentera Kerajaan adalah benar-benar berorientasikan perkhidmatan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memberi perhatian yang berat untuk meningkatkan kecekapan pejabat-pejabat Kerajaan supaya jentera Kerajaan adalah benar-benar berorientasikan perkhidmatan.

Pada masa sekarang Kerajaan telah memperhebatkan rancangan latihan pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat iaitu di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah. Rancangan latihan ini sedang dilaksanakan di pusat-pusat latihan seperti INTAN dan di peringkat Jabatan dan Kementerian. Bagi pegawai-pegawai kanan Kerajaan rancangan latihan ini adalah meliputi kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang di dalam dan di luar negeri sama ada di peringkat sijil (certificate) atau diploma. Kerajaan juga sedang memperhebatkan rancangan latihan di peringkat sarjana atau kedoktoran dan juga dalam bidang kepakaran tertentu melalui biasiswa Kerajaan Persekutuan dan bantuan-bantuan negara asing serta Badan-badan Antarabangsa. Bagi pegawai-pegawai tinggi diadakan rancangan latihan dalam bentuk seminar dan forum dengan tujuan untuk mendekatkan pegawai-pegawai tersebut dengan masalah-masalah yang dihadapi di samping meningkatkan mutu kebolehan dan daya kerja mereka.

Selain daripada itu, Kerajaan mengadakan peperiksaan di peringkat Jabatan/Kementerian bagi tujuan disahkan di dalam jawatan dan melangkah sekatan kecekapan untuk kenaikan gaji di dalam skim perkhidmatan. Peperiksaan masuk ke dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (P.T.D.) telah dilaksanakan untuk memilih calon-calon yang benar-benar sesuai bagi memasuki perkhidmatan tersebut. Peperiksaan Am Kerajaan juga telah diadakan bagi tujuan memahami dan menyedari perkembangan dan pergolakan negara dan untuk mewujudkan suasana kefahaman dan perpaduan.

Selain daripada itu, Kerajaan memberi dorongan dengan tujuan memperbaiki kualiti perkhidmatan awam menerusi peluang kenaikan pangkat, penganugerahan pingat-pingat dan darjah kebesaran. Ethika Perkhidmatan Awam telah dilancarkan bagi memupuk nilai-nilai positif di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan supaya mereka terus memberikan perkhidmatan yang jujur, cekap dan berkesan. Ke arah matlamat ini Kerajaan sedang menimbangkan beberapa bentuk penghargaan dan cara-cara perlaksanaannya untuk mereka-mereka yang telah memberi

perkhidmatan cemerlang. Bentuk-bentuk penghargaan dalam pertimbangan itu adalah seperti berikut:

- (i) Meluaskan amalan pemberian Sijil Penghargaan seperti yang diberi oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain Jabatan;
- (ii) Surat Kepujian yang khas untuk pegawai-pegawai rendah seperti yang diberi oleh pihak Polis;
- (iii) Cenderamata yang tidak tinggi nilai harganya dalam bentuk medallion atau lencana;
- (iv) Bonus sebulan gaji bagi kakitangan di dalam Kumpulan "C" dan "D";
- (v) "Golden Handshake" bagi pegawai-pegawai yang akan bersara tidak lama lagi;
- (vi) Gandaan kenaikan gaji.

Selain daripada itu, Kerajaan sedang memperkemas peraturan-peraturan disiplin di dalam perkhidmatan awam. Jabatan Perkhidmatan Awam telah menyemak semula Perintah Am Bab "D" 1969 dengan tujuan memperketatkan disiplin di kalangan kakitangan Kerajaan serta menggalakkan bersikap positif, jujur dan cekap dalam melaksanakan tugas-tugas masing-masing. Dalam persidangan Dewan ini yang lepas Akta Pencen telah diluluskan di mana terdapat peruntukan untuk menyaranan mereka-mereka yang tidak dapat memberi sumbangan yang baik kepada perkhidmatan Kerajaan lebih awal daripada tarikh mereka itu dibolehkan bersara dalam keadaan biasa.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 34 adalah diberi di bawah ini).

PEGAWAI PERSEKUTUAN DIPINJAMKAN KE NEGERI

18. Tuan Abdullah bin Salleh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebabnya Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan enggan meminjamkan pegawai Persekutuan untuk berkhidmat di negeri-negeri Perlis, Kedah, Johor, Kelantan dan Trengganu

seperti yang diperuntukan dalam Perkara 134 (1) Perlembagaan Persekutuan; dan

- (b) sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut telah diberi kata dua untuk memansuhkan perkhidmatan tadbir masing-masing supaya perkara meminjam pegawai, kenaikan pangkat, pengujudan jawatan-jawatan baru dalam negeri itu dapat dipertimbangkan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Bagi menjawab bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat itu, ingin saya tegaskan bahawa adalah tidak benar Kerajaan enggan meminjamkan Pegawai Persekutuan untuk berkhidmat di Negeri-negeri Perlis, Kedah, Johor, Kelantan dan Trengganu. Dalam bidang pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri Perlis, Kedah, Johor, Kelantan dan Trengganu mempunyai Perkhidmatan Tadbir Negeri mereka sendiri. Walau bagaimanapun, dalam bidang lain, seperti pertanian, perhutanan dan kejuruteraan, Kerajaan Persekutuan meminjamkan beberapa pegawai Persekutuan untuk berkhidmat di Negeri Perlis, Kedah, Johor, Kelantan dan Trengganu. Jumlah pegawai persekutuan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri-negeri tersebut sekarang ialah:

Perlis	12
Kedah	80
Johor	124
Kelantan	88
Trengganu	62

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya tidaklah sedar bahawa adanya Kerajaan-kerajaan Negeri telah diberi kata-dua untuk memansuhkan Perkhidmatan Tadbir masing-masing kerana setakat ini tiap-tiap negeri yang disebutkan di atas masih mempunyai Perkhidmatan Tadbir Negerinya masing-masing.

DASAR EKONOMI BARU— PERANAN BANK TEMPATAN

19. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan setakat manakah peranan yang dimainkan oleh bank-bank

tempatan dengan secara langsung membantu Kerajaan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Negara.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Soalan Ahli Yang Berhormat ini tersangat umum. Dasar Ekonomi Baru sebenarnya adalah merangkumi semua sektor ekonomi dan sektor bank adalah merupakan sebahagian kecil sahaja dari keseluruhan ekonomi negara ini.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, salah satu tujuan utama Dasar Ekonomi Baru ialah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Untuk ini, Kerajaan telah memberi tumpuan yang lebih kepada kumpulan masyarakat yang kurang maju dan segala tindakan yang perlu telah diambil untuk menyalurkan sumber-sumber kewangan dan tenaga dalam daya untuk meninggikan taraf pendapatan kumpulan masyarakat ini. Dalam konteks ini, sektor bank telah menyahut seruan Kerajaan dengan memberi keutamaan menyalurkan sumber kewangan kepada kumpulan ini. Setakat ini sektor bank telahpun menunjukkan kemajuan yang menggalakkan dalam pemberian pinjaman kepada sektor-sektor ekonomi yang diberi keutamaan ini, iaitu masyarakat bumiputra, pengeluaran makanan pertanian dan perusahaan-perusahaan kecil.

Kerajaan, melalui Bank Negara, telah mengadakan garis panduan kepada sektor bank untuk dipatuhi dalam penyaluran pinjaman ke tiga-tiga sektor ini. Sektor bank adalah dikehendaki memberi sekurang-kurangnya 17% daripada jumlah pinjaman yang akan diluluskan selepas 30hb Jun, 1979 kepada masyarakat bumiputra, 20% kepada perusahaan kecil dan 5% kepada pengeluaran makanan pertanian. Dari perangkaan yang terakhir, iaitu hingga 31hb Januari, 1980 sektor bank telahpun melebihi peratus garis panduan tersebut, mereka telah menyalurkan pinjaman sebanyak 27% yang berjumlah \$1,924.8 juta kepada masyarakat bumiputra, 26.5% berjumlah \$1,781.3 juta kepada perusahaan kecil dan 5.5% berjumlah \$390.9 juta kepada sektor pengeluaran makanan pertanian. Ini adalah kemajuan yang menggalakkan jika dibandingkan dengan jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor-sektor ini seperti pinjaman kepada bumiputra pada akhir

1971 yang hanya berjumlah \$81.6 juta, \$195.3 juta kepada perusahaan kecil dan \$153.5 juta kepada sektor pengeluaran makanan pertanian.

Dalam usaha mereka menyalurkan sumber kewangan kepada kumpulan-kumpulan masyarakat yang diberi ketutamaan ini sektor bank telahpun mempergiatkan aktiviti-aktiviti mereka ke kawasan-kawasan luar bandar. Sehingga hari ini telah terdapat 531 buah cawangan bank di seluruh negara. Bilangan ini sudah tentu akan meningkat dari masa ke semasa memandangkan pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara kita sekarang ini.

Dalam struktur kakitangan pula, pada keseluruhannya kakitangan bumiputra pula merupakan 40% dari jumlah keseluruhan kakitangan dalam sektor bank. Ini adalah kemajuan yang menggalakkan. Walaupun begitu Kerajaan masih dan akan mengambil langkah yang tegas untuk meningkatkan lagi jumlah kakitangan bumiputra dalam sektor bank terutamanya di peringkat pengurusan kanan di mana sekarang peratus bumiputra ialah 29.4%. Di atas galakan Kerajaan, sektor bank telahpun mula mengadakan latihan khusus kepada kakitangan-kakitangan bumiputra bagi meningkatkan lagi kemahiran mereka.

Dari keterangan-keterangan di atas sudah nyata bahawa sektor bank telah bersama-sama dengan Kerajaan dalam usaha mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

ASEAN BINCANGKAN MASALAH KAMPUCHEA

20. Datuk Haji Ahmad Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Malaysia mengenai masalah Kampuchea di dalam mesyuarat ASEAN.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia telah mengambil beberapa tindakan pada masa-masa yang lalu mengenai masalah di Kampuchea bersama-sama dengan negara ASEAN yang lain di antaranya termasuklah:

- (a) mengambil inisiatif untuk mengemukakan satu deraf resolusi ke peringkat tertinggi antarabangsa iaitu Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu di mana kemudiannya resolusi tersebut mendapat sokongan terbanyak ahli-ahli PBB serta diterima menjadi satu Resolusi badan dunia itu pada 14hb November, 1979;

- (b) Malaysia telah menghadiri beberapa mesyuarat khas ASEAN bagi membincangkan masalah Kampuchea yang diadakan di Bangkok dalam bulan Januari dan Febuari, 1979, di Bali dalam bulan Jun, 1979, di Kuala Lumpur dalam bulan Ogos dan Disember, 1979, dan yang akhir sekali mesyuarat ASEAN di Kuala Lumpur dalam bulan Mac tahun ini;
- (c) Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain bersama-sama Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) dalam Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN/EEC kira-kira sebulan dulu telah membuat ketetapan menggesa Setiausaha Agong PBB dan masyarakat antarabangsa untuk mengujudkan segera satu penyelesaian politik dan menyegerakan penubuhan sebuah negara Kampuchea yang merdeka dan berkecuali serta Kerajaan yang benar-benar mewakili rakyat Kampuchea.

Seterusnya, Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain akan sentiasa mengkaji masalah dan perkembangan yang berlaku di Kampuchea dari masa ke semasa dan berusaha mencari jalan untuk menjayakan matlamat penyelesaian politik yang berkeadilan bagi Kampuchea. Kita juga sedang berusaha untuk menyambungkan dialog dengan Vietnam dan juga mengadakannya dengan pihak-pihak lain yang terlibat dalam pertikaian di Kampuchea untuk mencari jalan persefahaman bagi mencapai matlamat kita mengujudkan kawasan yang aman dan stabil di rantau ini.

Kerajaan akan mengambil tindakan dalam rangka di atas di mesyuarat-mesyuarat ASEAN yang akan datang berkenaan perkara ini.

BANTUAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA

21. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada tindakan telah diambil oleh Kementerian ini untuk

mendapatkan negara-negara yang bersetuju membantu pelajar-pelajar Malaysia dan nyatakan jumlah tempat yang diberikan oleh tiap-tiap negara yang bersetuju.

Dato' Musa bin Hitam: Sebahagian daripada jawapan kepada soalan ini telahpun saya berikan semasa menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan S. Subramaniam pada hari ini (7hb April, 1980). Mengenai jumlah tempat yang diberikan oleh tiap-tiap negara, ini adalah bergantung kepada polisi negara-negara berkenaan. Misalnya, negara-negara Australia dan New Zealand mengamalkan dasar terbuka berkaitan dengan pengambilan pelajar-pelajar asing. Jumlah tempat yang diberikan adalah bergantung kepada bilangan pemohon yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pusat-pusat pengajian di sana. Di samping itu, ada juga negara-negara yang menetapkan jumlah tempat yang tertentu kepada pelajar-pelajar asing seperti negara India dan Pakistan, terutamanya dalam bidang kedokteran dan farmasi, tetapi jumlah tempat yang diperuntukkan adalah berubah dari masa ke semasa.

ASEAN-EEC—PERJANJIAN KERJASAMA

22. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Luar Negeri menyatakan dengan temeterinya perjanjian kerjasama di antara ASEAN dan Persatuan Ekonomi Eropah (EEC) sama ada:

- (a) kejayaan akan tercapai dalam "Dialogue Utara-Selatan";
- (b) penubuhan "Common Fund" dapat dibuat dengan lebih awal;
- (c) satu pengesahan awal dapat dibuat untuk Perjanjian Antarabangsa Getah Asli; dan
- (d) pemindahan teknologi dapat dilaksanakan dengan segera secara jujur dan ikhlas daripada negara-negara EEC ke negara-negara ASEAN.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Perjanjian Kerjasama ASEAN-EEC membayangkan antara lain bahawa pihak-pihak yang tersebut bekerjasama di peringkat antarabangsa mengenai penyelesaian masalah-masalah perdagangan terutama yang

berhubung dengan barangan (commodity). Walaupun ada terdapat peruntukan kerjasama demikian dalam perjanjian itu, elok saya mengatakan bahawa masalah "North-South Dialogue" dan perkara-perkara lain yang bersangkutan termasuk soal-soal barangan memang sedia dirundingkan di forum-forum antarabangsa yang besar di bawah kelolaan UNCTAD dan GATT. Akhirnya, penyelesaian masalah-masalah ini adalah tanggungjawab forum-forum antarabangsa tersebut yang mestilah memberatkan kedudukan dan kepentingan negara-negara yang sedang membangun dengan negara-negara yang membangun. Oleh itu, adalah agak sukar dinyatakan sama ada Perjanjian Kerjasama ASEAN-EEC akan menghasilkan kejayaan bagi mencapai penyelesaian tentang perkara-perkara di dalam "North-South Dialogue", "Common Fund" dan Peraturan Perdagangan Barangan Antarabangsa. Perjanjian Kerjasama ASEAN-EEC itu mestilah ditegaskan, adalah pada dasarnya bertujuan ke arah menggalakkan kerjasama antara dua rantau, iaitu bagi mendapatkan langkah-langkah untuk meliberalkan perdagangan di antara kedua rantau dan bagi mengurangkan tariff terutamanya untuk barang-barang pengeluaran ASEAN.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah saya jelaskan terdapat peruntukan untuk ASEAN dan negara-negara EEC bekerjasama bagi mencari penyelesaian yang "viable" kepada masalah-masalah antarabangsa. Berhubung dengan hal ini Yang Berhormat Senator tentu sedia maklum iaitu di dalam Deklarasi Bersama (Joint Declaration) yang dikeluarkan pada 7hb Mac, 1980, Menteri-menteri ASEAN dan EEC telah menekan kepada keperluan menyegerakan usaha-usaha bersama di peringkat antarabangsa untuk menghadapi isu-isu ekonomi yang penting termasuklah isu bahan-bahan mentah, tenaga, perdagangan, pembangunan, kewangan dan untuk mencipta strategi pembangunan antarabangsa yang baru bagi "Third UN Development Decade". Mereka juga menegaskan untuk bekerjasama secara membina bagi menyelesaikan isu-isu yang belum selesai dalam UNCTAD, "The North-South Dialogue", UNIDO, GATT dan di dalam lain-lain agensi khas antarabangsa (specialised agencies).

Berhubung dengan soal "Common Fund", Menteri-menteri ASEAN dan EEC telah menegaskan harapan agar perbincangan mengenai "Articles" Perjanjian mengenai Tabung itu akan mencapai penyelesaian yang segera, untuk membolehkan tabung itu memulakan operasi pada tahun 1980. Mereka juga menyambut baik penyelesaian "International Rubber Agreement" dan bersetuju ianya harus dilancarkan dengan segera di dalam suasana bekerjasama. Saya juga ingin menambah di sini bahawa dalam kerjasama dengan EEC mengenai "global issue" terlebih dahulu memberatkan kepentingan negara-negara yang sedang membangun dengan harapan bahawa jalan itu akan membawa ke arah ujudnya awal "The New International Economic Order" yang adil dan bermakna.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Senator yang lain pula mengenai pemindahan teknologi, EEC telah menyatakan kesudian untuk terus membiayai program sekarang seperti seminar pemindahan teknologi dan juga sudi meluaskan lagi bidang latihan dan rancangan bantuan pelajaran terutama di bidang sains, teknikal, industri dan personnel di negara-negara ASEAN.

Dengan itu kesimpulannya jelaslah terdapat kemahuan yang nyata dari EEC untuk mempercepatkan kerjasama dengan negara-negara ASEAN keperingkat yang lebih bermakna. Kita harap Perjanjian Kerjasama ini akan menghasilkan tindakan yang konkrit untuk faedah bersama kedua-dua rantau lebih-lebih lagi apabila Jawatankuasa Perjanjian Kerjasama yang ditubuhkan di bawah Perjanjian itu mengadakan sesi pertamanya di Manila akhir tahun ini bagi menggalakkan dan mengulangkaji berbagai aktiviti-aktiviti kerjasama yang sedang berjalan sambil mencari jalan-jalan yang baru.

KENAIKAN YURAN BAGI PELAJAR-PELAJAR DI UNITED KINGDOM/EIRE

23. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk:

- (a) mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di Britain oleh kerana kenaikan yuran;

- (b) mencari peluang-peluang lain di negara-negara asing untuk pelajar-pelajar kita menyambung pelajaran mereka.

Dato' Musa bin Hitam:

- (a) Sebagai yang telah dimaklumkan di dalam Dewan ini, Kementerian Pelajaran telahpun mengambil tindakan untuk mengatasi masalah kenaikan yuran bagi pelajar-pelajar yang menuntut di United Kingdom dan Eire. Peruntukan sebanyak \$300,000 sebagai permulaan telahpun diadakan dan sumbangan dari sebuah yayasan swasta sebanyak \$50,000 telah juga diterima untuk tujuan ini. Wang sebanyak \$350,000 ini adalah bagi keperluan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang memerlukan dan kemudahan ini di-mulakan mulai tahun 1980 ini.
- (b) Kerajaan memang berusaha sedaya upaya mencari peluang-peluang pelajaran bagi pelajar-pelajar kita untuk menyambung pelajaran mereka ke luar negeri dengan mengadakan perbincangan-perbincangan mengenai perkara tersebut di antara Kementerian saya dengan pihak berkenaan di luar negeri untuk mendapat peluang pelajaran bagi pelajar-pelajar Malaysia. Semasa lawatan saya ke Australia dan New Zealand pada 12hb November, 1979 untuk menghadiri mesyuarat Tahunan Persatuan Parlimen Komenwel yang diadakan di Wellington New Zealand, saya telah diberi jaminan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan kedua-dua negara tersebut bahawa mereka akan terus mengamalkan dasar terbuka berkaitan dengan pengambilan pelajar-pelajar asing dan tidak bercadang mengadakan sekatan ke atas bilangan pelajar-pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka di negara-negara tersebut.

UNIVERSITI TEMPATAN— MEMBESARKAN

24. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan bilangan tempat-tempat yang terhad di universiti-universiti seberang laut

bagi pelajar-pelajar kita disertakan pula dengan kenaikan pembayaran yuran yang tinggi:

- (a) apakah tindakan-tindakan yang akan diambil supaya memperbesar universiti-universiti tempatan agar boleh mengambil masuk lebih banyak pelajar-pelajar; dan
- (b) sekiranya tindakan-tindakan ini telah atau akan diambil nyatakan bilangan tambahan pelajar-pelajar yang akan dapat diambil dalam masa lima tahun yang akan datang.

Dato' Musa bin Hitam: Kerajaan sebenarnya memang telah dan akan membuat tindakan untuk memperkembang serta memperbesar universiti-universiti tempatan yang sedia ada bertujuan menambahkan lebih ramai pelajar melanjutkan pelajaran di peringkat pelajaran tinggi. Antara tindakan yang akan diambil ialah:

- (i) Pembinaan Kampus Cawangan yang baru di Bintulu, Sarawak bagi Universiti Pertanian Malaysia;
- (ii) Pembinaan Kampus Cawangan yang baru di Likas, Kota Kinabalu bagi Universiti Kebangsaan Malaysia;
- (iii) Pemindahan Universiti Teknologi Malaysia ke kampus barunya di Sekudai, Johor bila kampusnya siap nanti;
- (iv) Pembinaan kampus dan kemudahan-kemudahan baru untuk Pusat Pengajian Sains Perubatan di Kubang Kerian, Kelantan;
- (v) Pembinaan "Kampus Akademik Islam Universiti Malaya" di Bachok, Kelantan.
- (vi) Mengembang serta membesarkan kampus-kampus induk yang sedia ada.

Dengan adanya rancangan-rancangan seperti di atas bilangan pelajar untuk masuk ke universiti sudah tentu akan bertambah tapi jumlah pertambahan sebenarnya untuk lima tahun yang akan datang belum dapat ditentukan lagi.

ASEAN-EEC—PENYELARASAN

25. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah perkara-perkara yang tertentu telah diperbincangkan dalam penyelarasan ASEAN/EEC di persidangan yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Jawapan kepada soalan seperti ini telahpun saya buat. Oleh itu, silalah Yang Berhormat rujuk kepada jawapan saya ketika saya menjawab soalan Yang Eerhormat Tuan Yap Peng sebentar tadi.

MALAYSIA AHLI MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU

26. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia pernah menjadi ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, jika tidak, adakah rancangan untuk berbuat demikian.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Untuk makluman Yang Berhormat Senator yang sendiri telah menjadi seorang ahli delegasi Malaysia ke Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Sessi ke 33 di New York, Malaysia telah dipilih berkhidmat selama satu tahun dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dalam tahun 1965. Kita telah berkongsi kerusi bersama Czechoslovakia dalam jangka masa dua tahun penggal perkhidmatan dalam Majlis tersebut. Kementerian saya sedang berusaha ke arah kemungkinan mendapatkan kerusi dalam Majlis Keselamatan itu pada satu masa yang sesuai di masa hadapan.

PENUNTUT INDIA DI UNIVERSITI

27. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan penuntut India yang telah diambil masuk ke universiti tempatan pada tahun akademik 1979; dan
- (b) dibandingkan dengan bilangan pada tahun 1970, adakah bilangan ini bertambah baik atau merosot.

Dato' Musa Hitam

- (a) Jumlah penuntut India yang telah diambil masuk ke universiti tempatan pada tahun akademik 1979 ialah seramai 326 orang.
- (b) Bilangan pada tahun 1979 adalah bertambah baik jika dibandingkan dengan bilangan pada tahun 1970 di mana hanya 264 orang sahaja telah diambil masuk.

TARAF PENDUDUK TETAP KEPADA ISTERI ASING WARGANEGARA MALAYSIA

28. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

- (a) tindakan positif yang dilakukan oleh Kerajaan tentang rakyat-rakyat Malaysia yang berkahwin dengan rakyat bukan Malaysia di luar negeri; dan
- (b) jumlah permohonan yang telah dibuat mulai 1hb Februari, hingga 6hb Mac, 1980.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan tidaklah dapat menegah rakyat Malaysia yang mahu berkahwin dengan orang-orang asing yang bukan warganegara Malaysia di luar negeri. Ini adalah hak asasi seseorang itu. Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan baru-baru ini ialah mengadakan satu dasar semata-mata mengenai kemasukan orang-orang asing yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia itu dengan niat tinggal tetap di negeri ini. Syarat-syarat mengikut dasar ini ialah, seseorang isteri asing kepada warganegara yang ingin memohon untuk mendapat taraf penduduk tetap atas sebab perkahwinan perlulah terlebih dahulu membuktikan bahawa perkahwinannya telah berlansung selama satu tempoh 5 tahun dan ia telah tinggal bersama-sama suaminya berterusan selama tempoh yang tersebut itu di luar negeri.

Perlu saya tegaskan bahawa semuanya ini adalah syarat-syarat bagi hanya melayakkan sesuatu permohonan itu dibuat untuk dipertimbangkan. Ini ialah kerana mengikut Perintah Imigresen (Larangan Masuk) 1963, pemberian taraf penduduk tetap kepada isteri asing kepada warganegara bukanlah satu hak tetapi satu keistimewaan sahaja.

Bagi soalan (b), sekiranya Ahli Yang Berhormat itu maksudkan permohonan untuk taraf penduduk tetap, maka jumlah permohonan yang diterima sejak 1-2-1980 hingga 6-3-1980 ialah 1,072. Kesemuanya sedang diproses.

BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH—PENGUNAAN

29. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab penggunaan Bahasa Kebangsaan tidak dapat diamalkan sepenuhnya di mahkamah-mahkamah negara ini walaupun negara kita telah merdeka selama 23 tahun; dan
- (b) pada tahun berapa boleh digunakan dengan sepenuhnya Bahasa Kebangsaan dan perundangan dan mahkamah-mahkamah di Malaysia seluruhnya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Bagi menjawab kedua-dua pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat mengenai kedudukan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah dan dasar Kerajaan yang diamalkan sekarang berlandaskan peruntukan-peruntukan Perlembagaan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Mengikut Perkara 152 Fasal 4 Perlembagaan Persekutuan:

“(4) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas daripada itu sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen segala pembicaraan dalam Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dijalankan dalam Bahasa Inggeris:

Dengan syarat bahawa, jika Mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak bersetuju, keterangan yang diambil dalam bahasa yang digunakan oleh saksi tidak payah diterjemah atau direkodkan dalam bahasa Inggeris.”

Perkara 152, Fasal (5) pula menambah:

“(5) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen, segala pembicaraan dalam Mahkamah Rendah, lain daripada mengambil keterangan, hendaklah dijalankan dalam bahasa Inggeris.”

Maksud peruntukan di atas ialah bagi 10 tahun selepas Merdeka, bahasa Inggeris hendaklah (shall be) digunakan di dalam Mahkamah sehingga Parlimen memperuntukan sebaliknya. Oleh itu, selepas 10 tahun, iaitu pada tahun 1967 Parlimen telah mengadakan peruntukan khas di dalam Akta Bahasa Kebangsaan, 1967 mengenai bahasa Mahkamah Seksyen 8 menyatakan:

"8. Segala pembicaraan (melainkan keterangan yang diberi oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa Kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris, atau sebahagiannya dalam bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris:

Dengan syarat Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam pembicaraan dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan bagi pembicaraan itu, memerintah bahawa pembicaraan itu (melainkan keterangan yang diberi oleh seseorang saksi) hendaklah sama ada kesemuanya dalam bahasa Kebangsaan atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris."

Dalam mengendalikan perbicaraan, hakikat terpenting dan utama ialah berpandukan rukun-rukun keadilan. Sesuatu perbicaraan itu dianggap tidak sah jika sekiranya tidak menepati rukun-rukun ini.

Walau demikian, menurut undang-undang dan sistem perundangan kita, saksi-saksi atau orang yang dituduh boleh menggunakan bahasa yang ia faham sepenuhnya. Penterjemah-penterjemah disediakan untuk maksud ini. Menterjemah bahasa yang digunakan oleh saksi-saksi atau orang-orang yang dituduh, tidaklah mempunyai masalah kerana apa yang disebutkan itu berbentuk "cerita" (narrative). Tetapi masalah besar ialah bagi menterjemahkan bahasa perundangan (legal language). Apabila sesuatu terjemahan dibuat dari bahasa Inggeris dan ianya tidak menepati maksudnya, maka pembicaraan itu dianggap tidak adil dan tidak sah. Begitu juga Bahasa Undang-undang dan segala punca undang-undang (resources of law) dan asal usulnya bertulis dalam bahasa Inggeris. Adalah sukar dan rumit untuk digantikan walaupun dalam masa yang panjang kerana perkara-perkara ini dijadikan "precedent". Mengenai bahasa Undang-

undang dalam bahasa Malaysia yang ada hanyalah semata-mata undang-undang mengenai kuasa Kerajaan. Tetapi undang-undang yang besar yang ada kaitannya dengan hak-hak rakyat masih lagi dalam bahasa Inggeris. Begitu juga dengan "commentaries" bagi undang-undang itu.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang dibuat supaya sistem perundangan dan kehakiman dapat berjalan sepenuhnya di dalam bahasa Malaysia. Bagi mencapai tujuan ini, Kerajaan sedang menimbangkan penubuhan sebuah Jawatankuasa di peringkat kebangsaan bagi mengkaji dan menyelaraskan penggunaan bahasa Malaysia di dalam bidang perundangan dan kehakiman tidaklah boleh dibuat dengan tergapoh-gapah.

NASRUL-HAQ

30. Dato' Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rakyat amnya masih tidak mendapat gambaran yang jelas tentang kedudukan Nasrul-Haq. Jika beliau sedar nyatakan sikap Kerajaan dan tindakan beliau akan ambil untuk memberi pengertian yang jelas dalam perkara ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Saya tidak sedar sama ada rakyat telah mendapat gambaran yang jelas tentang kedudukan Nasrul-Haq atau tidak. Walau bagaimanapun, buat masa ini Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri, sedang menjalankan tugas-tugas menyiasat mengenai semua seni mempertahankan diri yang ada hubungan dengan Agama dan termasuk Nasrul-Haq. Segala hasil dari siasatan ini akan dibawa ke Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk mendapat fatwa berhubung dengannya.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH LIMA

31. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan murid-murid tidak berjaya dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil disebabkan kelemahan mereka dalam matapelajaran Bahasa

Malaysia dan Bahasa Inggeris, nyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Musa bin Hitam: Kementerian saya sedar bahawa pencapaian murid-murid di kebanyakan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima adalah kurang memuaskan. Langkah-langkah yang telahpun diambil untuk membenters kelemahan ini ialah:

- (a) Penempatan guru-guru Bahasa Malaysia yang terlatih ke sekolah-sekolah itu. Sebelum itu ramai di antara guru-guru Bahasa terdiri dari guru-guru sementara.
- (b) Mengadakan rancangan pembacaan tambahan dalam kedua-dua bahasa itu.
- (c) Memperbaiki perkhidmatan perpustakaan di sekolah-sekolah tersebut.
- (d) Mengadakan kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk meninggikan taraf pengajaran mereka.
- (e) Pengawasan situasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah tersebut dibuat oleh Jemaah Nazir dan Pengelola-pengelola Sekolah.

TUNJUK PERASAAN DI ALOR SETAR

32. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada anasir-anasir anti Kerajaan telah melibatkan diri dalam tunjuk perasaan di Alor Setar baru-baru ini; jika ada; nyatakan bilangan mereka yang telah ditangkap; dan jika tidak ada campur tangan dari anasir-anasir anti Kerajaan sebab-sebabnya mereka mengadakan tunjuk perasaan dengan secara mengejut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tunjuk perasaan yang berlaku pada 23-1-1980 di perkarangan WISMA NEGERI, Alor Setar, Kedah adalah akibat dari dorongan oleh beberapa orang ahli PERTUBUHAN ANGKATAN SABILULLAH iaitu sebuah pertubuhan haram sepertimana yang diakui sendiri secara terbuka oleh dua orang

tokoh pertubuhan tersebut beberapa hari yang lalu. Berikutan dari kegiatan tersebut seramai 15 orang yang disyaki terlibat menghasut petani untuk mengadakan tunjuk perasaan yang telah mencetuskan rusuhan dan pemusnahan harta benda telah ditangkap oleh Polis di bawah seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kegiatan yang memudharatkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Di samping itu, dalam tindakan menyuarakan rusuhan tersebut, pihak Polis telah menangkap seramai 92 orang di bawah seksyen 147 dan 148 Kanun Kesiksaan kerana merusuh. Kesemua 92 mereka ini telah dihadapkan ke mahkamah dan sedang menunggu perbicaraan.

UNIFORM POLIS WANITA

33. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakob minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa seluar panjang, seperti yang dipakai oleh polis lelaki tidak disediakan kepada polis wanita; dan
- (b) sebab-sebab pemakaian kalimat Allah dan Muhammad di topi-topi anggota Polis Di Raja.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Kerajaan telahpun mengambil keputusan mengenai perkara tersebut dan Insya Allah sebelum akhir tahun ini anggota Polis Wanita yang menjalankan tugas-tugas am akan dibekalkan dengan uniform tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Polis Wanita yang bertugas di Pasukan Simpanan Persekutuan dan Pasukan Polis Hutan telahpun dilengkapkan dengan uniform baju dan seluar panjang.
- (b) Jata (crest) berbentuk "mahkota" adalah lambang "DI RAJA" yang menandakan limpah kurnia Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menganugerahkan taraf "DI RAJA" kepada Pasukan Polis. Perkataan "ALLAH" dan "MUHAMMAD" tertera dalam jata (lambang) mahkota Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jata tersebut diletakkan di atas lambang Polis yang sentiasa dijunjung dan dihormati pada setiap masa dengan penuh berdisiplin.

LAPANGAN TERBANG IPOH

34. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak membesarkan Lapangan terbang Ipoh dan sama ada kemudahan mendarat pada waktu malam akan dipertimbangkan memandangkan kemajuan di Negeri Perak.

Dr Goh Cheng Teik: Satu kajian akan dijalankan tidak berapa lama lagi untuk membuat perakuan sama ada sebuah lapangan terbang baru perlu dibina atau diperbaiki Lapangan terbang yang sedia ada di Ipoh itu.

Oleh kerana Lapangan terbang Ipoh dikelilingi oleh bukit-bukit, maka dari segi keselamatan adalah tidak sesuai diadakan kemudahan untuk penerbangan di waktu malam, terutamanya dalam keadaan cuaca buruk.

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

JAWATANKUASA PEMILIH— LANTIKAN AHLI-AHLI

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Nasir,

Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin,

Yang Berhormat Tuan Kam Woon Wah; dan

Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam,

hendaklah jadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Nasir,

Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin,

Yang Berhormat Tuan Kam Woon Wah; dan

Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam,

hendaklah jadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA
D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

3.39 *ptg.*

Puan Rahmah binti Othman: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima.”

Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah saya merasa amat bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala di atas segala limpah kurnia serta taufik dan hidayah yang telah mengizinkan saya untuk mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini satu Usul bagi Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda semasa Pembukaan Penggal Kedua Parlimen Kelima pada 17hb Mac, 1980 yang lalu.

Tidak ketinggalan saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada pucuk pimpinan negara dan parti iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah memberikan kepercayaan serta penghormatan yang begini tinggi kepada saya. Saya percaya dengan kepercayaan serta penghormatan yang begini besarnya ini akan sama-sama dinikmati oleh setiap Ahli Dewan yang mulia ini serta seluruh kaum wanita yang berada di dalam Parti Barisan Nasional kerana sepanjang yang saya tahu semenjak wujudnya Dewan yang mulia ini, inilah kali ketiga seorang wanita yang diberikan penghormatan untuk mengemukakan satu Usul seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat seluruh Titah Ucapan Di-Raja yang telah menyentuh beberapa masalah dan kemajuan-kemajuan yang telah dibuat oleh Kerajaan nyata bahawa negara kita telah mencapai kejayaan yang pesat hasil usaha Kerajaan dengan sokongan dan penyertaan rakyat dalam mengeksploitasikan punca-punca kekayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada kejayaan yang telah kita capai ini di tahun-tahun yang lalu yang menyebabkan kita berada dalam keadaan yang begitu sederhana dan memandangkan kepada cabaran dalam tahun-tahun 80an, saya percaya Kerajaan akan terus berusaha dengan lebih gigih lagi melipatgandakan usaha demi untuk menjamin kejayaan yang cemerlang dan dengan ini akan memberi satu semangat baru pada rakyat negara ini di mana kita sekarang berada dalam abad 15 Hijrah dan dekad kelapan puluhan. Kerajaan Barisan Nasional akan terus berusaha dengan sedaya upaya untuk memperkukuhkan kedudukan politik dengan begitu gigih dengan pembangunan negara dalam berbagai aspek yang sesuai dengan kehendak dan keperluan kita sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Tidak dinafikan kemungkinan ada segolongan kecil daripada rakyat kita akan tidak merasa puas hati yang kita dapat lihat dalam pilihanraya kecil Bukit Raya baru-baru ini dan pihak Kerajaan juga tidak akan dapat melayani kemahuan-kemahuan semua individu dan ini akan menjadikan kita lemah dan pada asas tujuan utama negara ini. Dalam sebuah

negara yang demokrasi kehendak atau pendapat rakyat adalah dianggap sebagai kehendak keseluruhan dan Kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk memenuhinya. Inilah yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama hari ini dan saya percaya pengundi-pengundi dalam kawasan Bukit Raya menyedari hakikat Kerajaan ini dan saya percaya walaupun calon Barisan Nasional menang dengan angka yang kecil tetapi inilah permulaan untuk membangunkan kawasan tersebut yang telah lama ketinggalan.

Bagi pihak Ahli-ahli Dewan ini, saya turut menyampaikan ucapan tahniah kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional Peringkat Pusat dan Negeri dan kepada setiap individu yang telah berusaha memenangkan calon Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Titah Ucapan Di Raja yang menunjukkan prospek ekonomi Malaysia pada tahun ini mungkin membimbangkan memandangkan kepada ekonomi dunia yang mengalami pertumbuhan yang lembab dan inflasi yang melanda di seluruh dunia yang akan dirasai kesannya di negara ini kelak. Oleh yang demikian, pada pendapat saya, Kerajaan perlulah berhati-hati dan mengambil langkah yang positif supaya negara kita yang telah dan sedang disayangi oleh rakyat tidak berubah.

Saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya melipatgandakan usaha membasmi inflasi di negara ini, selain daripada memberikan subsidi, mengadakan berbagai cara yang positif supaya harga barang dapat terkawal terutama di luar-luar bandar.

Dalam usaha membendung inflasi akhir-akhir ini rakyat mula sedar akan peranan yang mesti dimainkan dengan adanya seruan-seruan yang dibuat oleh pucuk pemimpin negara sebagai pengguna. Tetapi, pada pendapat saya, cara-cara bagi rakyat untuk menolong terus usaha Kerajaan itu memberi kesedaran sepenuhnya kepada mereka sebagai pengguna amatlah tidak memuaskan. Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memperkuatkan lagi Bahagian Penguatkuasa di Kementerian yang berkenaan supaya dapat menyelaraskan kerja-kerja penguatkuasa dan dapat

dijalankan dengan cekap iaitu bahagian ini patut dijadikan satu usaha yang menyeluruh tidak sahaja di peringkat Kementerian tetapi di peringkat negeri-negeri, daerah-daerah supaya dengan cara ini orang ramai dapat memberikan kepercayaan kepada usaha Kerajaan yang bercita-cita untuk membendung inflasi.

Di samping itu, Kerajaan hendaklah menyokong kegiatan persatuan pengguna di negara ini dan memberikan lebih banyak lagi bantuan subsidi kepadanya supaya ianya dapat mengadakan projek-projek, ceramah-ceramah dan memberi pendidikan pengguna kepada masyarakat dan program ini hendaklah diadakan secara menyeluruh terutama di luar-luar bandar, kerana tanpa ini, Tuan Yang di-Pertua, akan berlakulah seperti mana terdapat dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia yang berbunyi:

“Rakyat harus berjaga-jaga supaya tidak dikuasai oleh psikologi inflasi yang akan menyebabkan perbelanjaan yang berlebihan menyorok barang-barang dan sebagainya”.

Jika Persatuan-persatuan Pengguna yang diharapkan oleh Kerajaan pada hari ini kurang memberikan pendidikan pengguna ini kepada masyarakat, bagaimanakah cara mereka untuk bersama-sama Kerajaan mengatasi masalah inflasi?

Dalam hal ini, pada pendapat saya juga, sudahlah sampai masanya Kerajaan mengkaji semula Sistem “Consumer Price Index” yang pada masa ini merupakan satu ukuran kenaikan belanja hidup rakyat kerana sistem yang dilakukan sekarang didasarkan kepada keadah yang lama, kalau tidak salah saya belum ada lagi pindaan-pindaan dibuat kepada Price Index ini dan perlu dikemaskinikan. Dengan yang demikian, barulah boleh didapati Index yang mencerminkan belanja hidup pada masa ini.

Satu perkara lagi yang ingin saya sentuh berhubung dengan perkara ini ialah dalam ucapan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian baru-baru ini. Beliau telah menyebut dalam usaha untuk menerangkan kepada rakyat bahawa kadar inflasi kita juga kalau dibandingkan dengan negara-negara lain adalah sangat berkurangan. Pada pendapat saya, perbandingan harga-harga

barang keperluan di antara Malaysia dengan negara-negara anggota ASEAN tidak bererti kepada rakyat di luar-luar bandar terutama sekali. Saya tidak syak tentang kebenaran yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tetapi apa yang saya khawatirkan ialah sekiranya Kerajaan selalu sangat menekankan kepada aspek ini, membuat perbandingan-perbandingan dengan negara-negara luar untuk memberikan jaminan kepada rakyat, mungkin akan timbul rasa puas hati di kalangan setengah-setengah rakyat yang berpendapatan lumayan dan juga pihak Kerajaan sendiri, sedangkan di kalangan rakyat biasa terpaksa menanggung belanja hidup yang meningkat dan dengan ini pula timbullah rasa tidak puas hati terhadap Kerajaan kerana mereka yang berpendapatan rendah merasakan Kerajaan telah gagal dalam usahanya untuk mengawal inflasi.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, syor saya tadi supaya Kerajaan mengambil tindakan positif menguat dan memperluaskan Bahagian Penguatkuasa dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan dengan cara ini segala tindakan dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini adalah tahun akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan diikuti pula dengan pelancaran Rancangan Malaysia Keempat. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru juga telah sampai ke peringkat pertengahan. Oleh yang demikian, tahun 1980 mempunyai makna yang besar dalam usaha Kerajaan untuk mencapai kejayaan yang pesat dalam mengeksploitasikan punca-punca kekayaan negara. Pada pendapat saya, sampailah masanya Kerajaan mengkaji segala usaha yang telah lalu dengan tujuan untuk menilai sejauh manakah kejayaan kita itu telah tercapai dalam usaha Kerajaan untuk hendak melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat bagi masa-masa yang akan datang.

Kestabilan politik negara memudahkan Kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat membentuk sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet bagi meneliti soal penyelarasan dan masalah dalam pelaksanaan projek pembangunan untuk memastikan dilaksanakan mengikut jadual.

Saya sebutkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kerap kali terdapat di dalam akhbar-akhbar masih ada lagi kawasan-kawasan di luar bandar terutama yang masih belum ada pembangunan dan terdapat juga projek-projek yang terbengkalai. Tidak payahlah saya sebutkan kawasan-kawasan yang jauh tetapi jika kita pergi jauhnya dalam 10 atau 15 batu daripada bandar Kuala Lumpur terdapat kawasan-kawasan yang masih tidak mempunyai api, yang masih tidak mempunyai air dan ada setengah kawasan itu sekolah tidak siap dan projek-projek tergendala.

Maka teguran-teguran yang dibuat oleh akhbar-akhbar bukanlah untuk memburuk-burukkan kebolehan Kerajaan Barisan Nasional memajukan sesuatu kawasan atau golongan rakyat. Tetapi untuk mengingatkan kepada kita semua supaya lebih berusaha lagi supaya menitikberatkan masalah-masalah ini. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Jawatankuasa Khas Kabinet yang dibentuk itu dapat benar-benar memainkan peranan mereka supaya dengan cara ini rakyat tidak mengambil sesuatu tindakan yang tidak diinginkan. Saya akui bahawa Kerajaan tidak dapat memenuhi kehendak setiap rakyat tetapi apakala kita menyebut masalah pembangunan, rakyat di luar-luar bandarlah seharusnya merasai pembangunan itu kerana hasil usaha mereka sebagai petani, pekebun kecil, nelayan, penanam padi dan sebagainya yang membolehkan kita masyarakat dalam bandar hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut gembira kerana usaha-usaha Kerajaan menarik pelabur dari luar negeri telah dan akan terus berhasil. Kita juga percaya dalam meningkatkan kemajuan di bidang pengeluaran dan pemasaran bagi menjamin masa depan perusahaan barang-barang negara kita. Dalam hal ini saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menimbangkan semula sumber kekayaan negara kita yang telah banyak dieksport, misalnya, bijih timah, petrol, minyak dan barang-barang mentah yang lain. Sepertimana yang kita sedia maklum dunia mengalami pertumbuhan ekonomi yang lembab dan inflasi yang berlipat ganda. Oleh itu, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya kita jangan mengeksportkan terlalu banyak bijih timah; petrol atau minyak mentah serta kayu-kayuan kita untuk keperluan negara-negara

luar. Walaupun kita tahu ini adalah satu sumber kewangan untuk memperkukuhkan ekonomi negara kita di samping kemudahan-kemudahan lain tetapi perlu kita kaji keadaan harga barang-barang ini akan terus meningkat dan jika petroleum kita hanya dijangkakan dapat dikeluarkan dalam masa 10-15 tahun lagi, maka rasa saya Kerajaan perlu berhati-hati pada masa sekarang supaya kita mempunyai stok yang cukup bagi kepentingan negara kita pula. Maknanya kita tidak pada satu masa nanti terpaksa pula membeli dengan harga yang mahal daripada negara-negara yang telah kita eksportkan barang-barang kita itu.

Cuba kita lihat bagaimana negara-negara yang maju menyimpan stok bijih timah, getah, emas, perak dan sebagainya. Kita juga perlu berbuat demikian kerana satu masa nanti apakala kita sudah kehabisan barang-barang ini, kita pula terpaksa meminta sedekah kepada negara-negara tersebut.

Keadaan harga emas sekarang sudah tiga empat kali ganda dalam masa yang sesingkat-singkat, kalau tidak silap saya lebih kurang dalam masa lapan bulan ini harga emas sudah melambung tinggi dan oleh kerana kita tidak mempunyai simpanan maka kita terpaksa membelinya dengan harga yang mahal. Jika kita mempunyai stok sendiri sebagai khazanah kekayaan kita, ini juga boleh menyokong kekuatan matawang kita seperti negara-negara lain.

Menyentuh berkenaan dengan belia, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan kepada Titah Ucapan Di Raja yang menyebutkan bahawa belia merupakan sumber tenaga yang penting untuk menjamin kemajuan negara. Kerajaan memberikan perhatian yang berat kepada usah-usaha menambah penglibatan belia dalam pembangunan negara khususnya dalam aktiviti-aktiviti ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kalau kita lihat bilangan Pertubuhan Belia Kebangsaan di negara ini amatlah banyak. Ada yang setengah dapat membuat kajian pada bilangan ahlinya dan ada yang setengahnya tahu wujud tetapi bilangannya tidak tahu, tetapi bila kita tanya mereka ini semua mempunyai cukup ahli tetapi kita tidak dapat menafikan jumlah belia sekarang lebih daripada 40% bilangan penduduk negara ini.

Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian kepada kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan kepada pertubuhan-pertubuhan belia. Kemudahan-kemudahan yang diberikan amatlah tidak memuaskan terutama dari segi bantuan kewangan. Mengikut keadaan hari ini Majlis Belia Malaysia misalnya perlu sentiasa mengadakan perbincangan dengan Kementerian untuk mendapatkan tambahan wang kepada projek-projek yang hendak diadakan. Begitu juga dengan keadaan pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat-peringkat negeri dan daerah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita semua mulanya bukan tiba-tiba tua, tetapi kita juga daripada budak-budak dan kemudian terus kepada dewasa. Sebanyak sedikit menceburkan diri di dalam pergerakan belia di negara ini maka masalah inilah yang dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan belia kerana dengan tidak cukup wang, dengan kekurangan wang ini mereka tidak dapat bergerak untuk bersama-sama dengan Kerajaan menayakan berbagai projek yang diberikan kepada mereka. Dalam hal latihan saya ingin menarik perhatian yang disediakan oleh Kerajaan di pusat-pusat seperti Dusun Tua dan lain-lainnya yang telah banyak menyumbangkan kepada para belia latihan yang terhad. Tetapi soal yang harus ditanyakan di sini apakah latihan-latihan yang diberikan itu boleh menjamin pekerjaan kepada mereka apabila tamat latihan mereka di pusat-pusat tersebut? Ada setengah-setengah latihan itu hanya merupakan kursus-kursus tiga bulan, enam bulan dan mungkin ada yang setahun. Tetapi setelah itu mereka akan balik ke tempat masing-masing dan duduk di tepi tangga. Kita semua tahu bahawa masalah ini telah banyak kali dibangkitkan kerana tidak adanya kajian untuk menentukan berapa ramai belia yang diperlukan oleh negara ini di dalam sesuatu bidang industri? Dengan itu terlalu banyak belia telah diberikan latihan dalam sesuatu bidang yang tidak dapat memberi jaminan pekerjaan kepada mereka.

Selain daripada kajian ini, di dalam rancangan latihan asas antara perkara-perkara yang perlu ditekankan ialah latihan semangat yang boleh mendorong belia untuk sanggup bekerja tanpa memberi keutamaan

untuk kerja makan gaji sahaja di pejabat-pejabat tetapi hendaklah sanggup bekerja menggunakan kepandaian atau kemahiran yang ada padanya. Dengan lain perkataan latihan motivasi yang diperuntukkan atau yang diajarkan perlu dengan unsur-unsur agama amatlah penting. Setelah diadakan kajian keperluan pekerja belia barulah mereka ini dapat ditempatkan dalam bidang-bidang pekerjaan yang tertentu di seluruh negara. Untuk mencapai tujuan ini pihak Kementerian yang berkenaan hendaklah menimbang untuk membuka pusat-pusat ini di negeri-negeri untuk menampung keperluan tenaga pekerja belia di bidang-bidang tertentu dalam negeri masing-masing dan dengan cara ini juga saya berharap kurangnya nanti belia-belia yang meninggalkan kawasan masing-masing untuk berhijrah ke bandar-bandar. Dalam pusat-pusat ini perlu ada satu unit untuk memberi khidmat bagi menempatkan belia-belia yang terlatih dalam pekerjaan yang sesuai dengan apa yang dipelajarinya. Sudah tentulah pusat ini mesti bekerjasama dan menyelaraskan usahanya dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Menyentuh berkenaan dengan belia seperti mana yang terdapat di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berbagai rupa perkhidmatan kebajikan masyarakat akan terus dilaksanakan bagi menolong rakyat yang ketinggalan dan menjadi korban pergolakan sosial. Penyertaan rakyat dalam kerja-kerja kebajikan harus diperhebatkan lagi menerusi pertubuhan-pertubuhan sukarela.

Dalam perkara ini saya ingin menyentuh berkenaan dengan penglibatan wanita dalam pembangunan negara. Penglibatan kaum wanita di dalam pembangunan negara sudah diakui hakikatnya dengan tertubuhnya Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai integrasi wanita dalam pembangunan. Ianya telah ditubuhkan dengan rasminya pada 16hb Julai, 1976. Sayang sekali Badan atau Majlis ini setelah tamatnya khidmat Jawatankuasa yang dipilih khas oleh Kerajaan pada akhir bulan Jun 1979 sudah tidak bergerak lagi. Keputusan menubuhkan Majlis ini adalah selaras dengan cita-cita Kerajaan menempatkan kepimpinan wanita di negara

ini di tempat yang wajar, selain daripada melibatkan mereka dalam semua aspek pembangunan.

Tujuan-tujuan khas Majlis ini amatlah penting dan amatlah baik jika Majlis ini diberi perhatian oleh pihak Kerajaan. Saya sebut antara tujuan-tujuan Majlis ini ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri.

- (1) Untuk berkhidmat sebagai penyelar, perunding dan badan penasihat kepada Kerajaan dan antara Kerajaan dengan badan-badan wanita bukan Kerajaan.
- (2) Untuk menimbulkan kesedaran kebangsaan di kalangan wanita mengenai peranan dan tanggungjawab mereka terhadap pembangunan nasional.
- (3) Untuk menentukan penyatuan sepenuhnya wanita dalam pembangunan negara.
- (4) Untuk membolehkan wanita memajukan potensi dan kebolehan mereka ke peringkat maksima.
- (5) Untuk menimbulkan kesedaran wanita tentang hak mereka; dan
- (6) Untuk memberi sumbangan terhadap kemajuan, perdamaian antarabangsa.

Betapa pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, peranan wanita jika kita sebutkan pembangunan di negara ini tidak dapat kita ketepikan peranan wanita yang sama-sama mahukan negara ini membangun. Tetapi Majlis ini tidak bergerak sudah dekat setahun. Menjelang bulan Jun tahun ini sudah setahunlah Majlis ini sudah tidak bergerak.

Saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Majlis ini yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan dijadikan satu badan di mana dapat mengkoordinasikan semua tenaga wanita yang ada di dalam pertubuhan-pertubuhan wanita di negara ini dan dengan itu sebuah sekretariat ataupun unit yang lengkap diadakan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya ianya dapat berjalan dengan sepenuhnya.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada guna kita tubuhkan Majlis demi Majlis, badan demi badan kalau kita lihat negara kita pada hari ini membangun tanpa penyertaan wanita.

Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (NACIWID) ini amat perlu kepada pergerakan-pergerakan dan pertubuhan-pertubuhan wanita. Oleh itu saya berharap kepada pihak yang berkenaan mengambil perhatian yang berat supaya kaum wanita tidak ditinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda juga telah menyentuh minat belia-belia Islam yang begitu tinggi terhadap pembangunan Islam sebagai nilai hidup dalam masyarakat dengan banyaknya pergerakan-pergerakan dakwah.

Kerajaan kita menyokong dan perlu mengawasi badan-badan dakwah yang berusaha meninggikan syiar Islam yang sebenarnya. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah mengingatkan kita bahawa terdapat segolongan kecil umat Islam yang telah berpesong dalam bidang penyebaran syiar Islam kerana kekurangan pengetahuan, pengertian dan pengalaman mengenai apa yang sebenarnya disuruh oleh agama.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa yang lalu perkara agama ini tidak seheboh hari ini. Dulu, agama dengan sendirinya wujud. Cuba kita lihat ahli-ahli yang berada di Dewan ini juga tidak ada heboh-heboh masalah kumpulan-kumpulan dakwah pada masa itu. Tetapi mereka belajar dan memahami agama Islam, tujuan Agama Islam itu sebenarnya. Oleh kerana perkara ini timbul dalam Titah Ucapan Di Raja maka sudah tentulah ini akan membangkitkan semangat segolongan mereka yang berkenaan.

Saya ingin mengingatkan kepada mereka bahawa Kerajaan kita tidak mengenakan apa-apa sekatan bagi beberapa gerakan Islam di negara ini seperti yang pernah disarankan oleh segolongan masyarakat Islam yang tidak faham dengan ajaran Islam yang sebenarnya.

Apa yang disuarakan mereka kononnya telah terpesong dalam usaha hendak menyebarkan agama Islam itu kepada penganut-penganut iaitu perkara yang sebenarnya yang harus diajar dan penyusunan dan pen-

terapan doktrin Islam dan bagaimana setiap satunya harus berfungsi agar Islam dapat difahami dan dihayati dengan sebaiknya.

Dalam hal ini, saya ingin menyeru kepada mereka yang berkenaan iaitu kepada pendakwah-pendakwah, mubaligh-mubaligh supaya jika benar-benar mereka itu memikirkan bahawa masyarakat Islam negara ini perlu diberi pelajaran, penerangan yang sebenarnya iaitu Islam yang difahamkan dan diamalkan dalam pengertian agama maka berilah pelajaran itu dengan sebenar-benarnya dan tidak dilakukan kerana kepentingan-kepentingan politik atau kepentingan-kepentingan parti atau kepentingan-kepentingan satu-satu golongan yang menggunakan agama ini untuk kejayaan politiknya.

Perkara ini perlu diperincikan. Misalnya, bagaimana salah satu pelajaran asas mengenai Islam dapat disampaikan kepada dan diterima oleh mereka yang pada umumnya tidak berpeluang mendalami Islam tetapi cenderung memahami Islam. Misalnya, selama ini pelajaran mengenai Islam disampaikan seperti satu rumusan iaitu dirumuskan sebagai Rukun Islam Lima Perkara iaitu (i) mengucap dua kalimah shahadat, (ii) menunaikan sembahyang sehari semalam lima waktu, (iii) mengerjakan puasa dalam bulan Ramadhan, (iv) mengeluarkan Zakat dan akhirnya (v) mengerjakan haji.

Bahayanya pengajaran rumusan-rumusan seperti ini oleh kerana kecenderungannya ke arah menerangkan konsep yang keliru mengenai Islam. Seperti yang berlaku selama ini melalui pelajaran secara rumusan ini orang kebanyakannya yang umumnya tidak berpeluang mendalami Islam tetapi cenderung memahami bahawa Islam itu hanyalah meliputi lima perlakuan itu sahaja. Dan kerana itu apabila seseorang itu telah melakukan kelima-kelima perkara tadi, termasuklah menunaikan haji maka lengkapkan Islam itu, kononnya. Kita tahu bahawa konsep dan faham Islam seperti ini tidak tepat, kerana ini secara tegas hanya menyentuh soal-soal Aqidah atau agama, dan tidak meliputi soal-soal politik, sosial dan ekonomi.

Untuk membetulkan keadaan dan untuk menjamin muda-mudi kita menghayati Islam yang sebenarnya perlulah ada badan-badan dakwah yang dapat memberikan penerangan dan pentafsiran yang betul dan jelas supaya

ianya dapat menayangkan gambaran Islam yang lengkap dan sebenarnya kepada mereka yang tidak berpeluang mendalaminya.

Usaha-usaha ke arah menghayati Islam sesungguhnya bukan sahaja perlu diadakan di kalangan muda-mudi, tetapi di kalangan kanak-kanak yang bakal menjadi muda dan kemudian bakal menjadi orang dewasa. Oleh itu, saya suka mengesyorkan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam di peringkat Pusat dan di peringkat negeri supaya dapat memastikan pendakwah-pendakwah yang memberi dakwah di surau-surau, mesjid-mesjid dan persatuan-persatuan di kampung-kampung memberikan pengertian, penerangan dan pelajaran mengenai Islam ini sebenarnya. Mereka ini iaitu pendakwah dan mubaligh-mubaligh ataupun guru-guru agama perlu diberikan tauliah dan diberi ajaran yang lengkap termasuklah kaitan agama dan politik, sosial, ekonomi dan nilai-nilai rohaniah supaya rakyat betul-betul faham ajaran Islam itu dan tidak diselewengkan untuk kepentingan diri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini kerana ada setengah golongan yang menyalahkan pula baharu sekarang Kerajaan sedar bahawa ugama itu penting. Kerajaan kita memang sedar dan sebab itulah di dalam Perlembagaan negara ini kita berikan tempat-tempat yang sebaik-baiknya ugama Islam negara ini adalah ugama rasmi, tetapi yang kami takutkan hari ini yang membawakan kepada keadaan yang kelam-kabut di antara muda-mudi di dalam Islam adalah pengertian Islam itu yang diselewengkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pergolakan-pergolakan politik dalam masa kebelakangan ini di Asia Tenggara dan Asia Barat, tegasnya di Indo-China dan Afghanistan. Barang diingat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka dalam Titah Ucapannya telah menyebut bagaimana pergolakan-pergolakan ini amat membimbangkan kestabilan dan keamanan di rantau ini. Sungguhpun Malaysia dan negara-negara lain telah mendesak supaya pihak-pihak yang berkenaan menarik balik angkatan tentera masing-masing dan mengundur diri dari negara-negara yang telah dicerobohi oleh mereka, akan tetapi pihak-pihak yang mencero boh itu telah tidak memperdulikan

segala gesaan itu dan sebaliknya telah mengambil langkah-langkah untuk mengkonsolidasikan kedudukan mereka tanpa menghirau segala celan dan kutukan yang dilimpahkan terhadap mereka.

Amaran Duli Yang Maha Mulia memang tepat sekali kerana di sebalik apa yang telah berlaku di Indo-China dan Afghanistan ialah tangan Soviet Russia sendiri yang bertujuan hendak memperluaskan pengaruhnya menerusi rejim-rejim yang dibentuk dan disokong olehnya dengan alat-alat senjata dan lain-lain rupa bantuan, sebagai langkah strateginya untuk menguasai dunia. Dalam hal ini jangan kita lupa bahawa telah timbul perebutan kuasa di antara Soviet Russia dan China Komunis yang telah menyebabkan ada pihak-pihak yang menyokong Russia dan ada pula pihak-pihak yang menyokong China. Perebutan ini merupakan sambungan dari pertarungan ideologi di antara dua gergasi komunis sejak beberapa tahun dahulu.

Perjuangan yang dilancarkan oleh Moscow dan Hanoi sekarang ialah untuk menyekat China Komunis dari menguasai Asia Tenggara sedangkan pencerobohan Russia di Afghanistan bukan sahaja mengancam keselamatan Pakistan dan Iran malahan mempunyai implikasi-implikasi yang membahayakan perbekalan minyak kepada negara-negara Barat dan kestabilan negara-negara di Asia Barat.

Dalam keadaan seperti ini apakah Malaysia dan negara-negara ASEAN harus menghadkan diri kepada mencela dan mengutuk pencerobohan Soviet Russia sahaja? Apakah memadai dengan melaung-laungkan dasar "Zone of Peace, Freedom and Neutrality" sahaja?

Pada hemat saya, demi untuk keselamatan negara kita dan rantau ini Malaysia dan sahabat-sahabatnya dalam ASEAN mestilah mengambil inisiatif untuk menggesa negara-negara lain di Asia seperti Jepun dan India menyertai usaha mendesak Vietnam supaya merentikan tangannya di Kampuchea. Malahan negara-negara lain di dunia juga hendaklah digesa supaya menyokong usaha itu. Menerusi Bangsa-bangsa Bersatu tekanan hendaklah terus dilakukan terhadap Vietnam dan Russia supaya menarik keluar tentera masing-masing dari Kampuchea dan

Afghanistan. Negara-negara Seperekonomian Eropah (EEC) hendaklah digesa mengkaji kemungkinan menggunakan sekatan-sekatan ekonomi terhadap Russia dan Vietnam.

Inilah di antara langkah-langkah politik dan diplomasi yang boleh diambil oleh Malaysia serta rakan-rakannya dalam ASEAN. Kita harus sedar dengan melaung-laungkan bagaimana kuat semangat setia-kawan kita dan menonjol-nonjolkan konsep "Zone of Peace, Freedom and Neutrality" itu sahaja tidak akan menjamin keselamatan kita dari adventurism tentera Moscow-Hanoi di Asia Tenggara pada masa depan. Kita haruslah mencari dan mengusahakan jalan-jalan lain yang wajar dan logik bagi menjamin keselamatan kita dan generasi yang akan datang.

4.40 *ptg.*

Tuan Oh Siew Ann: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dicadang oleh Yang Berhormat Puan Rahmah Othman yang mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah sudi melafazkan Titah Ucapan kepada Dewan ini pada 17hb Mac dahulu.

Dengan kebenaran, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sedikit atas aspek-aspek dasar Kerajaan yang telah menunjukkan kesannya dalam negara kita pada keseluruhannya.

Pada masa sekarang kebanyakan negara dalam dunia pada amnya telah menghadapi beberapa masalah besar seperti inflasi, pengangguran, kekurangan perumahan, kemiskinan dan dadah. Negara kita Malaysia tidak dikecuali daripada masalah-masalah ini juga tetapi atas langkah yang telah diambil oleh Kerajaan kita masalah-masalah ini telah dikurangkan dan beban yang ditanggung oleh rakyat jelata telahpun diringankan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk menghapuskan kemiskinan dengan memperuntukkan lebih peluang mencari nafkah kepada rakyat jelata dengan pembukaan beribu-ribu ekar hutan kepada peneroka-peneroka. Ini bermakna peluang mendapatkan satu kehidupan yang lebih memuaskan telah didapati, bukan itu sahaja tetapi lang-

kah-langkah yang diambil untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti rumah kos rendah, air paip, elektrik, jalanraya-jalanraya kepada rakyat jelata khususnya kepada mereka yang duduk di luar bandar sangatlah dipuji. Kemudahan pengangkutan dan kemudahan komunikasi juga ditambah dengan pembukaan banyak jalan utama dan pembinaan pelabuhan-pelabuhan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang menjalankan pembinaan yang pesat khususnya dalam bidang perindustrian dan perusahaan supaya dapat meninggikan taraf kehidupan rakyat jelata. Saya harap rancangan-rancangan ini akan dapat berjaya dengan kerjasama yang rapat antara Kerajaan dan rakyat jelata untuk meninggikan taraf kehidupan bagi semua lapisan rakyat. Oleh yang demikian, maka satu suasana politik yang lebih stabil dan aman dapat mewujudkan Kerajaan kita telah mengemukakan dasar-dasar yang baik dan sederhana dan rakyat telah menyokong dasar-dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempraktikkan toleransi dan penghormatan dalam segala hal agama. Semua agama yang dipraktikkan oleh rakyat telah dibenarkan dan setiap orang digelar percaya kepada Tuhan yang maha kuasa. Sungguhpun Islam ialah agama rasmi negara kita tetapi lain-lain agama juga diiktirafkan oleh Kerajaan yang telah menyediakan kemudahan-kemudahan kewangan dan peruntukan lain kepada agama-agama ini supaya agama-agama ini dapat memainkan peranan masing-masing untuk menanam kepercayaan kepada Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, suasana yang stabil yang diperlukan untuk pembangunan negara kita hanya dapat dikekalkan dengan persefahaman toleransi dan kerjasama rakyat kita serta usaha-usaha pasukan-pasukan keselamatan kita. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan kita untuk mewujudkan satu masyarakat yang berdisiplin, berdedikasi, bersatu-padu dan berusaha akan menjamin masa depan setiap rakyat kita.

Dalam menyokong usul berkenaan saya perhatikan walaupun terhadap keadaan recession di negara-negara perindustrian yang telah membangun, negara kita akan terus mengalami pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang lumayan. Walau bagaimanapun, kita hendak janganlah berpuas-hati

dengan keadaan yang sedemikian. Kemakmuran negara kita masih bergantung sebahagian besarnya kepada prestasi sektor eksport yang mana kebanyakannya ialah eksport bahan-bahan utama sama ada dalam bentuk mentah, separoh diproses atau yang telah diproses sepenuhnya. Oleh yang demikian mata pencarian sebahagian besar rakyat di negara kita masih bergantung kepada harga lumayan yang perlu diperolehi daripada eksport bahan-bahan utama tadi.

Dalam hal ini, saya berasa sukacita akan kejayaan yang telah kita capai dalam usaha-usaha serantau dan antarabangsa, untuk mewujudkan skim penstabilan harga bahan-bahan utama yang penting. Perjanjian Timah Antarabangsa telah dapat diadakan yang mana adalah sangat berfaedah kepada negara dalam menstabilkan harga timah.

Dalam hubungan ini saya juga yakin hasil yang sama dapat dicapai bagi getah di mana kita telah berjaya menjalinkan Perjanjian Penstabilan Harga Getah Antarabangsa untuk bahan utama tersebut. Kadar kenaikan dan penurunan harga getah yang mengejut telah mendatangkan masalah-masalah yang serius kepada Kerajaan dan juga kepada rakyat secara langsung atau tidak langsung yang terlibat dengan sektor tanaman getah, terutama sekali kepada pekebun kecil.

Saya masih ingat apabila getah mengalami harga yang rendah seperti yang berlaku dalam tahun 1975 pekebun-pekebun kecil yang menderita setengah-setengahnya pula ada yang menunjuk perasaan. Oleh yang demikian adalah satu perkara yang baik kerana sekarang ini kita telah dapat menjalinkan Skim Penstabilan Harga Antarabangsa bagi getah yang mana akan dapat memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil dalam menstabilkan harga getah.

Oleh kerana kita sekarang sedang meneruskan langkah-langkah untuk meluaskan pembukaan tanah dengan tanaman-tanaman getah, kelapa sawit, koko, kelapa dan tanaman lain, usaha-usaha hendaklah diteruskan untuk meluaskan pasaran-pasaran yang sedia ada di samping mencari pasaran baru bagi eksport negara. Untuk usaha-usaha ini adalah penting bagi memberikan flexibility sekiranya terdapat bahan-bahan utama yang tertentu menghadapi kesulitan pasaran.

Dalam hal ini saya berasa sukacita oleh kerana Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menemui pasaran-pasaran untuk bahan-bahan pengeluaran negara di samping mendapatkan negara-negara perindustrian mengurangkan ataupun memikirkan beberapa bentuk sekatan tarif atau non-tarif yang masih diamalkan oleh negara-negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita sedang mencuba untuk mencari pasaran luar negeri yang lebih luas, strategi kita hendaklah diarahkan bagi memproses dengan lebih banyak bahan-bahan utama kita. Strategi ini bukan sahaja dapat mencapai peluang-peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik bagi negara kita, tetapi juga bagi meluaskan keluaran eksport kita bagi menyesuaikan dengan kehendak-kehendak pengguna di serata dunia. Dengan itu saya berasa gembira bahawa pihak Kerajaan telah memberi keutamaan untuk mencapai tingkat pemerosesan yang tinggi ke atas bahan-bahan utama, sama ada kayu balak, minyak atau getah.

Satu lagi usaha yang menggembirakan ialah langkah-langkah yang diambil bagi membawa balik pasaran bahan-bahan utama kita ke negara ini melalui penubuhan Pasaran Komoditi di Kuala Lumpur. Setelah menubuhkan pasaran getah dan pasaran fizikal bagi timah, penubuhan Pasaran Komoditi Kuala Lumpur ini, yang mengambil kira terutamanya pasaran "futures trading" bagi minyak kelapa sawit didapati bukan sahaja dapat menentukan yang lebih perniagaan dan perdagangan dibuat di sini, tetapi juga dapat menyumbangkan ke arah mewujudkan Kuala Lumpur sebagai Pusat Metropolitan Kewangan dan perdagangan yang penting di dunia. Dengan itu, saya harap Kerajaan akan memberi keutamaan kepada perkara ini agar pasaran komoditi Kuala Lumpur akan berjaya di dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya menyentuh sedikit tentang satu perkara lagi yang sekarang menjadi kebimbangan tiap-tiap ibubapa di negara ini. Soal mengenai pendidikan dan jenis pendidikan menentukan masa depan anak-anak kita. Dalam kesemua pertimbangan kepentingan negara mestilah diutamakan. Pendidikan adalah menjadi hak tiap-tiap warganegara Malaysia. Kami adalah bertanggungjawab untuk menentukan

bahawa peluang-peluang pendidikan disediakan dalam negeri yang lebih penting lagi. Peluang untuk pendidikan yang sesuai disediakan. Dalam hubungan ini, saya ingin menyeru Menteri Pelajaran supaya memberi lebih berkenaan penekanan lagi kepada pendidikan teknikal.

Malaysia sedang memperluaskan program perindustriannya dan kita memerlukan lebih kolej-kolej teknikal, sekolah-sekolah vokesyenal dan sekolah-sekolah perdagangan. Kos yang semakin meningkat untuk pelajaran tinggi di United Kingdom telah mengakibatkan persaingan yang hebat untuk tempat-tempat di universiti tempatan. Saya berharap Menteri Pelajaran akan mengkaji masalah ini dengan mendalam untuk mencari jalan supaya mengatasi permintaan-permintaan yang semakin meningkat untuk pelajaran tinggi. Dalam hubungan ini perlu juga bahawa imbalan di antara bangsa-bangsa yang sesuai di universiti-universiti tempatan dicapai supaya perasaan tidak puas hati tidak akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Usul Ucapan Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada mulanya Dewan Negara telah diutuskan hanya dua hari bagi membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tetapi dengan jasa baik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah ditambah sehari lagi bagi perbahasan ini. Oleh itu Yang Berhormat Menteri hanya mempunyai satu hari sahaja untuk menjawab teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun demikian kita hanya ada hampir tiga hari iaitu lebih kurang dapat 160 minit sehari yang bererti lebih kurang 480 minit masa untuk berbahas. Jika saya hadkan 20 minit untuk seseorang Ahli berucap maka hanya 24 orang Ahli sahaja yang akan berpeluang bercakap. Oleh yang demikian saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menghadkan ucapan mereka se-singkat-singkat yang boleh dan, walau bagaimanapun, tidak lebih daripada 20 minit seorang. Ini dibuat dengan tujuan hendak memberi peluang seberapa ramai yang boleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk

mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja. Dengan sekatan-sekatan ini sekalipun ada kemungkinan kita melanjutkan waktu persidangan untuk hari ini dan besok selama satu jam tiap-tiap hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Puan Rahmah Othman. Masalah di hadapan Majlis sekarang ialah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima.”

sekarang terbuka untuk dibahas.

4.55 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang ada di hadapan kita ini. Di samping itu, gemar saya memberikan beberapa pandangan-pandangan dan ulasan-ulasan yang ada kaitan dengan Titah Di Raja yang telah disampaikan pada masa yang lalu.

Di antara yang saya akan bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa risalah Titah Di Raja ini pada kali ini dengan begitu padat, penuh dengan isi yang boleh memberikan keyakinan kepada negara dan rakyat dan juga siap dengan tugas-tugas di satu-satu Kementerian walaupun keadaannya sungguh singkat. Tetapi yang mendukacitakan saya ialah bahawa risalah ini tidak memberi angka mukanya. Jadi, dengan adanya angka muka ini akan menyenangkan kami bila hendak merujukkan ucapan-ucapan perbahasan. Dengan ini saya berikan lembaran yang pertama muka satu, muka dua, muka tiga hingga muka tujuh.

Saya bangkitkan masalah pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, kita sangat berpuas hati atas kelulusan peperiksaan akhir-akhir ini. Ini adalah dengan sebab ketegasan dasar pelajaran kita dan penyemakan semula, cuma saya hendak menyentuh dalam pelajaran ini yang wujudkannya di bawah Kementerian Pelajaran iaitu Jawatankuasa Pencemar Bahasa. Ini adalah satu usaha yang sangat baik kerana selama ini bahawa pencemaran Bahasa Kebangsaan itu adalah mejolok mata dan mengelirukan sesiapa juga yang mempunyai minat yang mendalam berhubung dengan Bahasa Kebangsaan. Saya mengharap Jawatankuasa ini akan mengadakan laporan sedikit masa lagi dalam berbagai-bagai bidang yang ada kaitan dengan pencemaran bahasa ini.

Walau bagaimanapun, saya memandang sekiranya tidak ada satu peraturan atau satu undang-undang yang patut dikenakan kepada manusia-manusia yang telah diberi nasihat oleh Jawatankuasa Pencemaran Bahasa ini dia tidak mengindahkannya, patut Kerajaan mengadakan satu undang-undang diambil tindakan kepada mereka. Dengan keadaan ini, akan berdaulatlah Bahasa Kebangsaan kita. Ini bukan tujuan hendak mengugut rakyat negeri ini pada mengamalkan Bahasa Kebangsaan. Kita telah 20 tahun mencapai kemerdekaan maka beberapa kejadian yang berlaku hendak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan itu masih berupa ada tentangan ataupun ada golongan-golongan yang menganggap bahawa Bahasa Malaysia ini tidak selayaknya menjadi bahasa pentadbiran atau bahasa undang-undang dalam negeri ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kita juga berbesar hati perubahan yang dapat difikirkan oleh Kerajaan yang selama ini meninggalkan tulisan jawi dan ini telah diwajibkan sekarang. Kita telah keciwa dalam masalah meninggalkan tulisan jawi di sekolah-sekolah dengan sebab dasar pelajaran kita yang lalu banyak anak-anak Islam kita yang tidak boleh membaca jawi dan ini telah diperingatkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Johor satu ketika dahulu beliau menentang dengan habis-habisan golongan yang tidak suka tulisan jawi itu diwujudkan dengan berleluasa pada masyarakat Islam dalam negeri

ini. Akibatnya apa yang diramalkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar Johor itu, Kerajaan sekarang telah kembali mewajibkan tulisan jawi itu ke semua peringkat di sekolah dan juga di jabatan Kerajaan. Bahkan kita mengucapkan tahniah kepada setengah Kerajaan Negeri yang telah memberi keutamaan dan tempat kepada tulisan jawi itu kerana tulisan jawi adalah salah satu tulisan rasmi dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah kebudayaan juga, Duli Yang Maha Mulia telah menyebutkan berasa bangga belia-belia kita yang duduk di bawah Kementerian Kebudayaan diberi berbagai latihan dan didikan termasuklah juga latihan berniaga dan lain-lain. Saya harap dalam masalah memberi latihan kepada belia-belia itu sama ada latihan cara lanjut atau latihan singkat di mana-mana pusat diadakan dalam tanahair ini, latihan dalam perniagaan diberikan bercampur-campur antara belia rakyat dalam negeri ini iaitu orang Melayu dan bukan Melayu, sebab apabila mereka ada mempunyai semangat dalam perniagaan kita percaya generasi yang akan datang antara dua golongan yang besar orang-orang China dan Melayu dalam negeri ini akan betul-betul dapat menumpukan perniagaan dengan baik dan tidak mencurigai di antara satu kaum dengan kaum lain. Masalah ini kita boleh lihat kalau di kampung-kampung telah wujud persefahaman perniagaan kecil-kecil antara orang Melayu dan orang China dalam masalah menjual atau memajak dusundusun atau bekerja menanam sayur mereka bekerjasama dengan sangat baik. Saya harap didikan dan latihan itu kalau dapat diadakan di pusat-pusat belia itu alangkah untungnya negara kita pada masa akan datang.

Apa yang saya dukacita, Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di Raja ini tidak pula menyebutkan ke arah mana kebudayaan kebangsaan kita dapat dilaksanakan. Dengan tidak menyebutkan ini saya khawatir bahawa walaupun ada Jawatankuasa Pelaksanaan Kebudayaan Nasional, tetapi hendak sampai ke matlamat itu, saya khawatir tidak dapat berjalan dengan baik ataupun tidak dapat ditunjukkan dalam masa yang singkat atau dalam masa yang tertentu. Sebab kejadian ini kita nampak bahawa bukan sahaja di kalangan muda-muda kita

tidak bersetuju dengan menjadikan satu kebudayaan nasional dalam negara ini, termasuk pemimpin-pemimpin besar kita pernah bercakap di hadap pemuda-pemuda kita bahawa kita hendak menjadikan kebudayaan negara ini kebudayaan yang beraneka ragam macam kebudayaan rojak. Ini bukan belia yang bercakap, Menteri sendiri bercakap. Jadi kalau sikap setengah pemimpin kaum yang majmuk dalam negeri ini bersikap sedemikian maka akan mewujudkan kebudayaan kebangsaan ini akan gagal menurut pandangan saya. Dengan sebab itulah saya katakan kebudayaan nasional itu dimasukkan dalam Titah Ucapan Di Raja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah luar negeri saya juga bersimpati dengan Titah Ucapan Di Raja itu iaitu perhubungan antara Malaysia dengan negara-negara Islam dapat kita rapatkan terutama sekali dalam negara-negara Arab, tetapi kita kurang juga erat dalam masalah mendapatkan kerjasama dan sokongan dari negara-negara Islam itu, sebab kadangkala kita mempunyai sikap di luar negeri dalam satu-satu usul dalam persidangan antarabangsa atau dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, usul yang dibuat oleh Malaysia ini tak dapat diterima oleh negara-negara Arab. Walaupun kita tak mengganggu hak asasi, dasar luar negara masing-masing tetapi kalau sebuah negara Islam seperti baru-baru ini Malaysia telah mengemukakan usul di Bangsa-bangsa Bersatu meminta supaya kuasa-kuasa tentera yang ada di Kampuchea ditarik keluar dan ditentukan rakyat negara itu memilih sebuah Kerajaan. Ini telah dipersetujui oleh badan dunia itu, tetapi malangnya apabila kita tengok dari negara Arab yang sebanyak 25 buah negara hanya 4 buah negara Arab sahaja yang menyokong. Kalau semangat ini berterusan ditunjukkan oleh negara-negara Islam terhadap Malaysia ini yang telah diakui negara Islam, saya khuatir satu ketika kelak kalau pencerobohan berlaku di Malaysia ini juga kita akan ketinggalan untuk mendapatkan bantuan dan perhatian daripada dunia Islam. Saya harap dengan adanya kerjasama begitu rapat dan begitu baik dengan negara-negara Islam itu, kita akan dapat melobi (lobby) negara-negara itu bila mana mengemukakan usul-usul kita yang ada kaitan dengan negara ini atau rantau ini. Sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Malaysia atau negara

ASEAN khususnya Malaysia dan Indonesia yang disebutkan negara Islam, kalau dicerobohi atau dimasuki oleh tentera komunis dengan sendirinya negeri ini sudah di bawah kekuasaan komunis sebagaimana di Kampuchea atau di Afghanistan. Tatkala itu tidak ada guna lagi negeri lain memberikan kutukan sebab negara ini sudah terjerumus ke dalam blok komunis seperti yang terjadi di Yeman Selatan atau di Iraq. Jadi dengan keadaan ini patut diberikan kesedaran kepada dunia Islam itu supaya mengerti benar-benar bagaimana sikap yang dikehendaki oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di Raja di antaranya dikatakan:

“Beta ingin mengingatkan segolongan rakyat Beta yang beragama Islam supaya keutuhan ugama tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara.”

Kejatuhan negara Islam adalah disebabkan perpecahan, kelemahan dan kemunduran mereka. Akhirnya Baginda menyatakan:

“Segala perbezaan pendapat di kalangan rakyat yang beragama Islam dapat dihapuskan dan berganding bahu untuk ketahanan negara.”

Titah ini sangat ikhlas dan baik tetapi Kerajaan patut sedar dan mengkaji semula ada sebilangan rakyat, segolongan rakyat dalam negeri ini yang telah menganut parti Islam yang telah memecahkan rakyat Islam.

Parti itu telah hidup selama 20 tahun tetapi tidak dapat menjalankan pembangunan rohani dan jasmani umat Islam walaupun diberi peluang kepada parti itu menjalankan pemerintahan yang bercorak Islam.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita dapat parti Islam ini telah mengadakan majlis fatwa yang menyeleweng dengan cara Islam dari segi akidah, munakahat, muamalat dan jenayah.

Yang kedua, dia mencetuskan permusuhan kaum, benci-membenci, pulau-memulau sesama Islam yang membawa putus perhubungan silatur-rahim dan ada kalangan membawa pergaduhan antara umat Islam sama Islam.

Keempat, penubuhan Angkatan Tentera Sabillullah yang direstu pula oleh Parti Islam (PAS).

Kelima, PAS menyakinkan bahawa teori domino itu akan melanda Malaysia termasuk ASEAN. Atas kejadian ini di atas nasihat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong patut dijunjung kasih oleh sekalian rakyat, Kerajaan patut mengkaji semula Parti Islam se Tanah Melayu patut tidak dibenarkan oleh Jabatan Pendaftaran bergerak lagi dari sekarang. Bukan ertinya saya menyekat perkembangan Islam dalam negeri ini, tetapi demi kepentingan rakyat, kalau di Indonesia boleh mengharamkan Parti Mahsyumi, kalau di Mesir boleh mengharamkan Parti Hasmun Muslimin, demi kepentingan rakyat Islam dalam negeri itu kenapa kita tidak boleh menyekat perkembangan Parti Islam ini supaya bergerak dengan begitu licin dengan begitu meluas bagi alasan-alasan yang saya katakan ini. Malahan pula, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti sedar bahawa Parti Islam ini wujudnya di bawah Pertubuhan UMNO dahulu, tetapi bila mana parti ini tidak ada tandus pemimpin yang sederhana telah diambilalih oleh pemimpin-pemimpin politik Melayu yang berhaluan kiri yang meresap masuk ke dalam Parti PAS ini seperti Allahyarham Dr Burhanuddin dan Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd. Asri.

Satu lagi golongan kiri parti Melayu yang telah diharamkan oleh Kerajaan ini yang tidak masuk dalam politik halal dia masuk bawah tanah bersama-sama dengan Angkatan Tentera Kebebasan Malaya, unit komunis Melayu di antaranya ustaz Musa Ahmad dan Rashid Maidin. Jadi keadaan ini bila Parti Islam ini sudah diambilalih pucuk pimpinannya oleh pemimpin-pemimpin yang berhaluan kiri dia pula mengambil ayat Quran dan hadis ini diprosesnya dengan tujuan dan dasarnya supaya rakyat Islam mengikut dasar parti kirinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah lama di Bukit Raya saya tahulah betapa pahit, susah menderitanya rakyat, kalau di kawasan itu Parti Islam ada 20 orang UMNO alangkah dukacitanya penduduk di tempat itu terkena pulau. Dengan keadaan yang begini saya fikir telah sampai masanya Kerajaan membuat kajian atas pandangan-pandangan yang telah saya hujahkan ini. Sebab kita

tidak mahu kepentingan hanya beberapa orang pemimpin yang merosakkan rakyat Islam dan merosakkan negara sebagaimana kata Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita akan berganding bahu menguatkan pertahanan negara ini supaya keselamatan tidak terjadi bagaimana setengah-setengah negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Dasar Ekonomi Baru ini menurut hemah saya, walaupun keadaan ini telah berjalan dengan begitu baik dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan berapakah kilang yang telah kita perolehi di masa yang tidak berapa lama lagi. Tetapi menurut pandangan saya selagi Dasar Ekonomi Baru ini tidak dapat dilaksanakan dengan begitu sempurna, dengan begitu manfaat atas matlamat yang dikehendakkan oleh dasar ini kerana Kerajaan sekarang masih menggunakan sistem ekonomi bebas, tidak memberikan keuntungan kepada orang Melayu, bahkan menjadi penghalang besar bagi kemajuan orang Melayu. Selagi sistem bebas ini tidak diubah selama itu matlamat Dasar Ekonomi Baru ini menurut hemah saya tidak akan tercapai dengan begitu sempurna kerana rancangan Kerajaan kita terdapat beberapa kelemahan. Dengan sebab yang telah saya katakan tadi dasar yang bebas dan menerima persaingan yang begitu hebat daripada kalangan ahli-ahli perniagaan yang begitu matang, dengan keadaan begitu walaupun agensi Kerajaan berganding dengan swasta-swasta yang begitu matang, tetapi ada kalanya agensi Kerajaan itu lemah-lumpuh. Saya bercakap ini bukan bercakap dengan tidak ada alasan, misalnya di Mersing, Johor pihak Kementerian Pertanian telah mengwujudkan sebuah kilang memproses ikan untuk dijadikan makanan binatang, sebelah kilang agensi Kerajaan itu swasta telah menubuhkan kilang yang seumpama itu, jadi bahan itu berebut, bahan ikan yang dikehendak oleh kedua kilang itu berebut dan dengan sebab kurang bijaknya agensi Kerajaan ini, agensi itu tidak dapat ikan dan udang dan dapat kepada swasta. Jadi inilah satu contoh yang saya katakan matlamat kita tidak berhasil selagi dasar bebas ini tidak kita kawal, tidak kita buat peraturan-peraturan yang tertentu yang menurut ala Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pelabuhan negara saya harap Kementerian yang berkenaan supaya dapat memperhatikan dengan begitu cermat beberapa pelabuhan yang ada dalam negeri ini sama ada Pelabuhan Kelang, yang ada dalam negeri ini sama ada Pelabuhan Pulau Pinang, Sabah, Sarawak termasuk juga di Kuantan kerana beberapa kecurangan terus berlaku yang dilakukan oleh kakitangan di Pelabuhan itu dengan melambatkan barang-barang itu dipunggah ataupun masih terus berlaku kecurian barang-barang di tempat itu. Dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, akan meliarkan pedagang-pedagang luar hendak berlabuh di kawasan kita sebab dengan keadaan-keadaan ini. Masalah ini juga patut diberikan perhatian oleh Kementerian dan jangan hanya Kementerian ini mendengar cakap pegawai-pegawai atasan sahaja, pegawai yang di bawah juga patut diberikan peluang membuat laporan atas penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di Pelabuhan yang saya sebutkan itu.

Selain dari itu, saya fikir oleh sebab Johor Bahru ini menjadi satu persaingan yang hebat dengan Singapura kerana Singapura itu dekat dengan Johor Bahru. Jadi ramai orang daripada Malaysia ini pergi membeli-belah ke Singapura dengan harga yang begitu mahal daripada harga yang sebenar. Saya fikir Kerajaan patut mengkaji dengan memikirkan Johor Bahru ini hendaklah dijadikan pelabuhan bebas. Sebab dengan keadaan ini, kita boleh dapat melawan persaingan antara perniagaan-perniagaan yang telah wujud di Singapura itu dan dengan keadaan ini wang kita tidaklah pergi ke tangan sebuah Kerajaan yang lain.

Keenam, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Kerajaan yang telah mengwujudkan satu pengkalan tukar-barang di Muar. Ini satu pandangan yang sangat baik sebab kita dapat bertukar barang ini dengan Indonesia secara halal. Selama ini banyak pertukaran barang secara haram dan banyak penyeludupan berlaku. Dengan adanya pengkalan yang seumpama ini dikawal oleh Imigeresen dan juga Kastam barang itu sampai dengan selamat dan dapat juga dikawal barang-barang itu daripada penyeludupan, juga menjadi satu kemegahan di Muar. Kira-kira 80-100 tahun dahulu pernah menjadi pelabuhan di tempat itu, pernah

orang berniaga membawa barang-barang daripada Siam, Indonesia, Burma ke pengkalan ini kerana adanya sesuatu kejadian yang ada kaitan dengan pengkalan ini seperti muaranya tohor. Saya harap Kementerian yang berkenaan, khasnya Jabatan Parit dan Taliair memberikan kemudahan juga saya berharap supaya Kerajaan dapat memberikan peruntukan bagi mendalamkan muara kuala sungai Muar ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh masalah perhubungan. Sehingga sekarang perundingan kita berhubung dengan Syarikat Penerbangan MAS dengan Singapura belum lagi selesai, jadi kita jangan bertolak-ansur dengan Singapura ini, jangan menjejaskan hak-hak kita di Malaysia ini. Kalau sekiranya perundingan ini buntu maka Lapanganterbang di Senai itu patut dibaiki dan ditinggikan tarafnya supaya satu ketika kelak segala pelancung-pelancung dan juga pihak yang berkenaan tidak lagi payah turun di Singapura, sudah memadai di Lapanganterbang Senai, Johor itu.

Selain daripada itu, berhubung dengan Telekom ini juga, ini satu penyakit yang besar. Pejabat Telekom ini baik tetapi pegawai-pegawai yang mengendalikan itu kurang cermat, merunsingkan pelanggan-pelanggan iaitu dalam waktu membuat bil bayaran. Kadangkala menyusahkan orang ramai, bil-bil bayaran yang tidak selayaknya dibayar, kena banyak dan orang yang telah membayar itu kena bayar lagi sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa seorang guru di Trengganu bilnya kena bayar sampai \$1,000 lebih tetapi kegunaannya tidak sampai begitu. Ini berlaku bukan kerana apa tetapi ini adalah bersubsidi dengan jabatan-jabatan yang berkenaan ini dengan tujuan hendak memburukkan Kerajaan terhadap orang ramai. Jadi masalah-masalah ini walaupun kecil, telah 20 tahun kita merdeka sepatutnya tidak jumpa masalah-masalah yang seumpama ini.

Tadi Yang Berhormat Puan Rahmah Othman telah menyatakan Kerajaan telah mengadakan Jawatankuasa Kabinet dalam masalah mengkaji berhubung dengan tujuan hendak memperbaiki pembangunan negeri ini termasuklah juga dalam bidang pertanian.

Dalam masalah pertanian ini, 1 juta ekar tanah terbiar, 400,000 ekar daripadanya ialah tanah sawah. Saya mengharapkan dalam masalah tanah sawah seluas 400,000 ekar yang terbiar ini jangan Kerajaan gelojoh sangat hendak menukar syarat daripada tanaman padi. Carikan ikhtiar supaya boleh mengairkan kawasan itu sama ada dengan parit taliair yang biasa sekarang atau mengairkan dari bumi. Sebab kalau kita ubah syarat tanah sawah ini kepada pertanian, kita takut negeri kita ini kurang tempat yang patut ditanam padi. Kita tidak mahu pada masa yang akan datang, sekarang penduduk kita ada 13 million, tempat yang bagus ditanam padi tidak boleh ditanam padi, kita akan mengimport beras daripada luar negeri. Kita tidak mahu terjadi seperti di setengah-setengah negeri seperti India dan Indonesia. Dalam hal hendak menukar syarat tanah sawah ini kita kena cermat. Kalau boleh dijadikan tanah sawah, kita terus kekalkan tanah sawah dengan rancangan projek taliair yang lain dari parit dan taliair yang ada sekarang.

Ada satu usaha Kerajaan mengatakan boleh diambil air daripada bumi, disalurkan kepada kawasan-kawasan sawah itu.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal tanah ini Kerajaan akan membuka rancangan RISDA, FELCRA dan FELDA secara besar-besaran pada tahun akan datang. Saya mengharapkan Kerajaan menumpukan usaha membuat rancangan-rancangan yang saya sebutkan itu di kawasan sempadan iaitu bilamana jalan lebuh raya kita daripada Penang ke Kelantan sudah siap, di kawasan inilah yang patut kita wujudkan rancangan FELDA, FELCRA dan RISDA. Sebab, selain daripada kita dapat satu tanah yang subur di kawasan ini, kita boleh membendung keselamatan di tempat itu dan ini satu bandingan yang sangat sesuai kalau negeri Johor, kawasan-kawasan yang dibuka rancangan FELDA dan RISDA—dahulu tempat komunis bersarang tetapi dengan kita buat rancangan ini, komunis tidak dapat bertapak lagi sebab dalam petanya atau dalam jabatan komunis itu di mana ada tempat komunis dahulu di situ dia fikir ada lagi orang mereka. Jadi dengan keadaan yang macam ini kalau dapat Kerajaan menumpukan usaha-usahanya mengadakan rancangan-rancangan ini di tanah-tanah kawasan sem-

padan dan kita harap Kerajaan Thailand juga bersama-sama dengan kita. Kalau di sempadan Patani atau sempadan Sadau atau mana-mana sempadan Thailand, Kerajaan Negeri Thailand juga kita minta dia membuat rancangan yang seumpama ini sebab orang-orang di selatan Thailand itu juga adalah keturunan orang Islam, orang Melayu yang kehidupannya juga susah. Kalau ada dua negeri yang berganding macam ini membuat usaha, saya fikir kita dapat membendung kegiatan komunis di kawasan sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kerajaan mesti mengambil perhatian mengenai pencemaran Selat Tebrau kerana air-air busuk yang datang daripada Singapura. Bila air daripada pusat ternakan babi di Chukang, Singapura itu mengalir masuk ke Selat Tebrau, orang-orang di Selat Tebrau itu terpaksa menghidu bau air tahi babi ini. Jadi saya minta dua Kerajaan ini tolong kaji balik, kalau boleh dibendung tahi babi ini jangan dialirkan ke laut; orang Singapura kurung tahi babi, gunakan sebagai baja di negerinya. Bukan sahaja tahi babi mengotorkan Selat Tebrau, ikan juga mati, orang hendak tangkap ikan tidak dapat. Jadi usaha ini cocok pula satu kerja yang dibuat oleh setengah-setengah kampung, bandar-bandar yang dikuasai oleh orang-orang Tionghua ataupun kampung itu dekat dengan kampung orang Melayu, orang-orang Tionghua ini sengaja memelihara babi dengan tujuan air-air najis babi ini mengalir ke kampung orang Melayu, jadi biar orang Melayu benci kepada orang Tionghua. Usaha ini banyak terjadi di Melaka, Tuan Yang di-Pertua.

Keadaan ini cuba Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tolong tengok. Kalau tempat ini mencemarkan alam, banya busuk, jangan diberi orang-orang Cina ini memelihara babi. Bukan kita tidak beri memelihara babi itu, tetapi peliharalah ternakan ini di sebuah kawasan yang lain. Jadi perasaan permusuhan di antara dua kaum itu tidak berlanjutan berpunca dari ini. Masalah inipun di bawah tanggungjawab Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Pertanian ini juga, Kerajaan sekarang hendaklah berusaha dengan lebih

bersungguh-sungguh mengenai kekurangan ikan basah dalam negeri ini kerana selama ini kita dapat ikan basah daripada Thailand dan Indonesia. Kalau negeri-negeri ini tidak dapat menghantar ikan nescaya negeri ini dengan sendirinya akan kekurangan ikan basah. Dalam usaha hendak mendapatkan ikan basah dalam negeri ini saya sangat simpati dengan rancangan Kerajaan hendak meluaskan ternakan ikan air tawar, air payau dalam negeri ini di mana juga ada tasik-tasik yang besar akan dibuat usaha secara besar-besaran. Tetapi saya hendak tanya Kementerian ini kenapa tidak dibuat oleh MAJUIKAN yang mengatakan hendak memelihara ikan di kawasan air dalam sampai sekarang belum berjalan lagi, yang mana telah membuat satu perundingan dengan Russia, Korea, Jepun kenapa sampai sekarang tidak dibuat. Jadi masalah yang macam ini rakyat tertunggu-tunggu. Kita sekarang apa yang kita cakap dengan rakyat itu seboleh-bolehnya Kerajaan hendaklah laksanakan. Kalau tidak dilaksanakan beritahu rakyat, apa sebab dan apa puncanya. Adakah kita selama-lamanya tidak mahu makan ikan basah lagi, hendak makan ikan kering sahaja? Masalah ini patut Kerajaan terangkan kepada rakyat.

Selain daripada itu ialah berkenaan MARDI. MARDI adalah di bawah Jabatan Pertanian dan mestilah membuat kajian mengenai tanaman-tanaman yang sesuai, walaupun tanaman-tanaman yang ada sekarang sudah baik, tetapi hasil tanaman itu hendaklah dibuat dengan cara moden. Ertinya kalau tanaman ini mudah busuk, carikanlah langkah dan ikhtiar supaya lambat busuk. Umpamanya macam durian tidak boleh tahan sampai seminggu, sudah pecah; tetapi MARDI boleh buat kajian supaya durian itu boleh tahan sampai satu bulan ataupun durian itu boleh sampai tidak ada biji; begitu juga limau. Tetapi selama ini limau yang dibuat oleh MARDI kita belum tengok lagi, lebih baik kajian yang dibuat oleh penanam sayur di Cameron Highlands limaunya besar-besaran dan baik, MARDI belum menunjukkan hasil kajiannya lagi. Kalau kita dapat limau yang manis dengan tidak ada biji adalah datangnya daripada Australia. Kononnya kita kata limau daripada Singapura tetapi yang sebenarnya limau itu datang daripada Israel, limau itu manis tetapi kita tidak mahu membeli limau dari Israel. Jadi MARDI ini tidak membuat satu

usaha yang betul-betul boleh diberikan benih-benih ini kepada peladang kita supaya ditanam untuk mengatasi pengimportan limau umpamanya, kita sekat dan kurangkan import limau daripada luar negeri.

Satu perkara lagi cuba kaji ada satu jenis tanaman namanya "stabia" sejenis manisan boleh tumbuh dalam negeri ini jika ditanam. Ia boleh menggantikan gula. Kalau sekarang gula sudah menjadi hal, ladang gula di Negeri Sembilan tidak boleh jadi, ada satu jenis tanaman boleh menggantikan gula, ambil contohnya sama ada sesuai atau tidak ditanam dalam negeri ini. Pada masa akan datang kilang gula yang ada ini selain daripada gula mentah yang kita ambil dari luar negeri gula yang saya katakan "stabia" ini boleh digunakan, alangkah untungnya kita dapat satu bahan mentah yang boleh dijadikan sejenis gula untuk makanan rakyat dalam negeri ini.

Satu lagi ada sejenis ubi keledak yang boleh diproses untuk mengeluarkan sejenis cecair yang kemudian dicampur minyak boleh digunakan oleh kenderaan. Bahan ini sama ada di luar negeri, kalau negeri kita ini subur sesuai dengan tanaman ini, kita tengok bagaimana. Dengan keadaan ini bukan sahaja boleh menguntungkan Kerajaan bahkan boleh menguntungkan rakyat.

Akhirnya, ini saya tidak tahu sama ada MARDI atau RRI hendak membuat penyelidikan iaitu getah asli kita patut diproses, dikaji supaya dijadikan minyak kenderaan. Bolehkah atau tidak dibuat? Kalau masa Jepun dahulu, kita pernah gunakan motorak, lori-lori dengan minyak getah, ia cuma busuk sedikit, masa itu ahli kajian, alat-alat tekniknya tidak begitu moden. Kita kaji sama ada boleh atau tidak getah asli ini kita buat minyak untuk kenderaan gantikan minyak benzene ini. Selain daripada minyak di Trengganu kita boleh gunakan minyak daripada getah. Kalau usaha-usaha semacam ini dapat dibuat alangkah baiknya dapat memberi manfaat kepada negara kita.

Satu perkara lagi dalam pertanian ini, dia pernah membuat ladang hijau yang ternak lembu 5,000 ekar, molek, tetapi saya lihat tempat rumput-rumput ragut itu ditanam, botak. Ini patut dikaji semula sebab rumput yang ditanam itu datang daripada luar negeri, tidak sesuai. Apa salahnya MARDI membuat satu kajian rumput yang

ada dalam negeri seperti rumput teberau, rumput papan, lalang dibuat kajian, diproses dan tanam di tempat yang sesuai, boleh tumbuh hidup dengan segar. Jadi tidak payah dibeli pula, kononnya ladang kita ini membeli rumput dari luar negeri, rumput yang ada di sini tidak sesuai. Ladang ini seperti kata Yang Berhormat keras tetapi kalau disiasat, dikaji dia boleh lembut. Bahan yang ada dalam negeri ini cuba kita buat kajian, buat selidikan supaya dapat digunakan. Macam teberau dengan rumput ragut lebih kurang. Lembu, kerbau suka juga makan teberau, rumput papan itu yang tumbuh dengan begitu subur dalam negeri kita ini. Kenapa tidak dibuat kajian mengenai rumput ini walhal kita lihat ladang-ladang hijau MAJUTERNAK itu tanahnya botak kerana rumput itu tidak sesuai, menurut hemah saya, keadaannya begini.

Satu perkara lagi dalam kemudahan asas dan kemudahan awam iaitu bekalan elektrik. Elektrik ini kita sangat besar hati sebab berjalan baik dalam negeri ini dan memakan belanja yang banyak. Tetapi cuba kita kira fasal apa alat-alat ini selalu pecah, kejap-kejap meletup. Negeri-negeri maju tidak pernah terjadi macam ini. Sekejap sudah meletup di sana jana elektrik, meletup di sini. Semua kilang-kilang yang menggunakan elektrik ini terganggu. Dengan keadaan macam ini saya fikir Kerajaan kena membuat selidikan membuat siasatan kalau buat kilang bermillion-million ringgit, elektrik kena pecah, meletup, hal keadaan ini merugikan dia. Jadi meliarkan pelabur-pelabur hendak menanam modal dalam negeri ini. Bila saya bercakap dalam hal elektrik cuba dicarikan satu sistem jana elektrik yang kurang kekuatan kudanya yang tidak boleh membunuh manusia, sebab sekarang banyak manusia, banyak binatang bila kena elektrik mati. Cuba cari jalan adakah atau tidak kekuatan elektrik itu bila kena tidak boleh mati manusia? Saudara tidak boleh katakan saya ini dongeng. Sebab saya pernah pergi ke Amerika, di sana apabila elektrik kena manusia tidak mati, walau kena belanja yang begitu mahal, kita kena buat sebab akan selama-lamanya kita hendak menggunakan keadaan semacam ini yang menakutkan rakyat. Sekarang di setengah-setengah negeri yang maju menggunakan elektrik yang begitu. Saya tidak tahu apa jenisnya kerana saya bukan arif dalam hal ini. Tetapi di sini digunakan elektrik di Amerika itu kalau

kena manusia tidak mati (maut). Begitu juga di setengah negeri Eropah ada digunakan. Apa salahnya kita gunakan di dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba hendak menyentuh dalam pertahanan. Kita sekarang dalam ancaman yang didatangi oleh musuh-musuh negara dan juga kita lihat beberapa negeri yang berlaku kejadian itu seperti Kampuchea atau Vietnam dan juga di Afghanistan. Walaupun Kerajaan kata kita sedia mengadakan angkatan tentera kita untuk mempertahankan diri daripada serangan musuh dan kita ada mempunyai perjanjian pertahanan lima negara. Walaupun dalam ASEAN kita tidak ada perjanjian pertahanan, tetapi saya mengharapkan kepada Kerajaan dalam masalah pertahanan ini supaya kita tingkatkan lagi usaha kita dalam perjanjian kita dengan Inggeris, dengan Australia supaya dengan keadaan ini pertahanan kita dapat ditingkatkan. Selain daripada itu, kita patut juga menerima subsidi berhubung dengan alat-alat tentera ini daripada kuasa-kuasa besar seperti Amerika sebab dengan keadaan ini barulah dapat mensesuaikan angkatan tentera kita dengan alat-alat yang moden kepada negeri-negeri kuasa besar yang mempunyai alat-alat yang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pergolakan di kawasan ini Kerajaan hanya selalu bercakap kita menaruh bimbang dan kluatir atas ancaman-ancaman terutama sekali di sempadan Thailand dan di dalam negeri Thailand hampir 600,000 penduduk-penduduk dari Kampuchea.

Kampuchea dan Vietnam telah masuk ke dalam negeri ini. Jadi keadaan ini kita tidak boleh tentu bahawa rakyat yang masuk di sana itu mungkin juga daripada orang-orang militan dan jikalau keselamatan Thailand terancam maka akan menjejaskan ketahanan di negara kita ini dan kalau ketahanan kita kurang kuat dengan cepat askar-askar musuh negara itu boleh masuk. Jadi saya berasa besar hati dari segi ketahanan kita dapat kerjasama dengan Kerajaan Indonesia dan kita telah membuat latihan dalam tentera laut mungkin dalam tentera udara, ini satu usaha yang sangat baik. Tetapi kalau kita hendak imbangkan, hendak stabilkan kuasa besar walaupun negeri kita kecil hendak stabilkan kuasa-kuasa besar

yang mempunyai pengaruh dalam kawasan sebelah sini, kita patut juga menentukan kiblat kita dan saya fikir kita patut mengalulakukan langkah Kerajaan Amerika hendak menubuhkan sebuah pakatan tentera di rantau Pacific ini yang akan dianggotai oleh Jepun, Amerika dan China tidak termasuk kita supaya menstabilkan kuasa-kuasa besar yang telah membuat pakatan yang seumpama ini juga di rantau Asia ini iaitu Russia, Vientam dan India. Walaupun kita sebagai keluarga ASEAN tetap dengan konsep kita bebas, aman dan berkecuali, dengan wujudnya pakatan ini, saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, yang dibuat oleh Amerika ini tidak akan menjejaskan konsep kita kerana selama ini kita mengetahui bahawa kita dalam keadaan yang cemas dari serangan-serangan kuasa besar ini. Ketahanan Amerika campur-tangan di negara-negara ASEAN seperti Thailand dan juga di Filipina ini satu perkara yang sangat membanggakan keluarga ASEAN walaupun dia tidak ada kaitan perjanjian dengan kita. Tetapi nisbah ketahanan negeri ASEAN seperti Filipina dan juga Thailand itu satu perkara yang membanggakan kita. Jadi saya harap kepada Kerajaan sekiranya pihak Amerika hendak mengadakan satu pakatan di rantau Pasifik yang tidak hendak campur-tangan patut beri restu supaya dapat kita seimbangkan.

Kalau India sebuah negeri yang besar dia takutkan China, dia berpakat dengan Russia. Kita tidak takut sesiapa sebab kita bebas. Tetapi kita sendiri, Tuan Yang di-Pertua, kalau negeri kita ini sudah diceroboh, kita mahu dunia mengutuk, dia tidak peduli. Yang sengsara kita. Jadi sebelum daripada orang ini datang, sebelum daripada orang ini menceroboh negeri kita, ketahanan kawan-kawan kita itu patut ada. Sebab dengan keadaan ini musuh-musuh yang hendak gunakan kuasa sebelah sini akan bertanya beberapa kali dan tidak akan dapat menjalankan kerjanya dengan begitu licin. Sebab kita tahu bahawa bila negeri kita ini sudah diancam oleh komunis, sudah ditakluk oleh komunis, tidak ada guna lagi kita melaung, tidak ada guna lagi kita beritahu Bangsa-bangsa Bersatu, sebab kita sudah tengok banyak, Tuan Yang di-Pertua, macam Kerajaan Vietnam, dia tidak mahu dengar cakap Bangsa-bangsa Bersatu. Dia tidak peduli apa. Di India juga tidak peduli apa cakap Bangsa-bangsa Bersatu yang

mana diminta keluar dari Kashmir, India tidak peduli. Begitu juga di dalam negeri-negeri lain. Jadi kita ini sebelum kita kena ceroboh, kita patut menggunakan ketahanan dan kuasa-kuasa besar yang hendak mewujudkan pakatan tenteranya di tempat ini patut kita restukan. Bukan artinya, Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama dengan dia. Dia hendak buat pengkalan di sini apa salahnya demi kepentingan kawasan ini. Seperti kata pepatah Melayu: Gajah sama gajah berjuang, pelanduk yang terhimpit. Jadi kita tidak hendak begitu. Apa salahnya kalau hendak menilai pentadbiran negeri mana lebih baik di antara Amerika dengan Russia. Saya memilih Amerika sebab ada kebebasan ugama. Saya memilih demokrasi yang ada di Amerika sebab dia boleh memberi kebebasan beragama, memberi kebebasan kepada orang kaya-kaya. Tetapi kalau di Russia tidak ada. Bahkan orang-orang Islam di sebelah Selatan Russia sekarang kalau boleh mereka hendak memberontak melawan Kerajaan Russia. Tetapi apakan daya! Kuasa tidak ada di tangan dia. Sudah tidak tahan umat-umat Islam yang 40 million itu di bawah Kerajaan Russia.

Tuan Yang di-Pertua, Imam Bukhari itu dalam kawasan Russia. Masyarakat Islam di situ sekarang hendak memberontak dan hendak melepaskan diri daripada pemerintahan Russia. Kalau boleh mereka mahu otonomi. Tetapi oleh sebab cengkaman daripada Russia itu kuat, mereka tidak upaya. Jadi dengan keadaan yang semacam ini, saya memahami bahawa kalau kita hendak pakai demokrasi yang ada di Amerika ada lebih baik daripada demokrasi yang bercorak komunis di Russia ataupun komunis di mana-mana.

Jadi, saya fikir itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya bercakap. Dengan ini saya menyokong usul yang ada di hadapan kita ini dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik.

5.44 ptg.

Raja Dato' Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang ada di hadapan kita ini iaitu menjun-

jung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah satu negara yang makmur dan kaya raya. Ini dunia tahu. Dunia tahu bagaimana kayanya negeri ini dengan sumber-sumber minyak, getah, oil palm dan juga hutan belantara penuh dengan balak-balak.

Soal yang pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kemiskinan di dalam negeri kita. Kemiskinan tidak dapat dihabiskan di dalam tempoh 20-21 tahun di dalam negeri yang merdeka walaupun Kerajaan telah menjalankan segala-galanya untuk membasmi kemiskinan. Kita dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri dan juga semua Menteri-menteri mengatakan hendak membasmi kemiskinan. Inilah tujuan kita yang pertama. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, jikalau sekiranya kemiskinan ini melarat dan tidak dapat dibendung di dalam tempoh yang tidak lama lagi, rakyat akan jemu, rakyat akan jemu terutama rakyat-rakyat bumiputra yang menjadi petani-petani di seluruh pelusuk tanahair. Ini, adalah dari hati ke hati. Oleh kerana orang kaya tidak berapa banyak bilangannya, oleh kerana kita sayangkan negeri kita satu negeri yang berdemokrasi, yang bebas dengan sebab itu kita terpaksa memajukan dan betul-betul membasmi kemiskinan ini. Cuba kita tengok petani-petani kita, yang kita katakan kita hendak membasmi kemiskinan yang sangat susah, yang sangat menderita adalah petani-petani, terutama sekali pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, di mana di bandar kilang banyak dan boleh dapat \$5, \$6, \$7 hingga \$8 sehari. Tetapi bagaimana pesawah-pesawah, baik di Kedah, di Perlis, di Kelantan, di Trengganu, di Selangor dan di seluruh pelusuk tanahair kita. Berapa pendapatannya satu hari? Berapa pendapatannya sebulan dan berapa pendapatan mereka setahun? Sampai hari ini bila saya bercakap begitu, nanti akan dikatakan oleh kerana beras murah di luar negeri macam mana kita hendak naik taraf hidup petani kita, oleh sebab segantang beras daripada Thailand dan Burma murah. Kita telah memberi subsidi tetapi adakah subsidi cukup itu kepada petani-petani ini? Cuba kita kaji.

Seorang petani mempunyai tiga ekar tanah bendang. Dia bekerja dari pagi sampai petang dengan trektor kalau ada duit. Kalau tidak, dengan tenaga, cangkul ataupun kerbau. Upah

itu berapa satu ekar? Sesudah dimasukkan air, mereka menyemai benih-benih. Sudah itu mengalih benih-benih itu dengan teratur dan sesudah itu barulah diubah dan dijaga kerana padi sekarang bukan jenis enam bulan lagi, kerana padi yang ada sekarang jenis baik yang dibuat research yang boleh mengeluarkan hasil 3-4 bulan. Menuai padi menggunakan tenaga, membeli baja dan racun rumput memerlukan duit. Ini semuanya hendak belanja. Dalam satu ekar berapa ratus perbelanjaannya. Sudah itu dituai, dibawa balik ke rumah, sesudah dijemur barulah padi itu dibawa untuk dijual ke Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

Berapa ringgit satu pikul? Katakanlah \$30 satu pikul itupun sudah dipotong basah. Satu ekar kita bubuh baja kalau tidak silap saya, saya bukan pak tani, kalau silap bolehlah dimaafkan, satu ekar sebanyak-banyaknya yang dikatakan oleh pakar agriculture ada yang mengatakan 1,000 gantang, ada yang kata pula 1,500 gantang tetapi semuanya ini barangkali sengaja hendak meninggi-ninggikan, mungkin di negeri Jepun boleh dapat 1,000 gantang disebabkan begitu banyak buah padinya, tetapi di sini cuma 500 gantang sahaja pada satu ekar. 500 gantang berapa pikul, lebih kurang ialah 20 pikul. Kalau satu pikul \$30 berapa, Tuan Yang di-Pertua, \$300 satu ekar pada satu musim. Katakanlah, seorang pak tani ada 3 ekar, dia tidak terdaya bekerja 5 ekar, dia ada 3 ekar dan kadang-kadang bukan tanahnya sendiri tetapi tanah sewa—padi kunca berapa boleh dapat—\$600-\$1,800 setahun. Kalau tidak ada air ini bermakna setahun sekalian dia dapat. Kalau macam di negeri Kedah ada ampangan air dibuat oleh Kerajaan, barangkali boleh dapat dua kali setahun, itupun jarang-jarang sangat. Katakanlah \$1,800 setahun dan kalau bagi 6 bulan dapatlah \$300 upahnya, itu belum lagi ditolak baja, tenaga, trektor, racun rumput dan lain-lain dan berapa boleh dapat seorang pak tani yang ada 3 ekar dapatlah lebih kurang \$150 sebulan.

Hari ini kalau dikatakan \$150 gaji tentu tidak dapat pergi ke mana-mana. Hari ini harga ikan kembung, Tuan Yang di-Pertua, berapa?

Seorang Ahli Yang Berhormat: \$2

Raja Dato' Nong Chik bin Raja Ishak: Ya, \$2. Kalau udang orang kampung tidak boleh beli. Kalau hendak makan mesti pergi

bergadai dahulu. Saya menceritakan ini kerana saya tahu, dahulu saya pernah menjadi Wakil Rakyat di Kuala Selangor, saya tahu bagaimana kehidupan petani di sana. Berapa dapat kalau 3 ekar. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, jika betul-betul Kerajaan kita hendak menolong rakyat tani—kalau benar-benar terpaksa dibolehkan subsidi—dibanyakan lagi bukan subsidi yang diberi \$5 itu yang termasuklah baja dan \$2 untuk kupon yang sekarang boleh ambil wangnya itu, itu bukan. Itu tidak boleh meninggikan taraf hidup. Saya hendak tahu pakar mana yang boleh mengatakan begitu dan tunjukkan kepada saya subsidi \$5 ini boleh meninggikan taraf hidup orang-orang tani. Saya mengatakan ini supaya Kerajaan Barisan Nasional kita akan terus memerintah, kita mahu memerintah dan terus memerintah. Dengan sebab itu kita mestilah bela pak tani.

Saya tahu bagaimana Kuomintang jahanam. Kerajaan Kuomintang jatuh oleh kerana pak taninya, Tuan Yang di-Pertua, susah, hodoh, menderita, menyewa tanah akhirnya lebih baik masuk komunis. Komunis ini boleh jadi lebih baik daripada Kerajaan Kuomintang. Sebab itu mereka ini masuk dan tidak mahu menolong Kuomintang. Jadi, kalau begini keadaannya nanti kita tidak boleh salahkan rakyat lagi. Jadi sambil kita adakan industri dan sebagainya, kita mesti juga bela pak-pak tani ini. Cara menolongnya kita ada minyak, Tuan Yang di-Pertua. Sumber minyak kita banyak di Trengganu dan sebagainya. Kita dapat hasil minyak ini dan kita dapat hasil yang lain-lain, apa salahnya kita tinggikan taraf hidup pak tani kita. Apa sebab kita mesti ikat dia. Harga simen, Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini daripada \$5.60 naik \$7.60 dan sampai \$8.20 naik 33%. Harga besi baharu-baharu ini sudah berapa kali naik dan ini naik lagi \$78, Harga roti, harga gula dan segala-galanya sudah naik. Bukankah kita dahulu menubuhkan LPN ini semasa itu saya di Dewan Rakyat, kita tubuhkan LPN ini bukan hendak mengikut orang-orang ini. Kita tubuhkan LPN ini dahulu, Tuan Yang di-Pertua, supaya orang tengah ini jangan mencekik dan menghisap darah petani-petani kita di kampung-kampung. Itu tujuan kita. Jadi kita beli dengan harga mahal. Kalau ada orang-orang tengah hendak beli dengan harga

yang lebih mahal tidak menjadi apa, itu tujuan kita untuk meninggikan taraf pak tani, bukan hendak menyekat harga, harga melambung naik lebih baik lagi. Dengan sebab itulah baik Amerika atau di Jepun pak taninya begitu advanced sekali, hidupnya lebih elok tetapi harga beras daripada luar negeri memang murah.

Saya hendak bercakap panjang sedikit berkenaan dengan ini supaya biarlah kita mengerti sama-sama kehidupan pak tani. Saya bukan Menteri Pertanian, tetapi saya hendak memberitahu sedikit sebanyak. Yang Berhormat Menteri bukan tidak tahu, saya percaya Menteri tahu di atas keadaan ini. Tetapi kita memberitahu supaya lebih tahu supaya dapat dibela benar-benar apa yang kita katakan itu, apa yang kita ucapkan iaitu kita mesti basmi kemiskinan di dalam tempoh yang sesingkat-singkatnya. Ini kita boleh buat. Sebab inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap panjang sedikit di atas perkara pertanian ini. Kalau tidak, saya tidak nampak jalan lain lagi, kalau tidak diberi subsidi yang lebih, sekurang-kurangnya yang saya ingat daripada \$30 ditambah lagi \$20 jadikan \$50 baharulah mereka ini nanti kalau 3 ekar baharulah dapat lebih kurang \$250 sebulan, baharu boleh hidup senang sedikit, itupun dikatakan setengah miskin, jadilah. Inilah yang saya minta kepada Kerajaan dan inilah ucapan yang ada dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia yang menyatakan berkenaan dengan membasmi kemiskinan. Saya lafazkan perkara ini dengan hati yang suci oleh kerana soal dan problem ini adalah problem kita bersama. Problem ini adalah problem keseluruhannya—problem Kerajaan dan problem rakyat dapat kita bersama supaya menghindarkan perkara kemiskinan ini.

Sesudah kita dalam Rancangan Lima Tahun Keempat ini tak lama lagi kita akan jalankan tetapi perkara yang penting sekali juga oleh kerana negeri kita membangun, negeri kita maju, negeri kita kaya, musuh kita pun banyak, dengan sebab itu pertahanan (defence) adalah penting. Kita tidak boleh berpeluk tubuh oleh kerana kita tahu musuh di dalam negeri dan dari luar negeri. Di dalam negeri ada tiga musuh: subversive elements, komunis—yang ada dalam hutan sekarang yang hendak memerintah negeri kita iaitu yang dikatakan communist terrorists yang telah berperang dekat 30

tahun lamanya dan lagi satu underground communists yang kita nampak tiap-tiap 10hb Mei dia gantung bendera merah, Bintang Tiga atau Bintang Lima, kita tahu dalam Kuala Lumpur banyak. Jikalau tidak begitu pokok kelapa yang begitu tinggi dia boleh panjat, dari mana datangnya, siapa yang memanjat pokok kelapa yang begitu tinggi. Musuh-musuh ini banyak betul. Dengan sebab itu kita mesti bersiap sedia dengan askar kita yang sekarang Kerajaan kita telah mulai mengambil banyak lagi rekrut-rekrut masuk—syabas saya ucapkan, banyak lagi masuk dan kita terpaksa bersiap sediakan budget yang begitu banyak untuk mempertahankan negeri, sebab kalau negeri kita telah dilanggar, telah diambil oleh mereka habis apa rancangan-rancangan kita akan jahanam begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itu kita mesti equip, kita mesti memberi tentera atau askar, pasukan bersenjata kita senjata-senjata yang betul-betul moden, yang sofistikated supaya mereka boleh mempertahankan negeri ini dan mempertahankan diri mereka. Kita tahu dahulu bila kita bercakap di Dewan Rakyat dan Dewan Negara juga banyak senjata-senjata macam tank, armoured car. Armoured car yang diberi ialah armoured car yang karut, armoured car yang tidak boleh menembak, armoured car yang terdedah begitu sahaja yang tidak boleh naik ke atas, yang tidak boleh berpusing-pusing. Ini tidak boleh dinafikan oleh Kementerian Pertahanan.

Saya bercakap ini kerana kebaikan askar kita, kebaikan pasukan keselamatan kita. Kalau datang musuh semua boleh menembak—ke depan, kalau kapalterbang datang ke atas kita hendak tembak ke depan juga? Jangan terpaksa pula sesudah kita beli kita kena membetulkan balik dan kita terpaksa memakan berjuta-juta ringgit. Ini saya ingatkan supaya memilih senjata mesti memilih senjata yang betul-betul elok, mesti beberapa kali ditest—dibawa, ditembak, betulkah sesuai untuk di sini, yang sehabis-habis baik, kemudian baru dibeli. Jangan orang tunjuk sahaja ini bagus kemudian dibeli, akhirnya askar kita juga yang jahanam nanti. Jadi pertahanan, baikpun udara, darat, laut ini tentu diingat.

Dahulu kita diberi orang kapalterbang. Australia memberi kapalterbang—terima kasih, orang putih (Inggeris) dahulu bekal-

kan kapalterbang—terima kasih tetapi kapalterbang apa yang diberi—second-hand, percuma katanya. Kita tidak mengatakan apa-apa, cuma kita telah termakan budi percuma tetapi ongkos untuk membeli spare parts lebih daripada membeli kapalterbang baru, itu sebab diberi kepada kita. Kalau dia simpan pun tak berguna, lagi dia simpan terbang pun tak ada hasilnya, jadi diberi kepada kita. Dengan diberi kepada kita dapat juga dia jual spare parts. Pada hari akan datang jangan terima budi orang lagi, beli senjata yang betul-betul baik sebab negeri kita adalah negeri yang kaya dan kita tidak mahu makan budi daripada sesiapa pun.

Apabila saya bercakap berkenaan pertahanan di sinilah saya telah bercakap 2-3 tahun dahulu mengatakan subversif-subversif komunis ada di kalangan kita tetapi setengah-setengah daripada kita tak percaya, apa yang saya cakap adalah dongeng, ini barangkali untuk mengeliru atau hendak mengapakan Kerajaan—tidak sekali-kali, tidak ada fasal saya hendak mengatakan sebab Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan saya tetapi sebagai seorang warganegara dan juga sebagai Ahli Dewan Negara saya kemukakan dengan hati yang ikhlas. Tuan-tuan tahu pada masa dahulu, iaitu pada masa saya kecil saya tak tahu apa Afghanistan masa dahulu tetapi ayah dan ibu saya mengatakan orang Kabul ini adalah orang yang cukup kuat bersembahyang, muka kaum perempuannya ditutup, tak nampak hidung, tak nampak mata, waktu sembahyangnya lebih daripada 5 kali sehari, 6 kalipun dia sembahyang

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA
D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Perbahasan disambung semula.

Raja Dato' Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, ini dia orang-orang Afghanistan, orang-orang Kabul ini yang betul-betul percaya kepada ugama Islam dan betul-betul taat setia kepada ajaran ugama tetapi bagaimana Russia telah masuk, macam mana Russia dapat memerintah negeri Afghanistan menjadi negeri komunis pada hari ini. Sebab itulah 2-3 tahun dahulu saya telah bercakap di atas perkara ini, bukan dongeng—tidak, saya tahu. Dia masuk bukan daripada kalangan rakyat di bawah—tidak mereka pergi ke kemuncak, di atas, dikontrol daripada atas, di bawah habis begitu sahaja. Itu sebab apabila di atas dikontrol, diambil, pemimpin di atas sudah masuk, kemudian ke bawah, rakyat Afghanistan pada hari ini lari lintang-pukang, beratus-ratus ribu, bermelion masuk ke Pakistan. Apa yang kita katakan rakyat Afghanistan yang berani, yang dikatakan Islam yang betul tulin, yang berani berjuang untuk ini tetapi tidak dapat buat apa-apa, lari ke Pakistan, sekarang masuk balik menyerang Afghanistan tetapi askar-askar Russia dengan tanknya, dengan senapangnya, mereka ini berapa ribu pula akan terkorban. Jadi itu sebabnya saya takut-takut perkara ini terjadi dan telahpun terjadi.

Itu sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Samad Ismail, Abdullah Ahmad, Abdullah Majid. Saya menyatakan begini bukan kerana diri saya, kerana inilah sebabnya, perkara ini telah terjadi kepada negeri

kita, rancangan-rancangannya untuk memerintah negeri kita ini cara begitu. Sebab Russia berkehendakkan begitu dan saya telah beberapa kali mengatakan Selat Melaka adalah penting, Selat Melaka terus ke Indian Ocean dan juga South Pacific sampai ke Vladivostok membawa minyak dan sebagainya dan negeri kita juga adalah cukup penting. Mereka juga takut kalau komunis China memerintah negeri ini Selat Melaka akan disekat dan Komunis China akan menjadi satu Kerajaan yang cukup besar dan menjadi seteru besar kepada Russia nanti. Itu sebabnya saya katakan dahulu bukan kerana saya hendak mengusik-usik, tidak, tetapi perkara ini adalah perkara yang benar, masa sahaja yang akan menunjukkan, masa sahaja akan menentukan yang saya adalah benar atau tidak di atas perkara ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembangunan. Kerajaan juga mengatakan misalnya apabila rakyat sudah ada sedikit sebanyak wang mereka juga berkehendakkan rumah-rumah. Dahulu apabila saya katakan ada 600,000 Kerajaan menjawab bukan 600,000 ada lebih kurang 350,000 orang yang belum mempunyai rumah yang duduk bersetingan di seluruh pelusuk Kuala Lumpur ini. Kerajaan cuma boleh mendirikan barangkali dalam 10,000 atau 15,000 rumah murah dalam setahun ataupun tidak sampai 10,000 rumah. Jikalau begitu berapa puluh tahun berapa ratus tahun mereka ini kena duduk di situ?

Tuan Yang di-Pertua, jikalau hendak membasmi kemiskinan kedudukan orang miskin di dalam bandar ini mesti dipelihara juga, ia juga merbahaya kerana setingan ini duduknya di tepi Petaling Jaya misalnya, di tepi Kuala Lumpur di mana rumah-rumah batu berdiri. Mereka ini iri hati, mereka ini berasa iri hati juga. Macam mana mereka ini sebagai manusia biasa juga tetapi duduk bersetingan sedangkan orang lain duduk di rumah batu yang begitu besar. Dengan sebab itu, Kerajaan mestilah bertindak kalau dikatakan Kerajaan kita ini bercampur di antara sosialis dengan kapitalis boleh juga. Ditolong orang miskin, dinaikkan taraf miskin, orang-orang kapitalis jalankan usaha di dalam industri dan sebagainya, sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan Singapura.

Cuba tengok flat di Singapura, bertabur, beratus-ratus dan beribu-ribu. Kalau saya katakan Kerajaan Singapura nanti Kerajaan Singapura itu kecil, macam mana dia boleh buat. Tetapi kalau dikatakan Kuala Lumpur adalah lebih kecil daripada Singapura. Apa sebabnya kita tidak boleh buat. Kita tidak mengambil tempoh 30-40 tahun lagi boleh menyiapkan. Dikatakan tidak ada tanah tetapi bekas-bekas lombong cukup banyak, tanah-tanah yang ada di tepi Kuala Lumpur begitu banyak, tidak bolehkah Kerajaan mengambil "acquisition for public purpose" untuk kedudukan orang miskin ini? Mengikut Land Code boleh! Dikatakan itu bukan State Land, ini adalah Federal Territory, Federal Territory pun ada land officenya, ada Commissioner of Land yang boleh mengambil tanah-tanah yang begini. Apakah sebab tidak dibuat, apa sebabnya sekarang tidak bersiap? Ini tidak ada persiapan apa-apa, entah apa-apa persiapannya, dikatakan tidak ada tanah sahaja. Entah apa-apa lombong tetapi tanah-tanah lain tidak ada.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, daripada taukeh-taukeh membuat rumah ini dan dibelinya sekarang, lebih baik Kerajaan beli untuk orang-orang miskin ini. Orang-orang kaya bolehlah membeli di mana-mana pun. Ini Kerajaan mesti buat.

Berkenaan dengan perumahan juga, tanah untuk perumahan pada hari ini tujuh batu hingga lapan batu jauhnya daripada Kuala Lumpur berharga \$8-\$9 sekaki persegi. Harga tanah \$8-\$9 sekaki persegi ini yang dikatakan untuk rumah murah. Kalau tanah-tanah Kerajaan, tanah-tanah lombong biasa berharga \$8 sekaki siapa orang miskin yang hendak beli \$8 sekaki? Ini dikatakan rumah untuk orang-orang miskin. Sama ada Kerajaan Statnya atau Kerajaan Federalnya kata sahaja hendak memberi rumah kepada orang miskin. Rumah yang dikatakan rumah murah berharga \$25,000-\$28,000, pada hari ini lebih melambung lagi! Link house sudah \$120,000 sebuah, macam mana orang miskin hendak beli? Alangan pegawai Kerajaan yang gaji beribu pun payah. Mereka yang bergaji \$1,500-\$2,000 boleh belikah? Link house pun mereka tidak terbeli. Ini Kerajaan mesti fikir bagaimana cara-caranya hendak menolong rakyat pada hari ini dan oleh kerana kita ini semuanya dalam Barisan Nasional, kita bercakap bukan mencerca Kerajaan, kita bercakap oleh kerana kita

berkehendakkan ini, beri betul-betul kita bercakap dari hati ke hati. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan apa yang menjadi tidak puas hati kepada rakyat. Kalau katakan Raja Nong Chik, saya ingat tidak ada sebab saya hendak bercakap. Kalau bercakap pun barangkali Menteri marah kepada saya bercakap begini, ini perkara orang lain, bukan saya. Jadi, ini mestilah ada kontrolnya. Macam mana cara hendak kontrol mesti ada. Berapa keuntungannya mesti ditengokkan supaya jangan dibuat sewenang-wenangnya pada hari ini.

Kalau ditanya, harga besi dan simen sudah naik, harga labour dan sebagainya sudah naik, ini jadi bagaimana orang miskin hendak membeli rumah. Harga tanah pun sudah melambung tinggi. Kalau kita bertanya berbalik semula macam cerita bangau, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap cerita bangau lagi, balik-balik bangau, Raja Nong Chik kata balik-balik bangau, tetapi serupa macam cerita bangau. Apabila kita bertanya sahaja Kerajaan kata begini, dalih begini. Kalau saya cakap begini nanti dijawab itu juga. Macam mana kita tidak buat, harga barang sudah mahal. Apa sebab harga barang sudah mahal, factory itu tidak mahu dikeluarkan. Dia bohong katakan tidak ada bekerja, nanti susah juga kita. Jadi macam-macam jawapan boleh kita berdialog begini. Tetapi ini perkara yang benar yang Kerajaan mesti ada kontrol di atas perkara ini.

Sesudah itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sedikit berkenaan industri. Ini terbalik pula, dari masalah kemiskinan pergi kepada industri. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah beberapa kali ke luar negeri. Bagus, bawa pemodal asing datang kemari. Kita pergi ke sana mengatakan negeri kita ini bagus menanam modal—di sini bagus, politik kita stabil, ini memang betul, kita banyak minyak, memang betul, kita banyak getah, memang betul; kita banyak kelapa sawit, memang betul. Tetapi apabila datang ke mari di mana tanahnya mereka hendak mendirikan kilang? Perusahaannya dari luar ini hendak mendapatkan tanah untuk didirikan kilang terpaksa menunggu sekurang-kurangnya lapan bulan, tujuh bulan, enam bulan. Apabila ditanya, Menteri yang berkenaan mengatakan itu State land, Kerajaan Negeri yang berkuasa.

Jadi tidakkah ada koordinasi di antara Federal dengan State? Adakah menantikan mesyuarat EXCO, EXCO menunggu laporan daripada pejabat tanah, pejabat tanah periksa pula lagi, menunggu laporan land committee dan sebagainya?

Kadang-kadang pegawai pula pergi ke luar negeri berbulan-bulan hendak menengok projek di luar negeri, kononnya hendak mendapat pengalaman yang cukup, yang lebih banyak lagi, tetapi entah apa dia belajar saya pun tak tahulah. Mengambil masa 6-7 bulan sedangkan pelabur itu hendak membangun. Jadi dengan sebab itu lebih baik dia pergi ke Sri Lanka. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan-kerajaan Federal dan State mesti ada satu koordinasi, saya nanti dikatakan hanya pandai bercakap sahaja, sekarang saya hendak mengemukakan cadangan. Orang-orang daripada luar negeri itu yang hendak menanam modal itu mestilah disediakan tanah. Tah payah lagi tunggu kelulusan EXCO, luluskan sahaja ini dia tanah yang boleh dikeluarkan, jika sekiranya dia betul-betul genuine hendak menanam modal. Ini dia tanah sudah siap beberapa ekar. Boleh diluluskan dahulu, tak payah lagi nanti pergi ke EXCO atau tunggu land report, S.O. Report dan sebagainya. Proses ini patutlah dipendekkan.

Apa yang Allahyarham Tun Razak menyatakan red tape ini patut dipendekkan oleh kerana kita hendak mencapai kemajuan, sekarang ini makin dipanjangkan. Itulah yang telah menyebabkan datangnya rasuah. Rakyat mengatakan bahawa untuk mendapatkan tanah sangat susah. Oleh kerana terlalu susah, terpaksa hulurlah barulah boleh dapat. Begitukah? Inilah jalan rasuah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita katakan selama ini pegawai Kerajaan rasuah, tetapi pegawai Kerajaan kata: Hei! EXCO members tiap-tiap State rasuah. Itu ada orang kata, sebab satu-satu State itu Wakil Rakyat yang memegang kelulusan tanah. Jadi kalau begini jahanam negeri-negeri, Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan sebab itu mestilah ada peraturan seperti itu, jangan dibiarkan rasuah ini. Kalau misalnya pemodal daripada luar negeri datang kita tanya berapa ekar hendak tanah? Kalau sudah ditetapkan hendak pergi Kelantan, pergilah Kelantan, sudah siap tanah di Kelantan. Kalau hendak pergi ke Trengganu, ke Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan

sebagainya pergilah, tetapi mesti ada tanah sudah disediakan. Sudah siap tak payah tunggu lagi, bayar sahaja berapa premium, selesai bayar dia boleh masuk.

Dalam perkara industri ini juga, Tuan Yang di-Pertua, tenaga mesti ada. Itu yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak ada tenaga, apa pun tak boleh buat. Sekarang ini sudah dibuat rancangan, misalnya diadakan satu dua tempat di Selangor tenaganya belum ada apa-apa lagi. Bekalan air baru hendak buat, sepatutnya kalau hendak buat kawasan industri sudah lama siap tenaga, baru kita panggil orang dari luar negeri datang ke sini. Sebab orang dari luar negeri itu datang, dia hendak siap semua, ada air, ada api, ada segala-gala seperti jalanraya dan facilities tertentu. Kalau tak begitu macam mana kita hendak pergi ke luar negeri, kita panggil pelabur tetapi sampai di sini mereka tengok kosong. Memang bagus Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu ke luar negeri, memang banyak pelabur masuk, tetapi yang kita hendak facilities untuk orang itu, jangan mereka bersungut mengatakan mana dia tanah-tanah itu, mana dia tapak perusahaan? Sudah sediakah tenaga dan kemudahan atau tidak? Memang ada tempat-tempat yang ada kemudahan, bukan saya tak tahu!

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila sudah siap industri, umpamanya, satu kilang sudah siap, jangan tenaga letriknya selalu mati, dan selalu putus. Ini juga menjadi satu kerugian besar kepada industri-industri. Kalau putus, tak usah lama, 5-10 minit sahaja tenaga letrik itu putus, seluruh factory terbengkalai. Kalau plastic factory langsung habis jahanam, alat-alat mould terpaksa dibuka, begitu juga glass industry. Jadi, Tuan Yang di-Pertua di dalam perkara industri ini Kerajaan mestilah perhatikan betul-betul supaya perkara ini jangan berulang lagi. Kadang-kadang air tak ada, tenaga tak ada dan tadi saya katakan air tak ada. Walaupun setiap hari hujan, tetapi oleh kerana tak ada planning yang betul-betul, air melorot sahaja keluar dari lubang takungan-takungan. Begitulah air hilang sahaja, sebaliknya kalau hari panas sudah tak ada air lagi. Sekarang hari hujan pun di Kuala Lumpur tak ada air.

Selain daripada itu, kalau negeri hendak maju, mestilah ada lebuhraya yang baik, jalan keretapi dan transport yang cekap dan

selamat. Keretapi Tanah Melayu yang ada sekarang adalah keretapi yang selalu berlanggar—famous berkenaan pelanggaran tiap-tiap seminggu sekali atau tergelincir, tiap-tiap sebulan hingga 4-6 kali. Apabila kita tanya kenapa tak dibaharui landasan itu? Menteri menjawab, macam mana hendak membarui landasan itu kerana landasan itu kecil. Macam mana hendak buat lagi. Kemudian kalau kita diamankan begini keretapi selalu jatuh, tetapi tentulah ada cara untuk membaikinya. Saya cadangkan di sini landasan itu iaitu landasan yang sekarang yang sempit, hanya berapa kaki sahaja lebarnya (width) sekarang kita buat landasan yang besar di atas landasan itu juga. Di atas landasan yang ada sekarang itu kita taruh batu-batu untuk melebarkan tapaknya, kemudian di tepinya kita tambah kayu landasan lagi menjadi 3-4 kaki dan di antaranya pula diletakkan rel yang baru. Cuba buat begitu. Apakah salahnya, tak memakan belanja yang lebih, tak perlu hendak buat satu lagi jalan keretapi? Kalau ada keretapi yang besar dan lebar akan dapat berjalan dengan lebih selamat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini belum lagi ada kemalangan hingga rakyat mati dalam keretapi, sebab apa keretapi yang kecil atau Express Rakyat itu cukup laju. Kalau keretapi itu terlangkup dan jatuh ratusan orang akan mati nanti ataupun keretapi mel jatuh besok menyebabkan ramai rakyat mati. Jangan Menteri mengatakan mengapa Wakil Rakyat tak cakup lebih dahulu? Jangan seperti apa yang berlaku pada satu masa dahulu apabila kapal terbang jatuh padahal sebelum itu kita katakan security mesti jaga dan sebagainya. Tetapi tak diambil peduli, selepas kejadian kemalangan itu berlaku, barulah sekarang kawasan lapangterbang berpagar, tiap-tiap pintu masuk ada orang menjaga, kalau kita hendak lalu ada alat-alat mesin peperiksaan dipasang, berbunyi kalau ada alat berbahaya di dalam poket. Kalau tak berlaku kemalangan itu, mungkin tak ada perubahan. Jadi ada pepatah Melayu mengatakan: Sebelum hujan siapkan payung. Jadi ini selalunya tidak begitu, Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya katakan berkenaan dengan keretapi tadi.

Berkenaan lebuh raya yang moden dan hendak mengadakan komiti untuk membina lebuh raya, hari itu saya sudah bertanya

mengenai lebuh raya daripada Seremban ke Kuala Lumpur, dahulu dielakkan dengan ditanam bunga di tengah-tengah jalan iaitu di antara dual carriage. Setahun dahulu saya juga telah bertanya dengan Menteri yang bertanggungjawab, saya kata dahulu ditanam bunga, mengapa sekarang sudah langgar sahaja? Mana dia bunga-bunga tidak tumbuh langsung, pokok-pokok bunga tidak tumbuh? Dia kata: Saya tidak tahu, nanti saya siasat. Tetapi sampai hari ini tidak ditanam dan tidak dibuat apa-apa sudah lebih daripada setahun.

Lebuh raya sebagaimana yang saya tengok di luar negeri dijaga betul-betul dielakkan-sebab orang lalu-lalang di sana daripada luar negeri hendak menengok lebuh raya kita, jadi mesti dipagar dengan bunga-bunga di tengah-tengahnya, cuba pergi ke Jerman kita tengok bagaimana lebuh rayanya kalau kita hendak buat betul-betul lebuh raya macam negeri yang moden.

Selain daripada itu, berkenaan dengan economic growth sebanyak 8% memang betul. Negeri kita adalah satu negeri yang economic growthnya yang tinggi sekali di dunia ini, tidak seperti di Brazil bukannya 8% tetapi dia punya inflationnya sampai 100%. Jadi negeri kita adalah sebuah negeri yang betul-betul bernasib baik dan Kerajaan kita boleh dikatakan berbangga kerana menjalankan tugasnya dengan begitu baik sekali tetapi terpujanglah kepada rakyat khususnya bumiputra, oleh kerana bumiputra pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak lagi boleh menadah tangan, tidak boleh lagi memikirkan terlalu berhak istimewa. Bumiputra pada hari ini mestilah bertanggungjawab, berkerja kuat betul-betul, mesti compete dengan bangsa-bangsa asing, mereka juga ada mempunyai tenaga fikiran, tenaga tangan macam kita dan kita mesti malu dengan orang-orang lain. Orang lain memikirkan kalau tidak ada hak istimewa kita akan mati, dengan sebab itu orang bumiputra pada hari ini di dalam tempoh beberapa tahun barangkali kita ada mempunyai hak istimewa tentu selepas itu kita mesti bertanding, kita mesti berdiri di atas kaki kita sendiri. Pada hari ini semangat bumiputra khususnya orang Melayu baikpun di Sabah dan di Sarawak bumiputranya mestilah bersemangat betul-betul untuk mengisi iktisad yang dikatakan sekurang-kurangnya

30% mestilah di tangan bumiputra pada hari akan datang. Pada masa dahulu kalau panggil Mat, itu adalah driver, siapa dia Mat iaitu orang Melayu; kalau dikatakan Mat lagi iaitu peon di pejabat-pejabat; panggil lagi satu Mat itu jaga di bank-bank orang lain. Jadi kalau misalnya orang bumiputra bangga kepada bumiputrnnya, mereka ini kalau pergi belajar, mestilah belajar betul-betul; kalau berniaga, mestilah berniaga betul-betul, kalau jadi tani, mesti jadi tani betul-betul, kalau tidak diberi tanah, tanah akan penuh dengan lalang. Kalau diberi pelajaran mereka nanti kalau tidak belajar betul-betul banyak yang tidak lulus.

Di negeri Jepun dahulu sebelum Regim Meiji orang Jepun juga macam kita tetapi dengan semangatnya di dalam tempoh 15 tahun selepas Meiji mereka boleh membuat segala-galanya dengan mempunyai pelajaran-pelajaran yang tertentu. Saya yakin dan percaya dengan adanya semangat yang diberi mereka ini akan bersemangat dan dengan ini tentu sekali bumiputra juga boleh bertanding, bahu-membahu dengan warganegara yang lain yang ada dalam negeri kita ini.

Oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ramai hendak bercakap saya telah berjanji dengan Tuan Yang di-Pertua setengah jam, jadi sudah cukup setengah jam, maka saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan sekali lagi menyokong penuh di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Yang Peng.

6.36 ptg.

Tuan Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk berucap bagi membentangkan Titah Ucapan Di-Raja di Dewan yang mulia ini. Saya telah dihubungi oleh kaum-kaum nelayan daripada Sabak Bernam khususnya dan dari tempat-tempat lain amnya di Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah sebuah negara yang terkaya dengan sumber alamnya. Di kalangan antarabangsa sumber alam negara kita adalah berada dalam ke-

udukan yang menguntungkan. Dalam konteks ini, Kerajaan kita boleh dikatakan telah memberi banyak dorongan yang giat dan sempurna.

Di samping itu, Kerajaan kita juga melalui lain-lain langkah telah memastikan bahawa bidang lain juga dapat dikembangkan dengan seimbang. Ini boleh dibayangkan dari pelaksanaan ketiga-tiga 5-tahun Rancangan Malaysia yang lalu. Bidang industri perikanan negara kita juga dikembangkan dengan mengikut matlamat ini.

Untuk mengkaji semula perkembangan industri perikanan di negara kita setakat ini, saya rasa ada banyak lagi yang hendak diperbaiki. Pada masa kita mengkaji perkembangan industri perikanan itu, kita mestilah juga menilai usaha-usaha yang telah diberikan dan meninjau sama ada kita sudah mencapai matlamatnya, serta mencari kelemahan yang ada untuk diperbaiki. Sekiranya tidak, industri perikanan negara kita tidak boleh dikira sebagai satu kejayaan, sebaliknya kebajikan dan kehidupan kaum nelayan masih belum lagi dapat dijaga dengan baik dan sempurna.

Untuk mencapai dan memastikan perkembangan industri perikanan negara supaya terus dimajukan, kita mestilah belajar dari pengalaman yang baik yang diusahakan oleh negara-negara yang maju seperti Jepun, Norway dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam bidang perikanan, Kerajaan kita sedang melaksanakan Sistem Kuota pemberian lesen yang telah menjadi satu halangan atas perkembangan industri perikanan. Kerana dengan perlaksanaan Sistem Kuota itu, ia telah membawa banyak masalah, seperti munculnya ramai nelayan-nelayan haram yang ingin mencari rezki. Saya berharap Kerajaan kita mestilah mengkaji semula perkara ini dari masa ke semasa untuk memperbaiki nasib mereka.

Sejak 10 tahun dahulu negara kita telah menggalakkan nelayan-nelayan kita supaya menggunakan cara moden pukut tunda untuk menangkap ikan. Ini adalah bertujuan

untuk menambahkan pendapatan dan mempertingkatkan taraf kehidupan nelayan-nelayan. Sungguhpun usaha itu dapat memberi sumbangan tetapi oleh kerana dipengaruhi oleh Sistem Kuota, usaha-usaha ini menjadi penghalang dalam keseluruhan rancangan perkembangan industri perikanan.

Sejauh yang saya ketahui, ada lebih 2,000 keluarga kaum nelayan di negara kita yang menjadi mangsa secara langsung dari pelaksanaan itu. Adakah kita akan berdiam diri terhadap nasib nelayan-nelayan itu apakala kita terus menegaskan perkembangan industri perikanan di negara kita? Sebenarnya pada 10 tahun yang lalu, nelayan-nelayan itu adalah di bawah keadaan yang kurang jagaan untuk memperjuangkan rezki mereka. Mereka sangat susah untuk hidup apatah lagi dalam keadaan sekarang yang undang-undang seperti Sistem Kuota dan pemberian lesen yang terhad telah menghalang mereka untuk mencari rezki yang halal. Mereka terpaksa juga ke tengah lautan untuk menampung hidup.

Oleh yang demikian, saya berpendapat untuk menjaga kepentingan kemajuan negara kita dan dalam usaha memajukan berbagai-bagai bidang, Kerajaan kita patutlah memberi lebih usaha dan perhatian terhadap nelayan-nelayan itu dan lebih penting lagi ialah memberikan mereka peluang supaya dapat memberi sumbangan mereka terhadap pembangunan industri perikanan negara kita secara sah.

Saya ingin mencadangkan di Dewan ini supaya Kerajaan kita mestilah berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah pukut-tunda haram yang wujud selama ini. Di samping itu lesen-lesen hendaklah diberikan kepada mereka supaya membolehkan lebih kurang 2,000 buah bot pukut tunda di antara 10 tan hingga 25 tan itu mendapat perlindungan undang-undang secara sah.

Selain daripada itu, satu Jawatankuasa Khas Penasihat yang berperingkat Kabinet patut ditubuhkan supaya mengkaji secara keseluruhannya polisi industri perikanan negara kita serta memberi lebih banyak sumbangan kepada nelayan-nelayan negara kita. Dari segi peri kemanusiaan, kita mestilah bertindak cepat dalam memberi pertimbangan atas perkara ini. Sebenarnya saya berpendapat bahawa menjadikan lebih

kurang 2,000 buah bot pukut tunda itu secara sah tidak akan mempengaruhi banyak pengeluaran bahan itu, sebaliknya ia akan membawa kepentingan dan kebahagiaan rakyat jelata negara kita, kerana ia bukan sahaja menambahkan pendapatan dan memperbaiki taraf kehidupan kaum nelayan, malahan ia akan menyediakan bekalan bahan ikan-ikan yang cukup dan mengurangkan import bahan ini. Jika sekiranya hasil ini baik dan berlebihan, kita dapat mengeksportkannya ke luar negeri pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyentuh tentang pengambilan pemuda yang bukan bumiputra supaya berkhidmatan di Jabatan Polis. Menurut pengetahuan saya, Jabatan Polis sekarang memerlukan lebih ramai pemuda bukan bumiputra berkhidmat di Jabatan Polis dan pihak berkuasa sedang berkempen mengambil lebih ramai lagi pemuda bukan bumiputra terutamanya pemuda berketurunan Cina berkhidmat di Jabatan Polis. Oleh kerana berbagai implikasi, maka ia masih belum mendapat sambutan yang memuaskan. Saya berpendapat pihak berkenaan patut menghebatkan lagi penerangan lebih lanjut dan luas serta memberi galakan yang sepenuhnya.

Menurut fahaman saya, gaji bagi kaum bukan bumiputra yang berkhidmat dengan Jabatan Polis adalah sangat lumayan. Ia bukan sahaja memberi peruntukan gaji yang tetap malahan di sampingnya ada berbagai-bagai elaun. Pemuda yang berketurunan Cina, oleh kerana mereka tahu berbagai dialek maka ia mendapat berbagai elaun ini tentulah akan beruntung sekiranya dibandingkan dengan kaum lain.

Saya sendiri berpendapat untuk menggalakkan lebih ramai pemuda yang bukan bumiputra terutamanya pemuda keturunan Cina berkhidmat dengan pihak Polis, Kementerian Penerangan patutlah memainkan peranan yang penting dalam perkara ini, supaya menyebarkan lebih lanjut tentang pengambilan polis-polis baru. Dengan cara begitu, saya yakin ia akan mendapat sambutan yang baik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chua Ching Cheng.

6.51 ptg.

Tuan Chua Ching Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Baginda di upacara pembukaan rasmi Penggal Kedua Parlimen Kelima pada 17hb Mac, 1980.

Duli Yang Maha Mulia telah dengan sewajarnya menekankan betapa mustahaknya pembaharuan pentadbiran dan perancangan tenaga manusia dalam proses pembangunan negara kita. Ini adalah memandangkan kepada pembentukan satu sistem pentadbiran yang lebih kukuh akan dapat menentukan tenaga pelaksanaan dapat diguna secara yang lebih efisien.

Dalam segi pembangunan, kita tidak syak lagi kita telah mencapai banyak kemajuan sama ada dalam bidang pelajaran, ekonomi atau sosial. Kejayaan yang kita capai itu bergantung kepada dua faktor iaitu perancangan yang bijak dan pandang jauh oleh pemimpin Kerajaan dan pentadbiran yang cekap dan dedikasi dari pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Dalam perkhidmatan awam, kita mempunyai ramai pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh budi bahasa dan dedikasi bagi menjayakan sesuatu projek atau program Kerajaan. Kepada mereka ini, saya mengucapkan syabas. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga segolongan kecil pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang bersifat malas, sombong, kurang cekap, berlagak seperti tuan dan sebagainya.

Walaupun bilangan yang berkelakuan tidak senonok itu tidak ramai, tetapi tindak-tanduk mereka ini telah mengancam dan mencemaskan orang ramai serta memburukkan imej dan nama baik Kerajaan. Mereka-mereka ini menjalankan tugasnya tanpa mengikut garis-garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan bertindak sewenang-wenang mengikut sukahati mereka dan pandangan-pandangan mereka dan nilai masing-masing di dalam usaha menjalankan matlamat-matlamat Kerajaan. Lagak mereka dan perbuatan mereka itu akan membawa akibat yang buruk kepada masyarakat dan negara, kerana didapati penyelewengan-

penyelewengan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan punca dan musabab berbagai-bagai kegelisahan di kalangan rakyat.

Sudahlah tiba masa bagi Kerajaan kita mengambil tindakan membetulkan keadaan begini supaya satu jentera pentadbiran yang cekap dan adil dapat benar-benar diwujudkan bagi memenuhi kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat Kerajaan serta rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka di sini mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan tindakan dan usaha yang telah dijalankan oleh pasukan Polis Di Raja kita. Baru-baru ini seramai 21 orang anggota polis yang berpangkat rendah dari berbagai peringkat telah diumumkan pemenang-pemenang "Juara penuh Displin" tahun ini sempena dengan perayaan Hari Polis di seluruh Malaysia yang bertemakan "Berkhidmat Dengan Penuh Displin". Mereka-mereka itu telah dihadiahkan dengan hadiah-hadiah cenderamata dan sijil kepujian oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Haji Haniff Omar, pada 25-3-1980 di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Tindakan dan usaha yang sedemikian patut dicontohi oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain sebagai satu langkah yang positif bagi menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan pejabat-pejabat masing-masing bertugas dengan lebih bersemangat dan bersopan dan cekap bagi memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan kepada rakyat dan negara.

Bagi pihak Kerajaan pula, kita harus mengkaji supaya peraturan-peraturan perkhidmatan awam diubahsuaikan bagi membolehkan Kerajaan melipatgandakan kenaikan gaji tambahan tahunan (annual increment) kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang memenangi dalam satu pertandingan "Juara Perkhidmatan Cemerlang" dan sebagainya yang akan dianjurkan oleh pejabat-pejabat masing-masing kelak. Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang didapati malas, cuai, lalai, sombong dan menyeleweng kenaikan gaji tambahan tahunan mereka hendaklah dibekukan sementara sebagai satu amaran. Dengan adanya galakan dan hukuman seperti yang demikian maka kita akan dapat mewujudkan satu jentera Kerajaan yang lebih kukuh dan cekap serta adil.

Begitu juga dalam hal kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan. Kita selalu terdengar aduan-aduan dari kakitangan Kerajaan sendiri bahawa di dalam beberapa banyak kes di dalam kenaikan pangkat tidak berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan atau jasa-jasa perseorangan tetapi berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan yang lain. Dengan terdapat adanya perbuatan diskriminasi berlaku, maka sudah tentu akan merosotkan dedikasi dan semangat pegawai-pegawai yang diketepikan dan seterusnya melemahkan pentadbiran Kerajaan. Saya berharap agar perkara ini dapat perhatian yang serius oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada pelajaran pula. Dalam Titah Di Raja, Baginda menyebut tentang perhatian serius yang selalu diberi kepada pelajaran dan akan terus berusaha untuk meningkat dan mengembangkan universiti-universiti dan lain-lain institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan yang ada bagi melampung keperluan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini keputusan peperiksaan HSC/STP telahpun diumumkan begitu juga MCE/SPM. Kita kini berada di tengah-tengah satu sesi akademik yang baru di mana pengambilan pelajar-pelajar sedang diproses dan dipertimbangkan untuk memasuki ke 5 buah universiti-universiti tempatan dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain. Adalah menjadi harapan saya bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita akan membuat setiap usaha untuk memastikan bahawa tempat-tempat universiti-universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi yang berada di dalam negara kita dapat dibahagikan secara adil dan saksama mengikut kelayakan akademik perseorangan dan garisan kuota yang telah ditetapkan dan disetujui oleh parti-parti dalam gabungan Barisan Nasional pada tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan terdapat semakin banyak kebimbangan dalam kalangan kaum Cina dan India hari ini mengenai peluang-peluang untuk pelajaran tinggi, terutama sekali pendidikan universiti bagi anak-anak mereka. Ini adalah kerana mereka melihat peluang-peluang anak-anak mereka untuk mendapat tempat di universiti-universiti tempatan semakin

kurang. Tambahan pula satu dua tahun kebelakangan ini negara-negara seperti Britain, Canada, Australia dan New Zealand telahpun menaikkan yuran belajar dengan beberapa kali ganda. Dengan keadaan ini maka ramai pelajar-pelajar kita yang amat cerdek pandai dan berkelayakan tetapi miskin oleh sebab miskin mereka itu tidak mampu melanjutkan pelajaran tinggi mereka di seberang laut dan dengan secara tidak langsung dan tidak disadari kita telah membazir ramai tenaga manusia yang berguna untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar pendidikan universiti memakan sebahagian besar belanjawan tahunan Kerajaan kita. Tetapi ini adalah satu pelaburan yang akan membawa faedah kepada masyarakat dan negara. Negara kita adalah sebuah negara yang sedang membangun dan dahagakan tenaga rakyat yang mahir untuk melaksanakan projek-projek dan program-program di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat kelak. Kita masih kekurangan jurutera, doktor-doktor, jurukira (accountant), guru-guru yang terlatih dan lain-lain. Adalah wajar bagi Kerajaan kita mencari jalan untuk meluaskan peluang-peluang dan menambah tempat-tempat pengajian tinggi dengan seberapa yang boleh supaya semua pelajar-pelajar kita tidak kira keturunan yang layak akan mendapat berpeluang melanjutkan pelajaran tinggi mereka dan di samping itu dapat menghapuskan segala kegelisahan dan perasaan tidak puas hati yang sedia ada di kalangan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang masalah perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di Raja, Baginda telah memandang berat akan keadaan perumahan di negara kita ini dan akan terus mengambil tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah mengadakan rumah yang lebih banyak lagi khususnya rumah-rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan rumah dan kenaikan harga rumah satu paras yang terlalu tinggi telah menjadi satu masalah sosio-ekonomi negara kita. Pada masa ini terdapat ramai rakyat yang berpendapatan rendah tidak lagi mampu memiliki rumah sendiri kerana harga rumah kos rendah pun telah melambung naik ke paras

\$20,000 tiap-tiap sebuah pada masa ini. Dengan terwujudnya keadaan ini maka masalah rumah setinggan di dalam bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bharu, Pulau Pinang dan lain-lain telah bertambah buruk. Dengan bertambahnya rumah setinggan maka timbullah satu masalah lain iaitu kesesakan penduduk-penduduk di bandar-bandar besar. Kesesakan-kesesakan penduduk-penduduk di kawasan bandar akan juga menjadi satu masalah yang boleh mengancam kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi negara. Jika kita tinjau dengan mendalam atas sebab-sebab yang menolong kenaikan harga rumah didapati faktor pertama ialah kerana kenaikan harga bahan-bahan pembinaan dan kekurangan tenaga manusia untuk membina rumah.

Selain daripada itu, perkara-perkara yang berikut adalah menjadi unsur-unsur yang menyebabkan dan mendorong harga rumah melambung naik dengan luar biasa.

Pertama, kekurangan tapak-tapak tanah untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah. Adalah menjadi satu kenyataan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri tidak begitu berminat dan mengambil berat dalam berusaha menyediakan tapak-tapak tanah dan kemudahan-kemudahan bagi agensi-agensi Kerajaan atau pemaju-pemaju rumah swasta untuk membina rumah kos rendah.

Kedua, kelambatan Kerajaan Negeri di dalam hal memproses dan meluluskan permohonan-permohonan untuk menukar syarat tanah bagi tanah pertanian kepada tanah perumahan, kerana kekurangan satu pelan induk bagi perkembangan dalam sesuatu kawasan bandar yang tertentu.

Masalah ketiga ialah kelengahan kelulusan pelan tapak rumah dan pelan rumah dari Majlis Kerajaan Tempatan disebabkan kurangnya koordinasi antara satu pejabat dengan pejabat yang lain seperti Pejabat Tanah dengan Pejabat Perancang Bandar dan Desa; Pejabat Telekom, Lembaga Letrik Negara, Lembaga Air, Pejabat Bomba dan lain-lain. Oleh kerana kekurangan tapak-tapak rumah yang dapat disediakan maka agensi-agensi Kerajaan ataupun pemaju-pemaju rumah swasta mengambil kesempatan untuk melambungkan

harga rumah di atas tanah yang telah diluluskan dengan sesuka hati mereka. Tambahan pula pada masa ini terdapat ramai orang perseorangan dan sindiket-sindiket yang tertentu dengan mengguna agensi-agensi mencari keuntungan melalui tempahan rumah-rumah projek perumahan yang telah ataupun sedang diusahakan oleh pihak swasta ataupun Perbadanan Kerajaan di dalam negara kita dan kemudiannya dipindah milik kepada orang-orang yang tidak berpeluang menempah atau orang-orang asing daripada luar negeri yang sanggup membeli dengan harga yang tinggi.

Perkara-perkara yang tersebut di atas ini adalah menjadi pokok-pokok yang rumitkan lagi masalah kekurangan rumah dan kenaikan harga rumah di dalam negara kita. Untuk mengatasi masalah ini saya suka mengesyorkan di sini beberapa cadangan bagi dipertimbangkan.

Pertama, Kerajaan Negeri hendaklah berusaha mengambil balik (acquire) sebahagian tanah-tanah ladang getah atau sawah berdekatan dengan bandar-bandar ataupun pekan-pekan yang tertentu atau yang dirancangan dan dipecah-pecahkan menjadi lot tapak rumah dan kemudiannya dijual kepada agensi-agensi Kerajaan atau pemaju-pemaju rumah swasta ataupun perseorangan untuk didirikan dengan rumah kos rendah.

Kedua, Kerajaan Negeri hendaklah mensyaratkan sekurang-kurangnya 30% rumah jenis kos rendah diwajibkan dalam semua projek perumahan sama ada diusahakan oleh agensi-agensi Kerajaan ataupun pemaju-pemaju rumah swasta yang projeknya mengandungi lebih daripada 50 unit ke atas.

Ketiga, untuk menurunkan kos rumah kos rendah pembinaan rumah berangkai empat tingkat (four-storey flats) di bandar-bandar bedar di mana kos tapak rumah adalah lebih tinggi patut digalak.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, mengadakan undang-undang supaya dapat menyekat tuanpunya rumah kos rendah memindah milik rumah mereka dalam satu tempoh yang tertentu, misalnya, 10 tahun kecuali kepada anak-anak atau isteri-isteri mereka bagi mengelakkan kegiatan-kegiatan spekulasi.

Kelima, menyekat sama sekali orang asing dari luar negeri memiliki rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perkara-perkara yang saya sebut di atas ini adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi Kementerian Perumahan yang bertanggungjawab terhadap masalah kekurangan rumah kos rendah patut mengambil inisiatif untuk berunding dengan Kerajaan Negeri supaya mendapatkan kerjasama dan sokongan daripada pihak Kerajaan Negeri bagi mencapai matlamat Kerajaan iaitu mengadakan lebih banyak rumah-rumah kos rendah pada masa yang akan datang.

Inilah serba sedikit pandangan saya yang saya dapat kemukakan dan saya sekali lagi menyokong usul yang ada dikemuka di Majlis yang mulia ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dato' Phua Cheng Leong.

7.10 mlm.

Dato' Phua Cheng Leong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Dewan ini. Saya amat sukacita berpeluang pada kali pertamanya untuk menyentuh sedikit tentang konsep "self-discipline" dalam perbahasan pada hari ini. Konsep ini, seperti yang dititahkan oleh D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong, adalah punca kemajuan dan kejayaan seseorang itu. Jika rakyat mengamalkan self-discipline, satu masyarakat yang berdisiplin akan wujud di negara ini. Satu masyarakat yang berdisiplin sanggup menghadapi cabaran dekad kelapan puluhan ini. Satu masyarakat yang berdisiplin akan melahirkan sikap "self-respect". "Self-respect" meliputi nilai sosial, kebudayaan, bahasa, moral dan agama dan segala ini mesti disanjung tinggi antara satu sama lain di masyarakat yang berbilang kaum di negara ini. Dengan adanya self-respect maka wujudlah konsep self-discipline.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita diperintahkan di bawah undang-undang dan keadilan undang-undang mesti dilihat adil dan tercapai dan bukan sahaja didengar adil (justice must not only be heard to be fair, but must be seen to be fair). Barulah rakyat jelata negara ini boleh mengamalkan

disiplin seperti yang dititahkan oleh D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan-nya ke Dewan ini.

Berkaitan dengan perkara ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada hukuman gantung ke atas orang-orang yang bersalah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dari segi keadilan di bawah undang-undang. Nampaknya kebanyakan hukuman gantung ini dijatuhkan ke atas orang-orang yang bersalah dari satu keturunan sahaja dan perkara ini sangat menyakiti hati kaum itu. Mereka ini khuatir agar hukuman gantung ini tidak seimbang dijatuhkan ke atas semua orang yang bersalah tanpa mengira kaum. Pendapat ini adalah kurang sihat bagi perpaduan dan pembangunan negara sekiranya ia dikekalkan akibat hukuman ganung ini. Maka saya menyeru supaya hukuman ini dijatuhkan ke atas sesiapa pun yang bersalah pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 15hb Mac tahun ini Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah telah berkata di *Mingguan Malaysia* bahawa mulai tahun depan semua perusahaan amanah Bumiputra yang sekarang dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan akan dipindahkan milik dan pengurusannya kepada syarikat Bumiputera secara beransur-ansur. Pada dekad kelapan puluhan ini, Kerajaan mesti menumpu usahanya untuk menstabilkan ekonomi negara. Bagi mewujudkan cita-cita ini, adalah ditegurkan supaya Kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa pemerhati "watchdog committee", untuk memastikan kejayaan rancangan ini. Kerana maju mundurnya perkembangan perdagangan serta penyertaan Bumiputra di ekonomi negara ini ada kaitan yang rapat dengan kejayaan rancangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru kepada Dewan yang mulia ini untuk memberi sokongan kepada "Peretujuan pokok rundingan mengenai Vietnam" di antara Presiden Suharto Indonesia dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Kuantan baru-baru ini. Peretujuan itu ialah meminta Vietnam membebaskan dirinya sama ada dari pengaruh Soviet Union atau Republik Rakyat China bagi merintis jalan ke arah penyelesaian segera konflik di Kampuchea. Jika prinsip ini diterima oleh semua pihak yang berkenaan, kestabilan politik di rantau ini akan terjamin dan negara-negara di

rantau ini pula boleh menumpukan tenaga untuk membangunkan negara-negara masing-masing. Jika Dewan ini dapat memberi sokongan kepada cadangan Yang Amat Berhormat itu maka sudah jelas dan pasti bahawa cadangan itu adalah lebih bermakna dan berkesan.

Dalam usaha membendung inflasi pula, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya. Jika rakyat harus mengamalkan sikap berjimat cermat, serta berusaha meninggikan daya pengeluaran masing-masing, dan tidak dikuasai atau dipengaruhi oleh psikologi inflasi, maka sudah tentu inflasi di negara ini boleh dikurangkan dengan lebih berkesan. Sikap positif ini mesti ditanamkan di kalangan rakyat, dan bukannya sikap negatif yang menyatakan bahawa inflasi tidak boleh dicegah. Salah satu daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, usaha untuk mengawal harga barang-barang dari dinaikkan sesuka sahaja mesti diperhebatkan, terutamanya barang-barang keperluan. Demikian juga tentang cukai. Di mana perlu atau wajar, usaha untuk mengurangkan cukai mesti diadakan. Segala tindakan yang diambil itu mesti bertujuan untuk menjamin kestabilan harga barang-barang dan taraf hidup rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dititahkan oleh D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong, usaha-usaha ke arah menggembeling pembangunan untuk perpaduan rakyat hendaklah seiring dengan keutuhan dan ketahanan negara. Semangat saling bantu-membantu antara satu sama lain mesti diperhebatkan. Bagi mencapai cita-cita ke arah sebuah negara aman dan makmur, kedaulatan undang-undang mesti dikekalkan di negara ini supaya rakyat bertekun, berdisiplin dan bersatu padu. Akhirnya saya mencadangkan marilah kita bersama-sama berusaha untuk mencapai cita-cita yang suci ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan sahabat saya sebentar tadi, Dato' Phua Cheng Leong, berkenaan dengan

teguran beliau terhadap mereka yang bergantung cuma daripada satu kaum sahaja, kalau tidak salah saya itu katanya. Jadi, untuk menjaga nama baik dan maruah Dewan yang mulia ini, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Phua Cheng Leong sama ada beliau sudi menarik balik syor-syor dan apa yang telah dikatakannya tadi, kerana ini bukan sahaja menyentuh nama baik Dewan kita tetapi juga saya rasa peraturan yang ada di dalam Dewan kita ini dan juga kebebasan mahkamah dalam perkara ini.

Dato' Phua Cheng Leong: Tuan Yang di-Pertua, saya menarik balik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dato' Phua Cheng Leong menarik balik?

Dato' Phua Cheng Leong: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Azlan.

7.20 mlm.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba memendekkan ucapan kerana kita ada 10 minit lagi.

Saya bangun untuk menyokong usul yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Rahmah Othman untuk menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan sidang Dewan yang mulia baru lalu. Tidak syak lagi Titah Ucapan Baginda itu memberi jaminan yang jelas bahawa rakyat bolehlah menaruh harapan yang besar terhadap kesanggupan, kegigihan dan kecekapan Kerajaan Baginda dalam mengusahakan kesejahteraan hidup kita semua di masa-masa akan datang di samping terus mengukuhkan kedudukan ekonomi dan ketahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, para pemimpin kita telah berkali-kali menegaskan tentang sistem pemerintahan Kerajaan kita sebagai satu sistem demokrasi, malah sebenarnya sistem pemerintahan itu sendiri bagi saya adalah terlalu demokratik dan terlalu liberal sehingga setengah kalangan yang opportunist

telah dapat mengambil kesempatan dari kebaikan sistem Kerajaan kita dan menggunakan hak-hak mereka sebagai rakyat di bawah sistem ini. Setengah kalangan pula telah mentafsirkan bahawa semua kebaikan itu sebagai kelemahan-kelemahan Kerajaan tetapi apa yang sebenarnya ialah Kerajaan kita bukannya lemah. Perdana Menteri kita yang adil dan saksama, baik dan bertimbang rasa, simpati dan tegas, beliau tentulah tidak boleh ditafsirkan sebagai seorang yang lemah.

Tuan Yang di-Pertua, tugas utama bagi tiap-tiap Wakil Rakyat di mana juga Dewan Perundangan di negara ini adalah untuk memelihara kepentingan rakyat di kawasan yang mereka wakili di negara ini. Jelaslah bagi mereka tanggungjawab terhadap negara adalah lebih penting daripada kepentingan-kepentingan diri sendiri apabila menyuarakan sesuatu perkara di dalam Dewan ini, bagaimanapun keadaan ini tidaklah selalu terjadi seperti yang sepatutnya.

Terdapat beberapa kejadian di mana Ahli-ahli Yang Berhormat mengutamakan kepentingan-kepentingan diri mereka sendiri dengan berselindung di sebalik kepentingan-kepentingan rakyat. Contohnya, kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua, iaitu bekas Senator dari Sabah, Datuk Kechik, yang telah mengelirukan Dewan yang mulia ini dalam tahun 1977. Apabila beliau mendakwa kononnya Kerajaan Negeri Sabah telah merampas harta-harta dan tanah-tanah kepunyaan Ahli-ahli dari Parti Pembangkang negeri itu. Dalam perjumpaan saya dengan Ketua Menteri Sabah pada masa ini, Datuk Harris Salleh, apa yang sebenarnya ialah Kerajaan Negeri Sabah tidak pernah merampas harta-harta atau tanah seperti yang didakwakan itu tetapi hanya telah membatalkan lesen-lesen membalak bagi setengah-setengah orang penduduk termasuk kepunyaan syarikat Datuk Syed Kechik. Beliau bagaimanapun telah memutarbelitkan kesengketaan

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri jalan?

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Ya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Dewan pada petang ini ada dua peristiwa yang bersejarah; pertama ketidak-adilan mahkamah menghukum satu kaum sahaja dihukum gantung, orang lain tidak dihukum. Kedua, apa ada kaitan dengan Titah Ucapan Di Raja dengan masalah Datuk Syed Kechik? Itu sahaja yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya cuma menjelaskan kalau keadaan seperti setiap Ahli Yang Berhormat mengancam tentang keadaan-keadaan di Sabah memang kurang menyenangkan bagi Kerajaan Negeri Sabah yang . . .

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Selama ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada seorang pun yang mengancam tentang keadaan di Sabah. Datuk Syed Kechik ialah bekas Ahli Dewan Negara dan tidak ada kenamengena lagi dengan keadaan sekarang. Itu menurut hemah saya.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kalau saya tidak salah baru yang lalu Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain ada membawa perkara mengenai dengan kedudukan Ketua Menteri Sabah mengenai dengan lawatan-lawatannya ke Indonesia dan Filipina. Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercerita sedikit lagi mengenai perkara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Bukanlah sesuatu yang luar biasa bagi sesuatu Kerajaan Negeri di negara ini untuk melawat di negara-negara asing. Dalam perkara Ketua Menteri Sabah, beliau telah membuat lawatan ke Filipina tidak lama dahulu dan Indonesia baru-baru ini adalah dengan restu dan pengetahuan penuh dari Kerajaan Pusat yang mana didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengatakan lawatan beliau adalah di luar daripada pengetahuan Kerajaan Persekutuan dan juga di luar daripada hak-hak Perlembagaan.

Berhubung dengan lawatan Ketua Menteri Sabah ke Indonesia nyatakan ia telah membawa hasil yang baik, kerjasama di antara Indonesia dengan Sabah dalam hal-hal bersangkutan dengan perkara-perkara perhutanan telah menghasilkan harga yang memuaskan dan stabil bagi kayu-kayu balak di negara kita. Kalau saya tidak salah harga balak yang pada masa dahulu ialah \$250 satu tan tetapi sekarang sudah naik menjadi \$500 satu tan. Jadi ini jelas sekali yang lawatan itu telah menjadikan satu hasil pendapatan negeri dan bahan tersebut meningkat sebanyak dua kali ganda dan ini besar ertinya kepada rakyat. Ini juga jelas sekali lagi telah meningkatkan keteguhan kewangan ekonomi di negeri Sabah.

Suka saya memendekkan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita adalah bebas untuk mengeluarkan pendapat di samping memberikan beberapa keistimewaan tertentu, bagaimanapun adalah tanggungjawab dan tugas kita bersama bagi memelihara maruah Dewan yang mulia ini bersikap jujur, ikhlas dan sebarang tujuan bagi mengekalkan integrasi kita. Pada hemat saya, adalah merbahaya sekali sekiranya kita menyalahgunakan keistimewaan-keistimewaan yang diberi dalam integrasi kita dengan menimbulkan dakwaan-dakwaan yang tidak berasas. Hak-hak kita ini adalah dijamin oleh Perlembagaan tetapi adalah menjadi tanggungjawab dan tugas kita menentukan segala hak kita itu tidak disalahgunakan sehingga boleh mengelirukan sesiapa sahaja, lebih-lebih lagi kita yang berada dalam Dewan ini. Sebarang percubaan dari sesiapa sahaja hendaklah diawasi sekiranya kita memelihara dan mengekalkan sistem demokrasi Kerajaan. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel,

7.27 mlm.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibentangkan dan dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Rahmah Othman iaitu untuk menjunjung kasih atas Titah Ucapan Di Raja.

Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini ialah yang penghabisan sekali Baginda telah menyentuh pimpinan negara di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Hussein Onn, telah diberi sokongan terus oleh semua golongan rakyat, ini boleh dilihat baru-baru ini di Bukit Raya, Kedah. Dalam pilihanraya kecil dari masa ke masa Kerajaan dapat tahu sokongan diberi kepada dasar-dasar yang sedang dijalankan oleh Kerajaan. Semasa pilihanraya umum rakyat memilih sebuah Kerajaan atas dasar keseluruhannya dalam tempoh 5 tahun tetapi dalam pilihanraya kecil itu rakyat endorsekan atau memberi sokongan apa yang dijalankan dari masa ke masa. Kita faham selain daripada

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat bolehlah menyambung hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 8hb April, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.